

No. Kelas: NOOB

No Perolehan:

Tarikh: 20/08/1994

**IDENTITI DAN HUBUNGAN ETNIK DI
KALANGAN KOMUNITI MELANAU: SATU KAJIAN
DI KAMPUNG PETANAK, MUKAH, SARAWAK.**

PAN HAI LUNG

No. Matrik: 059970

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-Syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi

Universiti Malaya

59100 Kuala Lumpur

Sesi 1993/1994

Bilik Sumber

**Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya**

SINOPSIS

kajian ini merupakan satu penelitian terhadap identiti dan hubungan etnik di kalangan Orang Melanau Mukah , Sarawak. Tempat kajian utama adalah di Kampung Petanak dan pemerhatian terhadap keadaan kampung lain juga dilakukan terutama sekali kampung Judan dan Kampung Tellian. Identiti yang dilihat di sini adalah termasuklah ciri-ciri identiti yang objektif seperti pertempatan, bahasa, agama, aspek-aspek sosial budaya, kegiatan ekonomi serta kebudayaan kebendaan. Selain itu kajian ini juga akan melihat kepada bagaimana pengidentifikasiannya tentang Orang Melanau sebagai satu kumpulan etnik di kalangan Orang Melanau sendiri dan juga oleh kumpulan etnik lain. kajian ini juga akan melihat kepada aspek perhubungan etnik secara inter-etnik dan juga intra-etnik dengan tumpuan khas kepada perbezaan agama di kalangan mereka.

Bab I, membincangkan tentang skop serta tujuan kaajian dan pelbagai keadaan yang diambil untuk menyiapkan latihan ilmiah ini serta pelbagai masalah yang dihadapi dan juga cara-cara penyelesaiannya.

Bab II, akan membincangkan tentang latar belakang terhadap komuniti ini daripada segi pengelompokan yang didasarkan kepada lokasi pertempatan, bahasa dan sistem kepercayaan.

Bab III, pula akan membincangkan tentang identiti Orang Melanau dari segi sosial budaya. Lingkungan perbincangan adalah termasuklah Perayaan *Kaul*, permainan *tibow*, sistem adat bangsa serta beberapa adat istiadat seperti adat perkahwinan, pengebumian dan juga

amalan perubatan traditional.

Bab IV, akan memperlihatkan kaitan di antara Orang Melanau dengan kegiatan-kegiatan ekonomi yang tertentu terutamanya dalam aspek penanaman rumbia dan juga sebagai nelayan. Selain itu, bab ini juga akan melihat pelbagai kebudayaan kebendaan di kalangan komuniti ini yang amat unik dapat dapat mempertonjolkan identiti kumpulan etnik ini.

Bab V, pula membincangkan tentang hubungan etnik di kalangan Orang Melanau secara hubungan inter-etnik dan juga intra-etnik yang di kalangan mereka ini adalah terdiri daripada mereka yang menganuti pelbagai agama yang berbeza. Dalam bab ini juga akan melihat kepada pengaruhnya ke atas komuniti ini ekoran daripada interaksi yang sedemikian.

Bab VI, merupakan kesimpulan. Bincangkan tentang walaupun Orang Melanau sebagai satu kumpulan etnik yang sudah sekian lama terdedah kepada pelbagai jenis pengaruh luar terutama daripada segi agama, namun mereka masih dikenalkan identiti mereka sebagai satu kumpulan etnik yang unik berbanding kumpulan etnik lain di persekitaran mereka.

KANDUNGAN	MUKASURAT
Perhargaan	i-iii
Sinopsis	iv-v
Kandungan	vi-viii
Senarai gambar	ix
Senarai peta	x
Senarai Jadual	x
Bab I Pendahuluan	
1.1 Tujuan dan skop kajian	1
1.2 Kajian-kajian lepas dan kajian ini	5
1.3 Methodologi kajian	9
1.4 Kawasan Kajian	11
1.4.1 Latar belakang dan sejaaraah Mukah	12
1.4.2 Latar belakang kaawasan kajian	14
	16
Bab II Latar Belakang Komuniti Melanau	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Lebel etnik	23
2.3 Etnogenesis Orang Melanau	24
2.4 Ciri-ciri fizikal	30
2.5 Pertempatan	31
2.6 Bahasa	35
2.7 Sistem kepercayaan	38
2.8 Penutup	41
Bab III Dimensi Sosial-Budaya Dan Identiti	
3.1 Pengenalan	42

3.2 Perayaan <i>Kaul</i> dan identiti	43
3.3 Permainan <i>Tibow</i>	49
3.4 Perayaan <i>Kaul</i> , <i>Tibow</i> dan Melanau Kini	51
3.5 Adat Bangsa	52
3.5.1 Bangsa Pengeran	55
3.5.2 Bangsa Sembilan Pikul (<i>a-metahei</i>)	56
3.5.3 Bangsa Tuju' Pikul (<i>a-nyat</i>)	56
3.5.4 Bangsa Tuju' Bertirih	57
3.5.5 Bangsa Dipen atau Ulun	57
3.5.6 Sistem Adat Bangsa kini	58
3.6 Adat Perkahwinan	58
3.7 Adat pengebumian	64
3.8 Perubatan Traditional	65
3.9 Penutup	67

Bab IV Kegiatan Ekonomi

Pengenalan	70
4.2 Kegiatan penangkapan ikan	71
4.2.1 Penangkapan Ikan Secara <i>Panau</i>	72
4.3 Sagu dan Melanau	73
4.4 Rumbia (<i>Balau</i>) Dan Amalan Perubatan Traditional	79
4.5 Makanan-Makanan Traditional Orang Melanau	81
4.5.1 Sagu	81
4.5.2 Biskut Sagu (<i>Tabaloi</i>)	82
4.5.3 <i>Si'at</i>	83
4.5.4 <i>Umai, Sepoh, Beluh</i> Dan <i>Bahi'ak</i>	84
4.6 Kraftangan Orang Melanau	85

4.7 Penutup	86
-------------	----

BAB V NILAI, AGAMA DAN HUBUNGAN ETNIK

Pengenalan

- 5.2 "Masuk Agama" Dan Tukar Agama
- 5.3 Agama, Hubungan Sosial dan Kekeluargaan
- 5.4 Anak Angkat
- 5.5 Agama Dan Hubungan Etnik
- 5.6 Perkahwinan Campur Dengan Orang Cina dan Pengaruh Budaya
- 5.7 Fenomena "Masuk Melanau"
- 5.8 Penutup

BAB VI KESIMPULAN

108

Bibliografi

127

Senarai Gambar

Gambar 1 : Pemandangan Kampung Melanau	118
Gambar 2 : Perayaan <i>kaul</i> di kampung Judan	118
Gambar 3 : <i>Serahang</i>	119
Gambar 4: Bot yang digunakan untuk menghantar <i>serahang</i>	119
Gambar 5 : Permainan <i>tibow</i>	120
Gambar 6 : Keranda bergantung	120
Gambar 7 : <i>Jerunei</i>	121
Gambar 8 : Menangkap ikan menggunakan keadah <i>ancau</i>	121
Gambar 9 : Membuang bahagian luar kulit rumbia sebelum ia dipotong menjadi keratan	122
Gambar 10 : Proses menyediakan sagu	122
Gambar 11 : Menginjak ripo	123
Gambar 12 : Mengeringkan sagu	123
Gambar 13 : Menangkap <i>si'att</i>	124
Gambar 14 : Teredak Dalat, Mukah dan Matu	124
Gambar 15 : Tanda bendera dan meriam pada majlis perkahwinan Melanau dari bangsa 9 pikul	125
Gambar 16 : Pengaru budaya Cina- Kain merah digantung pada pintu depan sewaktu majlis perkahwinan	125
Gambar 17 : Sepasang pengantin Melanau dengan pakaian traditional pengantin	126
Gambar 18 : Interaksi-Jual beli ikan di pasar terbuka	126

Senarai Peta

Peta 1 : Lokasi Sarawak dan Pertempatan utama Orang Melanau	19
Peta 2 : lokasi Kampung Petanak dan kampung-kampung jiran	20
Peta 3 : Kampung Petanak	21

Senarai Jadual

Jadual 1.1 : Penduduk daerah Mukah	12
Jadual 2.1 : Penduduk Sarawak 1990	23
Jadual 2.2 : Bilangan Orang Melanau	29
Jadual 2.3 : Penduduk Melanau dan Melayu	29

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat identiti dan hubungan etnik di kalangan masyarakat Melanau dengan tumpuan khas terhadap Kampung Petanak di Mukah, Sarawak. Identiti etnik di sini lebih merujuk kepada ciri-ciri penonjolan, keistimewaan dan pengenalan yang dimiliki oleh sesuatu kumpulan etnik berbanding dengan kumpulan etnik yang lain di sekeliling mereka. Ciri-ciri penonjolan ini adalah terutama sekali di lihat daripada segi kebudayaan. Elemen-elemen budaya yang dikongsi bersama oleh sesuatu kumpulan etnik adalah penting untuk melihat keistimewaan sesuatu kumpulan etnik berbanding dengan kumpulan etnik lain di persekitaran mereka yang mana identiti etnik adalah dipertonjolkan melalui simbol-simbol budaya yang tertentu (Tan 1988:3-4). Walau bagaimanapun, ia juga melibatkan aspek-aspek lain seperti ekonomi, politik, bahasa, sistem sosial, agama serta pertempatan. Dalam melihat identiti etnik elemen-elemen objektif yang perlu dititikberatkan adalah berbeza daripada satu kumpulan etnik kepada kumpulan etnik yang lain yang mana tidak terdapatnya satu batasan di dalam menentukan elemen-elemen tertentu di dalam mencirikan sesuatu kumpulan etnik yang tertentu. Malah elemen-elemen ini juga adalah berbeza di kalangan satu kumpulan etnik yang sama tetapi mendiami kawasan yang berlainan seperti yang wujud dalam komuniti Melanau.

Dalam melihat identiti masyarakat Melanau ini adalah amat perlu kita meneliti bersama aspek-aspek interaksi sama ada hubungan secara inter-etnik atau intra-etnik secara langsung atau tidak langsung yang telah memainkan peranan dan pengaruh yang amat besar dan mendalam dalam pembentukan identiti kumpulan etnik ini. Ini adalah memandangkan dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, Orang Melanau sebagai satu kumpulan etnik, identiti etnik mereka bukan sahaja dibentuk dari segi persekitaran fizikal sahaja tetapi juga melalui persekitaran sosial-budaya menerusi hubungan dengan masyarakat luar. Ini bermakna bahawa identiti etnik ini juga akan sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa memandangkan keadaan persekitaran sosial budaya mereka juga akan sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Keadaan yang sedemikian berlaku dalam semua masyarakat di dunia memandangkan pada masa ini belum lagi benar-benar wujud satu masyarakat yang terasing (*isolated*) lebih-lebih lagi dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa.

Perkembangan ekonomi di peringkat kebangsaan dan juga peringkat global yang semakin maju dan meluas telah menyebabkan wujudnya pelbagai penhususan di dalam bidang ekonomi dan ini telah menyebabkan semakin kuatnya sesuatu masyarakat bergantung kepada masyarakat lain untuk memastikan kewujudan masyarakat itu pada masa hadapan. Pergantungan masyarakat Melanau kepada masyarakat luar dapat dilihat sejak dahulu lagi di mana masyarakat ini telah mengadakan hubungan perdagangan dengan masyarakat luar pada abad 19 dan awal abad 20 terutama dengan bangsawan Brunei, pedagang-pedagang Melayu dan Orang-Orang British. Perhubungan yang sedemikian telah menyebabkan ramai orang dalam komuniti ini telah menganuti Agama Islam dan Agama Kristian (RC).

Kedua-dua agama ini telah memainkan satu peranan dan pengaruh yang amat besar dalam kehidupan komuniti ini. Di samping itu, hubungan dengan kumpulan etnik lain terutama sekali kaum Cina dan kaum Melayu di Sarawak melalui bidang ekonomi dan juga kegiatan lain yang seterusnya telah mencorakkan serta menyumbang kepada pembentukan identiti kumpulan etnik ini secara langsung atau tidak langsung. Ini adalah memandang kepada kumpulan etnik Melanau ini bukan sahaja merupakan satu kumpulan etnik yang unik tetapi ia juga dinamik. Dinamik di sini merujuk kepada unsur-unsur perubahan dalam pelbagai aspek terutama dalam aspek budaya yang telah berlaku ke atas komuniti ini sama ada daripada segi makro atau mikro. Malah menurut Dr. mohd. Yaakud (1988:211) bahawa apabila membincangkan tentang *fluidity* dalam kumpulan pribumi Sarawak, ia adalah paling baik dibayang dalam masyarakat Melanau. Menurut beliau, *fluidity* merupakan satu soal penyerapan masyarakat Melanau ke dalam kumpulan etnik lain sehingga berlakunya penyerapan identiti iaitu telah berlakunya akulturasil¹ yang melibatkan peminjaman elemen-elemen budaya oleh sesuatu anggota komuniti daripada komuniti yang lain (Tan: 1988:2). Keadaan yang sedemikian telah membawa kepada perubahan pada sesetengah elemen budaya dalam masyarakat Melanau sehingga ia telah mencorakkan satu identiti baru dalam masyarakat Melanau ini.

1. Akulturasil haruslah tidak disamakan dengan assimilasi di mana assimilasi ini melibatkan pertukaran langsung dalam aspek-aspek tertentu dalam kehidupan mengikut kumpulan etnik yang ia berhubungan dengan manakala akulturasil hanyalah melibatkan penyerapan sebahagian daripada aspek-aspek dan kehidupan mereka. Berlakunya akulturasil di kalangan sesuatu kumpulan tidaklah semestinya bermakna lenyapnya identiti kumpulan etnik tersebut jika dalam masyarakat itu tidak berlakunya assimilasi dalam sesuatu aspek oleh kumpulan etnik yang lain.

Selain daripada itu, kajian ini juga akan melihat hubungan di kalangan komuniti ini sendiri yang mana pada dasarnya kumpulan etnik ini dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan kepercayaan mereka iaitu Melanau Muslim (*a selam*), Melanau Kristian dan *likou*² (*pagan*). Kajian ini akan melihat bagaimana komuniti ini dapat dipadukan sebagai satu kumpulan etnik dan pengidentifikasiannya identiti di kalangan mereka memandangkan mereka dibezakan dari segi agama. Malah, jika dilihat secara keseluruhan komuniti Melanau ini juga dibezakan dari segi bahasa, pertempatan, adat serta budaya.

Pada bahagian akhir, kajian ini akan melihat dengan lebih terperinci tentang hubungan etnik dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat ini yang terdiri daripada pelbagai agama terutama dalam kontek masa sekarang. Selain daripada itu, kajian ini juga akan melihat kepercayaan dan amalan tradisi dalam masyarakat Melanau yang telah menganuti agama.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan melihat pelbagai aspek identiti Melanau sama ada daripada segi yang objektif atau pun yang subjektif dan pengaruh luar terhadapnya terutama sekali daripada pengaruh agama yang mana perubahan dalam sistem kepercayaan dan perbuahan-perubahan lain seperti kebudayaan dan politik dalam sesuatu kumpulan etnik mempunyai pengaruh dan kesan yang mendalam terhadap perubahan identiti asal kumpulan etnik itu. Kesan-kesan perubahan ini pula akan saling berkaitan

² . *Likou* boleh digunakan dalam pelbagai kontek yang berlainan yang akan membawa makna yang berlainan. ia boleh juga dirujuk sebagai ras atau bangsa. Misalnya, *a likou Kina* bermakna Orang Cina. Selain itu ia boleh dirujuk sebagai kawasan dan juga boleh dirujuk sebagai Bahasa Melanau itu sendiri.

dan pengaruh-menpengaruhi antara satu sama lain dan seterusnya melakukan penyesuaian mengikut keadaan persekitaran semasa. Kajian ini juga akan melihat pandangan Orang Melanau sendiri dan pandangan masyarakat luar terhadap masyarakat ini sebagai satu kumpulan etnik yang dapat dikenalpastikan identiti mereka daripada beberapa aspek tertentu.

1.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS DAN KAJIAN INI.

Karya-karya tentang komuniti Melanau telah banyak dibuat oleh pengkaji-pengkaji asing terutamanya oleh pengawai kolonial. Namun, sejak akhir-akhir ini, dengan perkembagaan tahap pendidikan dan galakan Kerajaan Negeri Sarawak telah menyebabkan terdapat lebih ramai pengkaji tempatan yang telah menulis tentang komuniti ini. Banyak daripada karya-karya ini merupakan rencana dalam *Sarawak Museum Journal* dan *Sarawak Gazette*.

Kajian Morris (1953) dalam *Report On The Producing Community in Sarawak* boleh dianggap sebagai sebuah kajian yang lebih menyeluruh terhadap komuniti ini. Kajian beliau dalam laporan ini telah menumpukan kepada aspek sosial dan ekonomi masyarakat ini. Dalam buku beliau yang bertajuk *The Oya Melanau* yang diterbitkan pada 1992 pula beliau telah membincarkan dengan lebih mendalam dalam aspek-aspek sejarah dan pandangan dunia Orang Melanau selain daripada membincangkan tentang aspek-aspek sosial dan ekonomi.

Yasir Abdul Rahman (1979), seorang pengkaji daripada komuniti ini dalam buku beliau *Melanau Mukah: Satu kajian budaya*, telah menulis

tentang aspek-aspek budaya seperti organisasi sosial, sistem kepercayaan, adat, pantang larang, perkahwinan, kematian, pengebumian serta perubatan tradisional.

Hedda Morrison (1957), telah menulis tentang pertempatan serta rumah panjang Orang Melanau. Beliau juga telah menghubungkaitkan masyarakat Melanau ini dengan orang-orang Kayan di Ulu Rejang.

Lee Yong Leng (1970) juga telah membincarakan tentang taburan pertempatan Orang Melanau. Selain daripada itu, beliau juga telah menulis tentang kegiatan ekonomi masyarakat ini yang banyak bergantung kepada penanaman rumbia dan penangkapan ikan yang mana kedua-dua kegiatan ini banyak dipengaruhi oleh keadaan bentuk muka bumi di kawasan kediaman mereka.

Malcolm MacDonald (1985) pula, telah membincarakan tentang kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan sagu dan penangkapan ikan yang mana beliau mengkhususkan kajian di kawasan Mukah. Selain daripada itu, beliau juga telah melihat secara kasar struktur pembinaan rumah orang-orang Melanau yang amat berkaitan dengan penggunaan sumber-sumber air sungai.

George Jamuh pula telah menulis tentang kebudayaan dan pantang larang yang diamalkan di dalam komuniti ini. selain daripada itu, belaiu juga telah menulis tentang penangkapan ikan secara *panau*³ dan makanan-

³. *Panau* merupakan satu cara penangkapan ikan Orang Melanau terutama di Kawasan Mukah dan Bintulu. Cara penangkapan ini adalah terutama untuk menangkap ikan duai dan ikan jamah di mana alat *idus* dan daun nipah digunakan sebagai daya penarik untuk memperangkap ikan.

makanan yang diberikan kepada bayi serta amalan perubatan traditional (*be-bayoh*)⁴ yang diamalkan dalam masyarakat ini.

Seorang lagi penulis tempatan iaitu Hashim Awang (1979), telah menyentuh tentang sistem kekerabatan dan perkahwinan, sistem ekonomi, kepercayaan, amalan magis serta lingkaran hidup orang-orang Melanau. Tumpuan kajian beliau adalah terhadap Melanau Islam di Bintulu.

Ian Clayre (1970, 1971) serta Aikman R.G. (1958) telah menghasilkan sumbangan mereka dalam penulisan tentang Bahasa Melanau. Selain itu Aikman juga telah menulis adat istiadat perkahwinan Orang Melanau.

Dengan galakan dan anjuran oleh Kerajaan Sarawak dengan Persatuan Melanau telah berjaya diadakan dua kali Seminar Budaya Melanau iaitu pada tahun 1988 dan 1993. Seminar yang sedemikian telah secara langsung menggalakkan pengkaji-pengkaji tempatan menululis tentang komuniti ini.

Micheal Toyad (1989), membincangkan tentang adat perkahwinan dan pertunangan di kalangan Melanau pagan di Mukah dan Dalat. Pada seminar 1993 pula beliau telah membentangkan kertas kerja tentang pengkodan adat-adat Melanau. Bagi Hang Tuah Merawin (1993), beliau telah menulis tentang pandangan dunia Orang-Orang Melanau.

⁴ . *Be-bayoh* merupakan salah satu cara perubatan tradisional Orang Melanau untuk mengubati pelbagai jenis penyakit yang dipercayai disebabkan oleh gangguan mahluk-mahluk halus yang jahat. Perubatan cara ini melibatkan keupayaan luar biasa seseorang *a bayoh* dalam berhubung dengan mahluk-mahluk halus ini.

Charles Tenggoi Aseng (1989) melihat sejarah dan hubungan Melanau dengan Komuniti lain. Jeniri amir (1989) menulis tentang adat resam Orang melanau yang termasuk sistem kepercayaan, adat istiadat bagi ibu mengadung dan kematian, perubatan traditional serta pantang larang dalam kegiatan ekonomi dan warisan. Manakala bagi Zaine Ozea (1989,1993) pula menumpukan kepada penulisan tentang Bahasa Melanau. Aloysius Dris (1993) menulis tentang masa depan kebudayaan Orang Melanau.

Budui Une (1989) menulis secara umum tentang kebudayaan kebendaan Orang Melanau. Manakala bagi Hat Hoklai (1993) pula menumpukan tulisan terhadap kebudayaan kebendaan dengan tumpuan khas kepada makanan tradisional Melanau. Edmund Kudui (1993) menulis tentang Kebudayaan kebendaan Melanau yang berdasarkan hasilan sagu dan beliau (1989) juga telah menulis tentang permainan traditional orang-orang Melanau.

Walaupun terdapat agak ramai pengkaji yang telah membuat kajian terhadap kumpulan komuniti ini. Namun mereka agak kurang memberikan penekanan terhadap identiti Melanau itu sendiri secara mendalam serta pengaruh luar terhadap identiti kumpulan etnik ini walaupun dalam tulisan Yasir Abdul Rahman (1985) dan Hashim Awang (1979) ada menyentuhnya secara sepintas lalu. Maka kajian ini adalah dirasakan perlu bagi membuka mata dan peluang bagi masyarakat lain secara umum dapat mengenali masyarakat ini dengan lebih mendalam.

Kajian seumpama ini juga merupakan satu usaha yang penting dalam meningkatkan tahap kesedaran kesepunyaan daripada pelbagai aspek di

dalam kalangan kumpulan etnik ini. Ini adalah memandangkan kepada masyarakat Melanau moden kini bersama kumpulan etnik yang lain di Malaysia serta Asia Tenggara telah menyedari tentang identiti etnik mereka menerusi dasar-dasar pemerintahan kolonial. Selain daripada itu, ia juga dapat menyedarkan masyarakat tentang kesinambungan kebudayaan dan aspek-aspek lain yang terhasil daripada hubungan secara inter-etnik dan intra-etnik ini.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat menyediakan pelbagai data dan maklumat yang berguna untuk rujukan dan pemahaman pengkaji-pengkaji lain yang ingin menjalankan kajian terhadap komuniti ini. Menerusi kajian ini juga adalah diharapkan akan dapat memerangsangkan kajian-kajian lanjutan terhadap komuniti ini dan seterusnya dapat memperkayakan dan memperdalamkan pemahaman masyarakat lain tentang masyarakat ini.

1.3 METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk antropologikal. Keadah pemerhatian ikut serta telah digunakan di mana pengkaji telah tinggal bersama komuniti ini dalam lingkungan dua bulan di Kampung Petanak iaitu dari 13hb. April hingga 13hb. Jun 1993. Sepanjang masa kajian, pengkaji telah menyertai pelbagai aktiviti sosial, budaya dan ekonomi yang telah dijalankan oleh komuniti ini. Pengkaji telah mengikuti komuniti ini pergi kebun untuk menebang dan menolak rumbia atau mulong ke tepi sungai. Dalam pada itu, pengkaji juga telah turut terlibat untuk menankap *si'at* (ulat mulong), memburu, mengikuti majlis perkahwinan (*pangilan*) dan pertunagan,

menangkap ikan di tepi pantai dengan cara penangkapan traditional iaitu secara *ancau* dan *pakak*⁵ dan menyertai majlis perkahwinan dan pertunangan mereka. Penyertaan secara langsung dengan komuniti ini telah membolehkan pengkaji melihat secara lebih dekat dan terperinci terhadap komuniti ini.

Dalam kajian secara pemerhatian ikut serta itu sendiri, ia akan melibatkan pelbagai keadah kajian yang lain. Dalam kajian ini, keadah pemerhatian langsung juga digunakan di mana pengkaji turut memerhatikan pelbagai aktiviti seperti Perayaan kaul, kerja-kerja pemrosesan sagu, upacara *bebayah* (perubatan traditinal), upacara pertunangan(*Tuneang*), perkahwinan dan aktiviti-aktiviti lain. Keadah ini digunakan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat lanjut mengenai komuniti ini.

Sepanjang Kajian ini, pengkaji juga telah menemuramah orang-orang tertentu bagi mendapatkan maklumat lanjut, idea dan pendapat mereka mengenai aspek-aspek tertentu dalam kajian ini. Responen-responen adalah terdiri daripada mereka yang berpengetahuan terhadap komuniti ini, terutama sekali penghulu, ketua kampung, orang-orang tua, pengawai-pengawai kerajaan serta penduduk-penduduk kampung setempat yang lain.

Selain daripada itu, soal selidik juga digunakan bagi mendapatkan pelbagai maklumat dasar mengenai penduduk kampung ini seperti pekerjaan, pendapatan, pemilikan harta , kepercayaan agama dan sebagainya.

⁵ . *Ancau* dan *pakak* adalah cara penangkapan ikan yang dijalankan di kawasan tepi pantai yang tanpa melibatkan penggunaan bot. Cara penangkapan ini biasanya digunakan untuk menangkap ikan kecil dan *bubuh* .

Kaedah kajian dokumentari juga dilakukan dengan merujuk kepada kajian-kajian yang lepas mengenai komuniti ini dan kajian dalam komuniti lain dalam bidang yang kajian yang sama bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai kajian ini. Rujukan terhadap kajian-kajian yang lepas juga amat penting dalam mengetahui sejarah dan latar belakang serta dapat melihat perubahan dan transformasi yang belaku pada masa kini berdasarkan pemerhatian yang dibuat semasa kajian luar dijalankan.

Pengkaji juga telah menyertai Seminar Kebudayaan Melanau II yang telah diadakan di Dewan Suarah Mukah pada 27hb. hingga 29hb. Mei, 1993. Penyertaan dalam seminar ini telah menambahkan pelbagai maklumat dan idea baru terhadap kajian ini. Secara amnya, pengabungan pelbagai keadaan penyelidikan ini adalah perlu bagi membolehkan pelbagai maklumat yang lebih lengkap dan sempurna dapat diperolehi.

1.4 KAWASAN KAJIAN

Kampung Petanak, Mukah telah dipilih sebagai kawasan kajian utama. Ini adalah memandangkan kepada kampung ini terdiri daripada masyarakat Melanau yang terdiri daripad ketiga-tiga kepercayaan iaitu Islam, Kristian(RC) dan yang masih amalkan amalan tradisi (*Likou*). Selain daripada itu, dalam kampung ini juga terdapatnya penghuni Cina⁶ yang kekal tinggal di

⁶ Penghuni Cina di sini juga telah turut mengubati agama Kristian Katolik yang mana Orang Cina di kawasan pekan Mukah kebanyakannya adalah menganuti Kristian Methodist. Di kampung ini hanya terdapat satu ketua keluarga yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisi Orang Cina dengan menyembah nenek moyang manakala ahli keluarga lain adalah beragama Kristian.

kampung apabila berlakunya perkahwinan campur dengan penduduk tempatan. Selain itu, Perkahwinan campur juga sering berlaku di kalangan penduduk kampung ini dengan etnik lain seperti Cina, Iban, Melayu, Kenyah dan kumpulan etnik yang lain. Keadaan yang sedia wujud seperti ini adalah amat sesuai dengan bidang kajian pengkaji. Selain itu, dengan projek baktisiswa yang juga dijalankan di kampung ini telah secara langsung akan dapat memudahkan perhubungan pengkaji dengan penduduk kampung ini.

1.5 LATAR BELAKANG DAN SEJARAH MUKAH

Daerah Mukah dengan keluasan kira-kira 5,020 kilometer persegi yang menganjur dari Kampung Judan hingga ke Daerah Kecil Balingian menpunyai penduduk seramai 42,000 orang (Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak 1991). Mengikut Banci 1980, komposisi penduduk Mukah adalah seperti dalam jadual 1.1:

Jadual 1.1: Penduduk Daerah Mukah.

Kaum	Bilangan (orang)	Peratusan (%)
Melanau	12,466	34.96
Melayu	613	1.71
Cina	3,196	8.96
Iban	19,247	53.97
Bidayuh	61	0.17
Lain-lain Bumiputera	56	0.15
Lain-lain	26	0.07
Total	35,665	100.00

Sumber: Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak 1991

Penduduk-penduduk ini menganuti pelbagai jenis agama dan kepercayaan seperti Islam, Kristian, Buddha dan ada yang masih mengamalkan agama animisme. Kegiatan ekonomi penduduk di sini adalah seperti nelayan, petani, buruh kasar, perniaga, pengawai kerajaan dan swasta dan pelbagai jenis pekerjaan lagi.

Sebelum kedatangan pihak luar dalam pentadbiran kawasan Orang Melanau di Mukah, ia adalah di bawah pentadbiran Ketua-ketua Orang tempatan yang dipanggil *a-metahei*. Gelaran ini diberi kepada mereka kerana kekuatan, kegagahan fizikal serta pengaruh mereka. Pada awal 1800, Mukah telah mula di bawah pentadbiran Brunei dan pentadbir-pentadbir adalah terdiri daripada orang-orang ternama dari Brunei yang di bawah ketua mereka iaitu Pengiran Arshad. Keadaan Mukah pada masa itu adalah selalu dalam keadaan yang huru-hara dan selalu berlakunya pertumpuran darah. Kedan ini telah memberikan peluang kepada pihak Brooke campur tangan dan dalam tahun 1861 Mukah telah berjaya di bawah kuasa Brooke apabila ia telah diserahkan oleh Kerajaan Brunei kepada pihak Brooke (Jakson 1976:112).

Di bawah pentadbiran Brooke, keamanan adalah terjamin pada masa itu. Selain itu, orang-orang tempatan juga telah dilantik menjadi ketua-ketua di pejabat. Antara mereka yang berpengaruh adalah seperti Orang Kaya Setia Raya dan Datuk Awang Udin. Keamanan ini tergugat apabila Mukah telah berjaya ditawan oleh tentera Jepun dalam tahun 1941.

Apabila Jepun menyerah kalah, makah pentadbiran Mukah terletak semula pada tangan pihak Brooke. Pada 1hb. Julai 1946, Mukah telah

diserahkan oleh Kerajaan Brooke kepada Kerajaan Crown Colony dan seterusnya Mukah terlepas daripada pentadbiran pihak Kerajaan British apabila Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia pada 16hb. september, 1963.

Sarawak amnya dan Mukah khasnya yang telah melalui dan mengalami petukaran beberapa pemeritah, mempunyai implikasi yang amat mendalam terhadap pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, sosial, agama dan budaya dalam penduduk di kawasan ini terutama sekali Orang Melanau. Pengislaman Orang Melanau misalnya pada zaman pemerintah Brunei dan penyebaran agama Kristian pada zaman pemerintah Brooke dan British serta kemasukan orang-orang Cina terutama dengan galakan Kerajaan British telah memberikan implikasi yang amat mendalam dan signifikan terhadap pembentukan identiti Melanau pada masa dahulu dan sekarang.

1.6 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian adalah di Kampung Petanak yang letaknya kira-kira 5 kilometer dari Pekan Mukah. Kampung Petanak merupakan satu kampung Melanau yang amat unik sekali. Ini dapat dilihat daripada segi penduduknya sendiri di mana ia merupakan satu kampung yang mengadungi penduduk Melanau yang menganuti ketiga-tiga kepercayaan keagamaan iaitu agama Islam, Kristian dan animisme. Dari itu, dalam kampung ini terdapatnya tiga buah surau dan juga dua buah *chappel*. Dalam kampung ini terdapat keluarga yang mengundungi ahli-ahli keluarga yang menganuti ketiga-tiga kepercayaan ini di bawah satu bumbung rumah yang sama. Walaupun yang demikian, perbezaan dalam sistem kepercayaan ini tiadak menjadi satu halangan terhadap hubungan kekeluargaan yang terjalin di kalangan mereka

selepas mereka berkahwin dengan gadis-gadis Melanau tempatan. Selain itu terdapat juga keluarga-keluarga Cina yang mendiami kampung ini. Terdapat satu keluarga Cina ini yang mempertuturkan dialet *Hokkien* sebagai bahasa perhubungan mereka di dalam keluarga.

Kampung ini dapat dihubungkan dengan pekan Mukah serta kampung-kampung laian melalui jalan raya dan juga jalan air. Namun dengan perkembangan jalan raya bertar serta terdapatnya perkhimatan bus telah menyebabkan penhubungan mengikut jalan air kurang digunakan. Ini adalah memandangkan kepada penggunaan jalan raya adalah lebih cepat, murah dan mudah. Namun demikian, jalan air ini masih digunakan untuk pergi ke kebun serta mengangkat rumbia dari kebun ke kawasan kampung.

Kampung ini juga terdapat kedai-kedai runcit yang berskil kecil yang diusahakan oleh penduduk kampung sendiri untuk membekalkan barang-barangan keperluan sehari-hari. Namun penduduk kampung ini juga sering pergi ke pekan Mukah untuk mendapatkan bekalan keperluan mereka. Ini adalah kerana harga yang lebih rendah ditawarkan di pekan Mukah dan pilihannya adalah lebih banyak berbanding dengan kedai-kedai runcit di kampung.

Kegiatan ekonomi penduduk di kampung ini adalah kebanyakanya melibatkan diri sebagai penanam rumbia dan juga sebagai nelayan. Selain itu, terdapat juga di kalangan mereka yang melibatkan diri dalam pekerjaan lain seperti sebagai polis, guru, peruncit, pemburu, pekebun sayur-sayuran dan buah-buahan, pembantu kedai serta kegiatan ekonomi lain.

Dari segi kepimpinan pula, kampung ini dipimpin oleh seorang penghulu (beragama Kristian) dan dua orang ketua kampung (beragama Islam). Pemilihan pemimpin di peringkat kampung dari kedua-dua agama ini adalah agar kebijakan kedua-dua golongan yang beragama Islam dan Kristian dapat dijaga serta hal ehwal penduduk kaampung yang berlainan agama dapaat diuruskan. Di kampung ini juga terdapatnya satu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang bertanggungjawab terhadap pembangunan pelbagai kemudahan sosial dan kemudahan awam serta hal-hal berkaitan dengan keselamatan kampung. Pengerusi JKKK ini biasanya adalah dipilih daripada kalangan penduduk kampung yang selain daripada penghulu dan ketua kampung.

1.7 MASALAH-MASALAH KAJIAN DAN PENYELESAIAN

Semasa memasuki kawasan kajian ini, permohonan kebenaran telah diperolehi daripada penghulu dan bantuan maklumat telah diperolehi mengenai responen-responen yang sesuai untuk kajian ini. Namun seperti juga penyelidik-penyalidik, pengkaji juga telah menghadapi pelbagai masalah dalam kajian ini. Pada peringkat awal, masalah penerimaan pekaji di kalangan penduduk kampung telah menjadi halangan utama. Walaupun di bawah penyelolaan Persatuan Mahasiswa Sarawak Universiti Malaya telah diadakan Projek Baktiswara selama satu minggu, namun dalam masa yang agak singkat ini, terdapat juga di kalangan penduduk kampung yang belum lagi mengenali diri pengkaji. Dalam hal ini, semasa dijalankan kajian, pengkaji telah disalahanggap sebagai jurujual yang selalu datang ke kampung ini dan terdapat juga kes penipuan oleh mereka. Selain itu pengkaji juga telah

disalahanggap sebagai pengintip dari pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, menerusi masa dan penyebaran maklumat dari mulut ke mulut di kalangan penduduk kampung itu sendiri tentang matlamat sebenar pengkaji, ia telah dapat menyelesaikan masalah ini dan hubungan mesra dapat dijalin dengan hampir keseluruhan penduduk kampung ini.

Masalah lain ialah masalah bahasa di mana pengkaji sendiri bukannya dari komuniti ini malah agak asing terhadap komuniti ini sebelum kajian dibuat. Pada umumnya, mereka dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia. Namun kadang-kala mereka juga menyelitkan Bahasa Melanau di dalam pertuturan kami. Ini sedikit sebanyak telah menjakkan kelancaran temubual dengan penduduk kampung ini. Masalah yang lebih besar telah dihadapi semasa menemubual orang-orang tua yang kebanyakannya mereka tidak begitu pandai bertutur dalam Bahasa Malaysia. Dalam hal ini, kadang-kadang orang kampung juga akan diambil untuk menjadi orang perantaraan. Selain dari itu, pengkaji sendiri juga telah cuba sedaya upaya untuk mempelajari Bahasa Melanau bagi melancarkan lagi perhubungan dan menjalinkan hubungan yang lebih mesra.


Pada peringkat awal sumber kewangan memang merupakan satu masalah yang dihadapi. Namun dengan bantuan daripada Projek Hubungan Etnik, Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya serta ahli-ahli keluarga masalah ini dapat diatasi.

Mendapatkan maklumat daripada penduduk secara amnya adalah tidak begitu sukar kecuali mengenai hal-hal yang agak sulit seperti jumlah


harta dan jumlah pendapatan. Ini berpunca daripada sikap malu dan segan mereka serta pendapatan mereka yang tidak tetap terutama bagi penanam rumbia , nelayan dan buruh kasar.

Pada keseluruhannya, komuniti Melanau di kampung Petanak khasnya dan Mukah amnya adalah begitu peramah dan sentiasa bersedia memberikan bantuan dan kerjasama kepada pengkaji.

Peta 1: Lokasi Sarawak Dan Pertempatan Utama Orang Melanau




Peta 2: Lokasi Kampung Petanak Dan Kampung-Kampung Jiran



Sumber : Disesuaikan Dari Morris (1991)

Peta 3: Kampung Petanak



Bab II

Latar Belakang Komuniti Melanau

PENGENALAN

Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,499 kilometer persegi atau pun 38% daripada jumlah keluasan keseluruhan Persekutuan Malaysia. Ia merupakan sebuah negeri yang unik dengan penduduknya yang berbilang kaum dan setiap kaum ini mempunyai identiti kumpulan mereka yang tersendiri. Namun di kalangan mereka juga wujudnya persamaan-persamaan dalam beberapa aspek yang tertentu. Komposisi penduduk Sarawak adalah seperti dalam jadual 2.1

Jadual 2.1 : Penduduk Negeri Sarawak 1990

kaum	Bilangan ('000)	Peratusan (%)
Dayak	724	43.4
Cina	483	28.9
Melayu	348	20.8
Melanau	96	5.8
Lain-lain	19	1.1
Total	1,670	100.0

Sumber: Siaran Perangkaan tahunan Sarawak 1991.

Antara kumpulan etnik yang besar adalah seperti kaum Iban, Cina, Melayu, Melanau dan Bidayuh. Manakala kumpulan-kumpulan kecil yang lain adalah seperti kaum Kenyah, Kayan, Murut, Kelabit, Penan, Berawan,

Bisaya dan lain-lain. Mengikut perangkaan tahunan 1990, kaum Dayak¹ merupakan 43.4% daripada jumlah penduduk Sarawak yang seramai 1,670,344 orang. Dalam pada itu, Masyarakat Melanau cuma merupakan 5.8% atau 96,000 orang daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Walaupun bilangan mereka yang kecil tetapi pengaruh politik mereka dalam politik Sarawak adalah begitu menonjol sekali.

2.2 LEBEL ETNIK

Seperti juga panggilan bagi kumpulan pribumi Sarawak yang lain, 'Melanau' sebenarnya bukannya panggilan bagi kalangan Melanau itu sendiri. Panggilan 'Melanau' ini sebenarnya merupakan panggilan Orang-Orang Brunei ke atas mereka. Orang Melanau sendiri pula menggelarkan diri mereka sebagai *a likou* yang bermakna 'orang sungai' (Morris 1953:2). Untuk menunjukkan identiti asal mereka yang tersendiri, mereka akan menggelarkan diri mereka berdasarkan tempat asal mereka. Misalnya *a likou Oya* bermakna Orang Melanau yang berasal dari kawasan Oya dan *a likou Muka* pula adalah Orang Melanau yang berasal dari Kawasan Mukah. Terdapat juga Orang Melanau yang menggelarkan diri mereka sebagai *Lemano* (Hashim Awang 1983:279). Panggilan Melanau ini juga telah wujud pada peta-peta orang-orang Eropah semenjak tahun 1595 (Morris: 1953:2). Panggilan 'Melanaus' adalah dikatakan mirip kepada Melayu, oleh yang demikian sering kali orang Melanau ini telah disalahanggap sebagai Orang Melayu (Lo Ming 1966:12). Selain daripada itu, nama bagi Orang Melanau yang telah menaguti agama Islam juga cederong menyerupai nama Orang Melayu yang mana kebanyakan mereka adalah cenderong untuk mengambil

¹ . Dayak di sini merujuk kepada Orang Iban, Bidayuh dan lain-lain suku bumiputera di Sarawak.

nama yang berunsurkan Islam. Di kalangan Melanau Kristian pula, mereka akan cenderung menggunakan nama kristian.

Selain itu, pengkaji-pengkaji yang berlainan akan menggunakan panggilan yang berbeza untuk merujuk kepada kumpulan etnik ini. Keppel (1846:196) telah menggunakan panggilan *Milanowes*. Panggilan-panggilan lain yang digunakan adalah seperti *Milanow* (Clayre:1970), *Milanos* (Roth, 1968), *Milanowes* (Low 1968:39) dan Orang-Orang Melayu Sarawak pula menggunakan panggilan *Melano*. Walaupun pelbagai panggilan telah digunakan, pada hari ini, Melanau adalah panggilan yang meluas digunakan dan diketahui umum serta diterima umum. Dari sini dapat dilihat bahawa pada peringkat awal, secara umumnya, penduduk pribumi Sarawak mengidentifikasi diri mereka berdasarkan kepada kawasan, sungai dan juga rumah panjang. Namun melalui proses masa terutama selepas kolonialisasi oleh pihak asing telah mendesak mereka untuk bersatu demi menjaga kepenting mereka dengan menggunakan nama atau lebel Melanau seperti mana nama yang telah diberikan kepada mereka oleh masyarakat luar yang lain.

2.3 ETNOGENESIS ORANG MELANAU

Dalam melihat asal-usul Orang Melanau ini, pengkaji-pengkaji lepas telah melihat pelbagai aspek persamaan di antara kumpulan etnik ini dengan kumpulan etnik yang lain. Daripada pelbagai aspek persamaan ini mereka telah cuba melihat asal-usul serta pertalian Melanau dengan kumpulan pribumi lain di Sarawak dan luar Sarawak seperti di Filipina. Namun kebanyakkan daripada mereka melihat dari segi persamaan bahasa.

Leach (1950:53) telah meletakkan masyarakat Melanau ini ke dalam kategori *para Malay*. Menurut beliau, *para malay* ini terdiri daripada Orang Segan (Melanau Bintulu) dan *liko* (Melanau Mukah-Oya). Orang-orang Segan ini dipercayai asalnya adalah Orang Penan dari Kajang. Manakala *liko* pula asalnya dari kumpulan Kanowit. Menurut Jackson (1976:43-44) bahawa Orang Melanau merupakan orang perantaraan di antara Orang Melayu di kawasan pantai dengan Orang-Orang di kawasan pendalam. Ini adalah berdasarkan kepada persamaan daripada segi adat, tabiat serta bahasa di kalangan mereka. Penganutan agama Islam yang membawa kepada pengamalan sebahagian daripada cara-cara hidup Orang Melayu telah menyebabkan mereka lebih mirip kepada sifat-sifat 'keMelayuan' dan juga melalui proses perkahwinan campur dengan orang-orang Melayu. Aikman (1958:238) pula telah mengaitkan Orang Melanau dengan orang-orang lain di kawasan pendalam seperti Orang Kayan dan Orang Kenyah.

Berdasarkan kepada persamaan daripada segi bahasa pula, Clarye (1970: 330-352), telah mengaitkan Orang Melanau Bintulu dengan Orang Sekapan. Selain daripada itu, wujudnya cerita Lagenda Tugau di kalangan kedua-dua kumpulan etnik ini. Clarye (1970:121) juga telah mengaitkan Orang Melanau ini dengan orang Kayan. Mengikut cerita-cerita di kalangan Orang-Orang Sekapan, Orang-Orang Kayan yang dipimpin oleh pemimpin mereka iaitu Tugau telah lari ke hilir bagi mengelakkan daripada serangan kuasa-kuasa ghaib. Mereka telah melarikan diri ke Sungai Igan dan menetapkan pertempatan di Retus. Pengikut-pengikut Tugau yang tinggal di sinilah akhirnya dikenali sebagai Melanau. Terdapat juga pengikut-pengikut Tugau lain mengikuti Tugau sendiri untuk meneruskan perjalanan dan

mendirikan pertempatan baru. Daripada golongan inilah akhirnya lahir kumpulan-kumpulan seperti Kanowit, Lahaman, Kejaman, Punan dan Sekapan. Beliau juga telah menghubungkaitkan Orang Melanau ini dengan Punan yang mana kedua-dua kaum ini mengamalkan pengebumian mayat dua kali dalam *kelireng* atau *jerunai*. Clarye juga telah mendakwa bahawa Orang Melanau adalah kaum yang tertua di Sarawak.

Aikman (1958) berdasarkan persamaan bahasa telah mengaitkan Orang Melanau dengan golongan Sekapan di Balanga, Kanowit dan Tanjung. Menurut beliau, tidak wujudnya masalah besar bagi Orang Melanau terutama yang berasal dari Oya untuk memahami bahasa Orang Sekapan. Beliau juga mendakwa Bahawa terdapat hampir 40% persamaan di antara Bahasa Melanau dengan Bahasa Bidayuh. Lo Ming (1966:13) telah mengaitkan Orang Melanau ini dengan Orang Kadayan, Bisaya dan Bugis yang mana ketiga-tiga kumpulan ini juga tinggal di kawasan pantai.

Manakala menurut Tim G. babcock (1974:191-202), masyarakat Melanau merupakan satu cabang daripada kelompok dari Hulu Rejang yang mana mereka telah dipisahkan oleh Orang-orang Iban dan Kayan. Menurut Morris (1991:4) pula , orang di Delta Rejang dan kumpulan di pantai adalah dipanggil sebagai Melanau yang mana merupakan *sub-group* kepada Klamantan. Klamantan pula mengikut Perlembagaan 1941, adalah merujuk kepada kumpulan yang bukan Kayan, Kenyah, Iban, Dayak Darat dan Melayu.

Jika dilihat secara teliti kita akan mendapati bahawa kumpulan-kumpulan pribumi di Sarawak mengkongsi beberapa persamaan dari segi bahasa, kebudayaan kebendaan dan sistem kepercayaan tradisi. Bahasa

mereka adalah sama-sama digolongkan ke dalam Malayo-Polynesia. Kebudayaan kebendaan pula adalah berkaitan dengan hasil pertanian, hasil-hasil buatan tangan tempatan serta tinggal atau pernah tinggal di dalam rumah panjang. Manakala sistem kepercayaan asal mereka adalah percaya kepada animisme. Selain dari itu, beberapa kumpulan pribumi di Sarawak juga pernah mengamalkan *secondary burial* seperti Melanau, Ndallus, kadayan, Orang Bukits, Long Kiputs, Batu Blohs, Miris, Berawans dan Long Pertas. (Hose 1894:172) Mengikut sejarah kesemua kumpulan pribumi di Sarawak asal-usul mereka adalah golongan yang berhijrah daripada bahagian-bahagian lain di Asia pada lebih daripada satu abad yang lalu (Lo Ming 1966:5) Tarikh kedatangan Melanau ke kawasan ini adalah tidak dapat dipastikan. Oleh itu, asal-usul Orang Melanau ini adalah masih kabur lagi. (Lee Yong Leng.1970:70) Walau bagaimanapun, beliau telah mengaitkan Orang Melanau ini dengan Orang Dayak Darat berdasarkan persamaan dari segi bahasa.

Walau bagaimanapun, Orang Melanau ini dapat dibahagikan kepada suku-suku yang kecil mengikut pertempatan mereka. Mengikut Joseph K.T. Hock (1987:34), Melanau ini adalah terdiri daripada suku-suku seperti Bintulu, Bukitan, Kejaman, Kanowit, Lahanan, Lisum, Lugat, Matu, Rajang, Seduan, Sekapan, Sian, Sipeng, Tatau dan Ukit. Manakala Leigh (1975:143) telah mengklasifikasikan Melanau ini berdasar kawasan iaitu suku Matu, suku Melanau Bintulu, suku Rajang, suku Seduran dan suku Tanjung.

Mengikut Resolusi hasil Seminar Budaya Melanau I² pula, orang Melanau adalah merangkumi orang-orang seperti Bluiun, kanowit, Balingian, Orang Miriek(Miri), Seduan, Segalang, Rajang, Paloh, Igan, Matu (Matu-

² . Seminar Budaya Melanau I, telah diadakan pada 27-29hb. Julai, 1988 bertempat di Dewan Suarah Mukah.

Daro), Tatau, Segahan/Preban, Segan(Bintulu), Siteng (Mukah), Oya dan Dalat.

Jika dilihat daripada segi perundangan, iaitu mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963, fasal 160 (2) adalah didapati bahawa Orang Melanau yang beragama Islam juga dapat dikategorikan sebagai Orang Melayu³. Namun dalam hal ini pengkaji amat bersetuju dengan pendapat Jackson (1976:39), bahawa dalam masyarakat Borneo yang penting dalam mengketagorikan seseorang sebagai Orang Melayu haruslah memenuhi dua perkara yang asas iaitu seseorang itu menganggap dirinya sebagai Orang Melayu dan dianggap demikian juga oleh masyarakat yang sebangsa dengannya. Oleh yang demikian, dalam kes Orang Melanau juga adalah sama di mana seseorang adalah dikatakan adalah Orang Melanau jika dirinya mengaku sebagai keturunan Orang Melanau dan diakui oleh kumpulan yang sama bangsa dengannya dan kumpulan etnik di sekeliling mereka. Di kampung Petanak, adalah didapati bahawa walaupun seseorang Melanau telah menganuti agama Islam , dia tetap memperkenalkan diri mereka sebagai Orang Melanau dan demikian juga oleh Orang Melanau lain dalam kampung ini. Ini adalah berdasarkan bahawa identiti etnik seseorang itu adalah bergantung kepada bagaimana masyarakat mengidentifikasi seseorang sebagai anggota daripada sesuatu kumpulan etnik. Tanpa pengakuan dan penerimaan daripada masyarakat sekeliling adalah amat sukar bagi seseorang menyatakan dirinya sebagai anggota daripada sesuatu kumpulan etnik selain daripada keterunan asalnya.

³ . Mengikut Perlembagaan Persekutuan 1963, Melayu adalah dirujuk kepada seseorang yang mengakut beragama Islam, biasanya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengikut adat istiadat Melayu.

Namun yang demikian adalah didapati terdapatnya orang-orang yang berkepentingan tertentu sering menimbulkan kekeliruan di dalam membezakan kumpulan etnik ini dengan kumpulan etnik yang lain terutama dalam membezakan Orang Melanau Muslim dengan Orang Melayu dengan menggolongkan Melanau Muslim sebagai Orang Melayu. Kedan ini dapat dilihat seperti dalam Jadual 2.2 yang mana terdapatnya kadar pertambahan Orang Melanau sebanyak -3.3% dalam tempoh 1939-1947. Dalam Jadual 2.3 menunjukkan di Kwasan Hilir Rajang dalam tempoh 1940-1947 terdapatnya pengurangan dalam jumlah bilangan Orang Melanau manakala terdapatnya pertambahan dalam bilangan Orang Melayu yang secara mendadak.

Jadual 2.2 : Bilangan Orang Melanau

Tahun	Bilangan	kadar pertambahan %	Peratusan (%) dr. jumlah penduduk
1939	36,722	-	7.5
1947	35,560	-3.3	6.5

Sumber: Jones (1960 : 50)

Jadual 2.3 ; Penduduk Melanau dan Melayu di Hilir Rajang

Tahun	Melanau	Melayu	Jumlah
1940	16,503	416	16,919
1947	12,389	3,917	16,306

Sumber: Morris (1991:313)

Timbulnya kekeliruan di dalam membezakan Orang Melanau dengan Orang Melayu adalah disebabkan oleh (Kes Malaysia) penganutan agama Islam di kalangan Orang Melanau akan membawa maksud bahawa

berlakunya penyerapan masuk sesetengah budaya terutamanya cara hidup sehari-hari Orang Melayu ke dalam kehidupan masyarakat Melanau. Oleh yang demikian, kadang-kadang Orang Melanau yang *masuk Islam* juga dikatakan adalah *masuk Melayu*. Pandangan yang sedemikian adalah agak mengelirukan di mana kita boleh katakan bahawa 'Melayu adalah Islam' tetapi kita tidak boleh katakan 'Islam adalah Melayu'. Pandangan yang sedemikian juga akan melenyapkan identiti Melanau dalam beberapa aspek tertentu terutama dalam arena politik Melanau Sarawak. Oleh yang demikian di dalam sebarang usaha untuk mengklasifikasikan sesuatu kumpulan etnik adalah amat penting ia tidak cuma dilihat daripada satu aspek sahaja seperti agama sahaja atau kegiatan ekonomi sahaja.

2.4 CIRI-CIRI FIZIKAL

Menurut Aikman (1958:237) bahawa Orang Melanau adalah kelihatan seperti Orang Melayu Sarawak terutama dengan taraf pendidikan yang dicapai oleh mereka. Beliau juga membuat satu jangkaan bahawa menerusi pendidikan, Orang Melanau ini akan lebih menyerupai Orang Melayu pada masa hadapan. Walaubagaimana pun, beliau mengakui terdapatnya ciri-ciri fizikal yang tersendiri yang berbeza daripada Orang Melayu iaitu Orang Melanau secara umumnya mempunyai kulit yang lebih cerah serta lebih tegap dan mempunyai bahu yang lebih luas. Gadis-gadis Melanau pula terkenal dengan kecantikan mereka. Dalam masyarakat Melanau traditional, bayi perempuan sejak kecil akan diapitkan pada bahagian dahinya satu alat yang dipanggil *a jah* untuk membentuk dahi yang kelihatan mendatar. Gadis yang mempunyai dahi yang sedemikian adalah dikatakan cantik dalam

masyarakat ini dan dahi yang sedemikian juga adalah bagi memudahkan gadis Melanau ini memakai *serebeng*⁴ semasa menjadi pengantin nanti.

Dari segi pakaian, menurut Hashim Awang (1979:36-37), cara berpakaian Orang Melanau adalah tidak jauh berbeza daripada Orang Melayu yang mana bagi perempuan mereka adalah berbaju kurung dan kebaya manakala bagi lelaki adalah bersongkok dan berbaju Melayu. Namun, kenyataan beliau ini hanya benar pada setakat yang tertentu sahaja iaitu ia benar bagi mereka yang beragama Islam dan ada juga yang berpakaian sedemikian hanya pada pada majlis-majlis keramaian dan perayaan yang tertentu sahaja. Pada hari-hari kebiasaan, cara pemakaian di kalangan Orang Melanau pada hari ini banyak bercorak pemakaian barat dan ada juga di kalangan wanita Melanau yang beragama Islam akan lebih memakai baju kurung sebagai pakaian sehari-hari mereka.

2.5 PERTEMPATAN

Kawasan penempatan Orang Melanau adalah tertumpu di kawasan-kawasan muara-muara sungai dan anak-anak sungai di kawasan persisiran pantai di antara Kuala Sungai Rejang dengan Kuala Sungai Baram. Kawasan-kawasan ini adalah rendah dan selalu dinaiki air. Namun terdapat juga orang-orang Melanau yang tinggal di kawasan yang agak jauh daripada kawasan pantai seperti di Kanowit⁵. Walau bagaimanapun, bilangannya adalah tidaklah begitu ramai. Kepadatan penduduk Melanau adalah

⁴ . *Serebeng* adalah sejenis perhiasan kepala bagi pengantin perempuan semasa dijalankan majlis perkahwinan.

⁵ . Kumpulan Melanau ini adalah terdiri daripada kumpulan Tanjong yang mana bilangan mereka mereka adalah tidak begitu ramai sehingga ke hari ini.

tertumpu di kawasan Lembah Sungai Oya dan Mukah. Kawasan pertempatan Orang-Orang Melanau yang berdekatan dengan pantai telah memainkan satu peranan yang amat penting dalam proses peradaban mereka dan memudahkan mereka terdedah kepada aktiviti perdagangan serta penyebaran masuk agama. Selain daripada itu, kedudukan mereka yang terletak di persisiran pantai dan berhampiran dengan pusat pemerintahan Brunei telah membolehkan penyerapan masuk unsur-unsur kemajuan. Ini lebih-lebih lagi dengan kekayaan ekonomi yang dimiliki di kawasan ini iaitu sagu telah mendorong kedatangan pedagang-pedagang lain bermiaga di sini dan seterusnya campurtangan kuasa mereka di kawasan ini.

Dari segi pertempatan setempat terutama di kawasan Daerah Kecil Mukah, kewujudan masjid atau surau dan *chappel* dalam satu perkampungan Melanau yang sama telah menjadi satu identiti khas yang paling nyata bagi kampung Melanau. Selain itu, kebanyakkan rumah Orang Melanau adalah didirikan di tepi-tepi sungai bagi memudahkan mendapatkan bekalan air dalam pemprosesan sagu, untuk tujuan pengangkutan dan keperluan sehari-hari. Malah jika dilihat secara sepantas lalu, maka akan didapati bahawa hampir tiap-tiap perkampungan Melanau adalah diambil sempena dengan nama sungai yang mengaliri kawasan pertempatan mereka. Misalnya, Kampung Petanak dengan Sungai Petanak, kampung Tellian dengan Sunagi Tellian, kampung Judan dengan Sungai Judan dan Kampung Sesok dengan Sungai Sesok. Namun pada masa kini, akibat daripada perkembangan sistem pengangkutan dengan adanya jalanraya serta perkhimatian bus telah wujudnya kecendorongan di kalangan mereka untuk mendirikan pertempatan di sepanjang jalan raya. Ini adalah terutama bagi mereka yang tidak begitu bergantung kepada kegiatan memproses sagu.

Namun bagi mereka yang mempunyai saudara-mara yang sudah tinggal di kawasan tepi sungai, mereka juga akan turut dirikan rumah berdekatan walaupun mereka tidak begitu bergantung kepada sumber air sungai. Iaitu mereka adalah dikatakan sebagai *a sega*⁶ yang membawa makna kepada saudara dekat. Ini dapat meperlihatkan ikatan kekerabatan yang begitu kuat di kalangan mereka walaupun di kalangan mereka ada yang berbeza daripada sistem kepercayaan. Keadaan ini dapat jelas dilihat di kampung Petanak di mana pada bahagian Petanak Hulu, corak penempatan adalah di tepi sungai yang mana jalanraya juga dibina di tepi sungai . Di Pertanak Hilir pula, corak penempatannya adalah di tepi jalan raya juga tetapi jalan raya ini dibina jauh daripada sungai.

Daripada segi bentuk fizikal rumah pula, pada lebih kurang satu abad yang lalu, Melanau adalah seperti kumpulan-kumpulan pribumi Sarawak yang lain tinggal dalam rumah panjang dan mula tinggal dalam rumah yang berasingan setelah mereka menganuti agama Islam.

"... orang-orang ini juga mula-mulanya dulu tinggal di rumah panjang tetapi mereka telah mula meninggalkan tempat kediaman itu sejak satu kurun yang lalu. Sekarang ini kampung-kampung Orang Melanau itu merupakan rumah-rumah kayu beratap nipah yang berjajar kedudukannya di tepi-tepi sungai dan pada keseluruhannya kampung ini menyerupai kampung-kampung Melayu". (Jackson 1976:43)

⁶ Taksiran tentang *a sega*' ini adalah berbeza dari individu kepada individu yang lain yang mana ada yang menyatakan sehingga kepada saudara dua pupu sahaja dan ada yang menyatakan sehingga kepada tiga pupu atau yang lebih daripada itu.

Memang benar bahawa Orang Melanau kini telah mendiami di rumah-rumah yang berasingan. namun sejauh mana faktor penganutan agama Islam telah menyumbang kepada perubahan corak perumahan yang sedemikian adalah kurang nyata. Ini adalah memandangkan kepada tidak semua Orang Melanau adalah beragama Islam. Faktor bahawa kos pembinaan rumah panjang yang bertiang tinggi yang tinggi serta keadaan keselamatan yang terjamin di kawasan ini juga memainkan peranan yang amat penting di dalam menyumbang kepada perubahan corak perumahan yang sedemikian.

Menerusi peningkatan di dalam taraf hidup mereka sudah kurang kedapatan rumah-rumah yang beratapkan nipah dan hampir kesemua adalah beratapkan zink. Di kawasan perumahan yang terletak di tepi sungai yang senang dinaiki air semasa air pasang seperti di Petanak Hulu dan sebahagian Petanak Tengah, di depan hampir setiap rumah akan dibina satu pondok kecil yang tingginya 2-3 kaki dari permukaan tanah sebagai tempat meletak terutamnya basikal dan motosikal. Dengan perkembangan di dalam sistem perhubungan seperti jalan raya bertar telah menyebabkan hampir kesemua keluarga di sini memiliki sama ada basikal atau motosikal dan ada yang memiliki kereta serta lori. Jalan air dengan menggunakan perahu (*saloi*) telah tidak banyak digunakan kecuali untuk pergi ke kebun.

2.6 BAHASA

Bahasa Melanau merupakan bahasa pertuturan sehari-hari di kalangan masyarakat Melanau. Namun di kalangan mereka yang terdidik juga menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melanau terutama Bahasa Inggeris dalam pertuturan sehari-hari mereka. Bahasa Melanau ini adalah berbeza dari satu kawasan dengan kawasan yang lain. Misalnya, adalah agak sukar bagi Melanau Mukah untuk memahami dialek Melanau Bintulu (Morris 1990:5). Walaupun wujudnya perbezaan penggunaan dialek dan cara sebutan mengikut kawasan, namun secara keseluruhannya mereka dapat disimpulkan sebagai rumpun bahasa yang sama.

Clayre (1970:330-352) telah menbahagikan Bahasa Melanau kepada tiga kumpulan mengikut kawasan. Kumpulan pertama ialah Kumpulan Tengah iaitu Bahasa Melanau yang dipertuturkan di kawasan persekitaran Sungai Oya, Igan dan Mukah. Kumpulan kedua iaitu Kumpulan Selatan yang terdapat di kawasan sekitar Sungai Rejang. Kumpulan ketiga pula meliputi kawasan dari bahagian Balingian hingga ke Bintulu dan juga meliputi Kawasan sekapan dan Belaga.

Manakala bagi Yasir Abdul Rahman (1987:5) telah berdasarkan bahasa pertuturan mereka membahagikan kepada empat kawasan iaitu Kawasan Rejang (Belawai, Rajang, Paloh, Daro dan Mato), Kawasan Mukah-Dalat (Jebungan, Penakub, Teh, Tellian, Petanak, Oya, Igan, Dalat, Kut, Medong dan Narub), Kawasan Balingian-Tatau (Sungai Balingian dan Sungai Tatau) dan Kawasan Bintulu (Sungai Kemenan dan Sebiew). Pengklasifikasian beliau adalah berdasarkan kepada kesalingfahaman yang tinggi di antara dialek-

dialek yang dipertuturkan oleh Orang Melanau di dalam kawasan yang yang tertentu dan biasanya kawasan-kawasan ini adalah saling berdekatan antara satu dama lain.

Manakala Zaini Ozea (1989:233) telah membuat satu pengklasifikasi yang agak sama dengan Yasir Abdul Rahman, di mana beliau telah membahagikan Bahasa Melanau ini kepada enam dialek yang utama iaitu Dialek Kuala Rajang (Rajang, Jerijih, Belawai, Kawasan Segalang dan Paloh), Dialek Seduan atau Sibu (Sibu, Kanowit, Tajong, Igan dan Banyuk), Dialek Matu Daro (Mato, Daro, Pulau Beruit dan Kawasan Batang Lasa), Dialek Mukah-Dalat (Mukah, Dlat, Oya dan Sungai Kut), Dialek Baligian dan Dialek Bintulu (Bintulu, Tatau, Niah, Sungai Kemena dan Sebiew).

Mengikut Resolusi seminar Budaya Melanau I pula, ia telah mengklasifikasikan Bahasa Melanau ini kepada 6 kumpulan iaitu dialek Melanau yang dipertuturkan di Rejang, Seduan atau Sibu, Matu-Daro, Mukah-Dalat, Balingian dan Bintulu. Pengklasifikasian dialet Melanau mengikut kawasan ini, telah menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan di dalam sebutan dan penggunaan di antara mereka. Namun di antara mereka juga wujudnya penggunaan bahasa yang sama. Keadaan ini adalah sama juga dengan kumpulan etnik lain yang mempunyai perbezaan di antara satu sama lain berdasarkan kepada lokasi pertematan yang berbeza. Di kalangan kumpulan Bahasa Melayu akan terdapatnya dialet Melayu Johor, dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Kelantan, dialek Melayu Melaka dan sebagainya. Di kalangan masyarakat Cina pula akan terdapatnya dialek-dialek yang berbeza seperti *Hokkien*, *Cantonis*, *Hakka* dan sebagainya.

Melalui peningkatan taraf pendidikan serta kemajuan dan perkembangan dalam media massa, Bahasa Melanau telah banyak menyerapi Bahasa Melayu terutama Bahasa Melayu dialek Sarawak. Ini adalah kerana perbezaan dialek di kalangan mereka mengikut kawasan telah menyebabkan mereka berusaha menggunakan Bahasa Melayu Sarawak yang mempunyai banyak persamaan dengan Bahasa Melanau di dalam perhubungan mereka terutamanya dalam tahun-tahun 70an. Yang paling penting adalah kumpulan dialek-dialek Melanau ini ialah ia masih dapat dikenalpastikan sebagai Bahasa Melanau oleh kumpulan etnik yang lain kerana walaupun bahasa ini telah menyerapi bahasa yang lain tetapi ia masih belum diassimilasikan oleh kumpulan bahasa lain dan dapat memaparkan kelainannya daripada bahasa-bahasa lain.

Di kalangan masyarakat Melanau sendiri telah menyedari tentang pengaruh bahasa asing ke dalam Bahasa Melanau dan demi menjaga kekekalan penggunaan bahasa ini yang sejati secara berterusan dan meluas. Maka dalam Seminar Budaya Melanau II, telah dicadangkan bahawa Bahasa Melanau perlu dibakukan seperti juga dengan Bahasa Melayu yang mana Bahasa Melayu juga mempunyai persamaan dengan Bahasa Melanau yang terbahagi kepada beberapa dialek mengikut kawasan kediaman masing-masing. Bahasa Melanau juga dicadangkan agar dapat diajar di sekolah seperti juga dengan Bahasa Iban yang sudah mula diajar di sekolah. Kesedaran yang sedemikian telah menunjukkan bahawa telah wujudnya kesedaran tentang kesamaan di dalam dialek-dialek mereka yang sama-sama digolongkan ke dalam Bahasa Melanau dan dari itu dapat menonjolkan identiti di kalangan mereka sebagai satu kumpulan etnik. Dalam pada itu, bahasa adalah penting dalam kajian antropologi yang mana melalui bahasa

kita akan dapat mengetahui serba sedikit tentang kebudayaan kumpulan etnik yang dikaji.

2.7 SISTEM KEPERCAYAAN

Pada amnya Orang Melanau ini sering dikategorikan kepada tiga kategori yang utama berdasarkan sistem keperayaan mereka iaitu Melanau Islam(*a-selam*), Melanau Kristian(RC) dan mereka yang masih mengamalkan sistem kepercayaan lama (*likou*). Mereka yang beragama Kristian atau yang Islam akan dapat dikenal pasti melalui gambar atau Potret serta poster yang digantung di bilik tamu di dalam rumah mereka. Malah di Kampung Petanak terdapat juga kes di mana di kalangan ahli keluarga yang menganuti agama yang berlain adalah didapati bahawa mereka mengatungkan gambar dan juga poster yang berkaitan dengan agama Islam dan juga agama kristian sebelah menyelah di bilik tamu dalam rumah mereka.

Pada tahun 1980, Orang Melanau yang menganuti agama Islam adalah seramai 53,689 orang, Kristian 8,488 orang dan *likou* seramai 8,403 orang (Joseph K.T. Hock 1986: 16). Melanau Muslim biasanya merupakan golongan yang mendiami kawasan sekitar muara sungai dan tepi pantai. Manakala bagi Melanau Kristian dan *Likou* pula kebanyakannya menduduki kawasan yang lebih ke pendalam. Ini adalah memandangkan kepada ajaran Islam yang mula-mula sekali sampai ke kawasan ini dan kawasan pantai yang mudah terdedah kepada unsur-unsur dan pengaruh luar ini telah menyebabkan Melanau yang mendiami kawasan ini telah menganuti agama ini berbanding dengan agama Kristian yang datang pada kemudiannya. Walau bagaimanapun, pada hari ini melalui proses perkahwinan, penganutan

agama Islam dan perpindahan telah menyebabkan pembahagian yang sedemikian tidak begitu jelas lagi.

Di kawasan Mukah amnya dan kampung Petanak khasnya adalah didapati bahawa dalam satu keluarga yang sama akan terdapat di kalangan ahli yang menganuti ketiga-tiga sistem kepercayaan ini di bawah satu bumbung rumah yang sama. Walaupun merka adalah terdiri daripada anutan agama yang berbeza, namun mereka dapat hidup dalam keadaan yang aman dan damai.

"...affable tolerance exists among these three religious group, though each no doubt holds its private opinion about the other strange faith, and now is above enjoying a few caustic jokes at their misguided fellow's expense" (Malcolm MacDonald 1985:319).

Penganutan agama dan pertukaran dalam sistem kepercayaan ini terutama dalam menganuti agama Islam adalah ekoran daripada perkahwinan campur. Satu gejala yang agak ketara di Kampung Petanak adalah terdapatnya kecendorongan orang-orang tua *likou* untuk memasuki agama Kristian atau agama Islam ekoran daripada pengaruh daripada ahli-ahli keluarga yang lebih muda yang telah menganuti agama-agama ini. Walaupun mereka telah menganuti agama kristian atau agama Islam dan telah mengakui nilai-nilai agama-agama ini sebagai unsur-unsur yang penting di dalam kehidupan sehari-hari mereka, namun ada juga di kalangan mereka masih lagi menganggap elemen-elemen magis dan amalan tradisi adalah juga penting di dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pandangan yang sedemikian cenderong untuk memperlihatkan kedua-dua unsur-unsur agama dan amalan tradisi ini merupakan sesuatu bahagian yang padu dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Amalan dan kepercayaan

traditional yang telah sekian lama diamalkan di kalangan mereka telah menjadi sebatи di dalam jiwa mereka dan adalah amat sukar untuk memperlenyapkan unsur-unsur ini dalam jangka masa yang singkat.

Kemasukan Agama Islam ke kawasan ini adalah berkaitan rapat dengan penganutan agama ini oleh Sultan Brunei. Raja Alak Betatar telah menganuti agama Islam pada tahun sekitar 1400AD. Oleh yang demikian perwakilan-perwakilan yang dihantar ke kawasan ini juga merupakan muslim (Lawrence 1911:121). Pengerahan-pengerahan yang mentadbir kawasan Melanaу ini akhirnya telah berkahwin dengan gadis Melanaу tempatan. Walau bagaimanpun penyebaran agama Islam melalui perkahwinan ini adalah tidak begitu giat.

Mengikut Sanib Said (1970), pedagang-pedagang dari Brunei yang datang untuk perdagangan sagu dan berkahwin dengan gadis-gadis tempatan telah meperluaskan penyebaran agama Islam ke kawasan ini. Penyebaran agama Islam ke kawasan-kawasan Balingian hanya bermula kira-kira 1900 dan penyebaran secara intensif di Mukah dan Oya hanya bermula sejak kedatangan agama Kristian.

Di bawah pentadbiran British telah membawa masuk agama Kristian. Pada 1881, satu misi Roman katolik telah didirikan di daerah Oya-Dalat. Pada tahun 1896, Kristian telah sampai ke kampung sungai Kut. Manakala pada 1918 pula Misi Agama Kristian telah mendirikan sebuah sekolah kecil, biara dan satu gereja di Dalat. Di Mukah pula, St. Peter dan St. Paul Church telah dibina pada tahun 1905 manakala Methodish church pada tahun 1970. Di

Kampung Petanak, Chappel St. Jude dibina pada tahun 1970 dan surau di Kampung ini dibina pada tahun 1953.

2.8 PENUTUP

Kumpulan Orang Melanau ini sering kali telah dikaitkan dengan beberapa kumpulan etnik yang lain seperti Sekapan, Kayan, Kenyah, Bidayauh dan beberapa kumpulan etnik yang lain berdasarkan persamaan-persamaan yang wujud di kalangan mereka terutama daripada segi persamaan bahasa. Di dalam melihat ciri-ciri penonjolan Orang Melanau masyarakat luar akan sering kali mengaitkan mereka dengan berdasarkan ciri-ciri objektif yang tertentu seperti pertempatan, kegiatan ekonomi, kepercayaan agamadan bahasa. Namun yang demikian di kalangan Orang Melanau tidak terdapatnya satu set budaya dan bahasa yang sama. Oleh itu, di dalam membincangkan tentang identiti Orang Melanau ini, timbulnya keraguan bagi Morris, seorang penulis barat tentang dalam keadaan yang sedemikian bagaimana seseorang Melanau dapat dibezakan kumpulan etnik yang lain di Sarawak.

"... although it is probably legitimate to speak of a specifically Melanau culture and Melanau social Organisation, it is doubtful as to the extant to which the Melanau can thereby be differentiated from other neighbouring population groups...." (1953:2)

Timbulnya kekeliruan yang sedemikian, maka adalah perlu sekali kita lihat dalam mana dan sejauh mana kebudayaan dan sistem sosial Orang Melanau ini adalah unik dan berbeza daripada kumpulan etnik yang lain di Sarawak ini. Oleh itu dalam bab seterusnya akan dibincangkan sistem sosial budaya orang-orang Melanau yang dapat meletakkan mereka sebagai satu kumpulan etnik yang tersendiri.

BAB III

DIMENSI SOSIAL BUDAYA DAN IDENTITI

PENGENALAN

Corak masyarakat Sarawak memang banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor alamnya yang bergenung-ganang, berhutan paya dan sungai¹ yang panjang terutama sekali dalam mempengaruhi corak pertempatan, ekonomi dan kebudayaan mereka. Sistem perhubungan yang kurang maju dan pembinaan jalan raya yang menelan perbelanjaan yang banyak telah menghadkan perhubungan dan pergaulan di kalangan kumpulan etnik mereka sendiri dan juga dengan kumpulan etnik lain. Oleh itu, di kalangan etnik itu sendiri telah menyebabkan mereka cenderung untuk membentuk identiti sendiri berdasarkan kepada faktor alam sekeliling kawasan kediaman. Di dalam mengkaji keadaan sosial ekonomi sesuatu kumpulan etnik adalah mustahak untuk melihat juga faktor alam di dalam persekitaran kediaman mereka yang mana kebudayaan banyak dibentuk oleh faktor-faktor alam ini. Di dalam memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak manusia, sesuatu kumpulan etnik itu akan menggunakan pelbagai cara dan keadaan dalam pelbagai tahap teknologi yang tertentu mengikut keadaan persekitaran untuk mencapai keperluan dan juga kehendak mereka ini.

Pada amnya, kawasan pertempatan Orang Melanau yang terletak di kawasan persisiran pantai dan muara sungai serta kawasan mereka yang amat kaya dengan sumber sagu telah menyebabkan mereka mempunyai

¹ Sarawak merupakan sebahagian daripada Borneo yang mana Borneo pada asalnya dikenali sebagai Pulau Kalimantan. "Kali" dalam Bahasa Borneo adalah bermaksud sungai dan "matan" adalah besar iaitu Kalimatan adalah bermaksud pulau yang bersungai besar.

hubungan yang lebih senang dan kerap dengan dunia luar. Perhubungan yang sedemikian rupa telah memainkan peranan yang amat besar dan mendalam terhadap pembentukan identiti Melanau terutama melalui perdagangan dan seterusnya perkahwinan campur.

Dalam bab ini tumpuan adalah terhadap pelbagai aspek sosial dan budaya yang unik di kalangan masyarakat Melanau ini yang mana kebudayaan sesuatu masyarakat itu selalu dianggap penting dan berharga kerana ia merupakan sebahagian daripada pengalaman hidup manusia iaitu sesuatu yang dapat menentukan pengekalan identiti atau keunikan sesuatu masyarakat. Dalam bab ini juga akan melihat pengaruh agama dan kebudayaan lain terhadap pelbagai aspek sosial dan budaya Melanau ini. Di mana aspek-aspek sosial dan budaya ini adalah dinamik sifatnya yang sentiasa berubah dan menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan situasi sosial dari masa ke semasa.

3.2 PERAYAAN KAUL DAN IDENTITI

Malaysia khasnya Sarawak merupakan sebuah negeri yang penuh dengan pelbagai perayaan yang seakan-akan mengikut kumpulan etniknya. Hari Gawai dirayakan oleh kaum Dayak, Perayaan Tahun Baru Cina dikaitkan dengan Orang Cina dan Hari Raya Puasa dikaitkan dengan Orang Melayu dan mereka yang beragama Islam. Manakala perayaan hari Kristmas pula diraikan oleh multi-etnik yang beragama kristian. Bagi masyarakat Melanau, perayaan besar mereka adalah Perayaan *kaul*.

Kaul merupakan satu perayaan besar terutama bagi masyarakat Melanau *likou* di kawasan Mukah dan Dalat². Walau bagaimanapun, perayaan ini juga dirayakan oleh Melanau Muslim dan Melanau Kristian. Namun demikian, fungsi asal perayaan telah disesuaikan dengan tuntutan agama anutan mereka terutama di kalangan Melanau Muslim. Bagi kebanyakan Melanau Muslim dan sebahagian Melanau Kristian, perayaan ini adalah lebih merupakan satu acara hiburan dan acara sosial. Ini adalah amat berlainan dengan *likou* dan sebahagian Melanau Kristian yang amat mementingkan serta menitikberatkan pelbagai upacara dan pantang larang dalam mencapai tujuan asal diadakan perayaan *kaul* ini.

Perayaan *Kaul* secara tradisinya adalah diadakan pada bulan *pengejin*³ iaitu bulan pertama mengikut kalender Melanau yang mempunyai dua belas bulan. Iaitu ia akan diadakan pada bulan Mac atau awal bulan April tiap-tiap tahun. Pada tahun-tahun sebelum 1972, tarikh diadakan *Kaul* ini adalah ditetapkan oleh *bapak Kaul* serta anak-anak buahnya. *Bapak Kaul* ini biasanya merupakan seorang penghulu yang berpengaruh dan mahir di dalam upacara dan pantang larang di dalam Perayaan *Kaul* ini. Segala persiapan dan bekalan adalah disediakan oleh penduduk setempat. Tarikh yang telah ditetapkan oleh *bapak Kaul* ini akan disampaikan kepada pihak kerajaan negeri dan biasanya kerajaan negeri tidak akan menolak tarikh yang telah ditetapkan.

² . Kawasan ini masih lagi terdapat agak ramai golongan Melanau *likou* dan mereka yang beragama Kristian berbanding dengan kawasan-kawasan lain seperti Bintulu dan Matu-Daro.

³ . Bulan ini adalah dipercayai adalah bulan yang banyak membawa rahmat kepada Orang Melanau. Ini adalah kerana pada bulan ini, cuaca adalah baik dan musim landas (*Suloh*) baru berakhir. Mengikut Kelendar Orang Melanau setahun terdapatnya 12 bulan iaitu Bulan *Pengejin*, Bulan *Pengalewak umik*, Bulan *Pengelawak Ayang*, Bulan *Pelepak*, Bulan *Paka Umik*, Bulan *Paka ayang*, Bulan *Pengalan*, Bulan *Suah*, Bulan *Pidai*, Bulan *Pengangih*, Bulan *Pemalai* dan Bulan *Pengasiensieng*.

Namun selepas tahun 1972, tarikh diadakan *kaul* telah mula ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri dan segala perbelanjaan adalah dibawah tanggungan kerajaan negeri serta kerajaan negeri telah membina satu pentas *Kaul* di tapak *kaul* di Kampung Litung, Mukah. Tarikh *kaul* yang akan ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri ini kadang-kadang adalah tidak jatuh dalam bulan *pengejin* kerana ia sering disesuaikan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan negeri dan juga pelbagai perayaan lain terutamanya Perayaan Hari Raya yang pada tahun-tahun tertentu jatuh dalam bulan *pengejin*. Dari itu, wujudnya pengalihan kuasa penetapan tarikh diadakan *kaul* dari bapak Kaul kepada pihak kerajaan negeri. Namun, di peringkat kampung tarikh *kaul* ini masih lagi ditetepkan oleh bapak Kaul yang juga penghulu kampung berserta dengan anak-anak buahnya⁴.

Kaul ini akan diadakan di muara-muara sungai utama yang mengaliri kawasan-kawasan kampung. Di Kampung Petanak ia diraihkan di muara sungai Petanak, di kampung Judan ia diraikan di muara sungai Judan dan bagi daerah Mukah pula ia diraihkan di Muara Sungai Mukah iaitu di kampung Litung.

Fungsi diadakan Perayaan *Kaul* ini adalah amat berkaitan dengan kegiatan ekonomi kumpulan etnik ini yang amat bergantung kepada pembekalan, keadaan dan kejadian di ala masyarakat mereka. Ia juga adalah berkaitan rapat dengan pandangan dunia Orang Melana yang amat

⁴ Biasanya tarikh diadakan Perayaan *kaul* ini adalah berbeza dari kampung ke kampung. Keadaan yang sedemikian juga ada baiknya di mana ia akan dapat membolehkan penduduk dari kampung lain dapat sama-sama menyertai perayaan ini yang diadakan oleh kampung yang berlainan.

mempercayai wujudnya pelbagai makhluk-makhluk halus di setiap ruang di sekitar mereka. Di mana *kaul* ini diadakan bagi tujuan menyembah makhluk-makhluk halus yang menguasai muara-muara sungai iaitu *ipok kala* supaya hasil atau rezeki mereka akan bertambah dan ia juga berharap agar penduduk kampung dapat selamat daripada segala malapestaka. Kawasan muara dipilih kerana adalah dianggap bahawa muara sungai merupakan tumpuan terhadap segala hasil dari laut dan juga dari daratan. Bagi masyarakat Melanau, *ipok kala* ini mempunyai kuasa yang kuat terhadap hasil ekonomi. Oleh yang demikian, pantun-pantun dan kini ditukarkan kepada doa-doa yang tertentu akan ditujukan kepada *ipok-ipok* ini agar hasil tangkapan dan hasil pertanian mereka akan meningkat pada tahun-tahun hadapan. Selain daripada itu, makanan-makanan juga akan disimpan di dalam satu alat yang diperbuat daripada daun nipah (*serahang*) untuk dipersembahkan kepada *ipok-ipok* ini. *Serahang-serahang* ini hanya dapat disediakan oleh orang-orang tertentu yang mahir sahaja. Di kampung Judan misalnya, akibat daripada orang-orang yang mahir dalam membuat *serahang* telah meninggal dunia, ini telah menyebabkan upacara menghantar *serahang* ini tidak dapat dipraktikkan lagi. Selain daripada itu, wujudnya keadaan di mana golongan muda yang terdidik dan hampir kesemua mereka telah menganuti agama-agama tertentu tidak ingin mempelajari segala cara-cara membuat *serahang* ini .

Antara makanan-makanan yang mesti disediakan dalam *serahang* ini adalah seperti *pupit* (nasi yang dibungkus dalam daun nipah), sagu, garam, sirih, tembakau dan lain-lain. Di kampung Petanak *serahang-serahang* ini akan dibawa dengan bot-bot yang dihiaskan dengan cantik dan apabila habis upacara menghantar *serahang* ini, *serahang* ini akan dicacakkan di tempat-

tempat yang dipercayai mempunyai makhluk-makhluk halus di sepanjang Sungai dan muara sungai tersebut.

Dalam penghantaran *serahang* di Daerah Mukah, terdapatnya perbezaan diantara cara Orang Melanau Islam dengan cara Orang Melanau Kristian dan *Likou*. Bagi Melanau Muslim, penghantaran *serahang* ini adalah dihantar daripada sebelah kanan muara sungai dan masuk melalui sebelah kiri sungai. Manakala bagi Melanau Kristian dan *Likou* pula mengikuti arah yang sebaliknya, di mana penghantaran keluar *serahang* ini adalah melalui sebelah kiri sungai dan masuk adalah mengikut sebelah kanan muara sungai. *Serahang* ini kemudian akan diangkat ke kawasan pantai dan diletakkan di satu kawasan yang telah ditetapkan. Pembahagian yang sedemikian adalah untuk membolehkan Melanau Muslim dapat mengadakan upacara ini berdasarkan kepada lunas-lunas agama kepercayaan mereka. Bagi Melanau Kristian dan *likou* pula dapat mengadakan upacara penyembahan dalam cara yang mengikuti adat-adat traditional Orang Melanau. Di kampung Petanak pula, penghantaran *serahang* ini dilakukan bersama tanpa mengira perbezaan daripada segi sistem kepercayaan.

Perayaan *Kaul* di peringkat Mukah pada masa dahulu, makanan-makanan adalah disediakan oleh penduduk kampung itu sendiri untuk dibawakan ke kawasan tapak *Kaul*. Makanan-makanan ini akan dimakan secara beramai-ramai di kalangan mereka yang mengunjungi perayaan ini. Namun pada masa sekarang, kebanyakan orang yang mengunjungi ke Pesta ini tidak lagi membawa bersama makanan-makanan dan juga minuman. Bahan-bahan makanan dan juga minuman ini dapat dibeli daripada gerai-gerai sementara yang terdapat di tapak pesta tersebut.

Dalam perayaan *Kaul* ini tidak terlepas daripada segala pantang larang seperti dalam aspek-aspek lain dalam kehidupan Orang Melanau. Pantang larang yang wujud dalam masyarakat Melanau adalah bertujuan supaya mengelakkan segala tindakan dan perlakuan yang akan memarahi segala makhluk halus yang dipercayai mengawal kehidupan sehari-hari mereka serta ia merupakan satu sanksi sosial yang yang dapat mengawal penggerakan dan tindakan Orang Melanau agar ia serasi dengan norma-norma semasa yang sedia wujud. Dalam tempoh masa diadakan *kaul* bot-bot nelayan adalah tidak dibenarkan keluar laut untuk menangkap ikan. Ini adalah kerana mengikut kepercayaan Orang Melanau, tindakan yang sedemikian akan menyebabkan mereka membawa keluar bersama segala hasil daratan ke laut⁵. Pada masa dahulu, larang ini adalah berkuatkuasa selama tiga dari masa diadakan *kaul* ini. Namun kini, larangan ini hanya berkuatkuat sehingga jam 4.00 petang pada hari diadakan *kaul*⁶. Ini adalah berkaitan dengan peningkatan kesedaran ekonomi serta kepercayaan agama di kalangan mereka. Pantang larang lain yang masih diamalkan adalah makanan yang berlebihan setelah diiktiharkan tamatnya perayaan *kaul* oleh *bapak kaul* adalah tidak boleh dibawa balik selepas Perayaan *kaul*. Selain daripada itu, peserta dalam *kaul* ini adalah dilarang sama sekali untuk pergi ke dalam hutan sepanjang hari berkenaan kerana adalah dikhawatir mahluk lain atau *ipok guun* (mahluk halus dalam hutan) akan menegurnya dan ini akan menyebabkan orang itu jatuh sakit. Daripada segala upacara yang penuh dengan pelbagai pantang larang dalam perayaan *Kaul* ini, adalah mudah

⁵ . Namun bot-bot nelayan yang memasuki muara sungai adalah tidak disekat oleh pantang larang ini yang mana tindakan yang sedemikian adalah dipercayai tidak akan mengakibatkan pembawaan keluar segala hasil ke laut.

⁶ .Barang siapa yang melanggar peraturan ini akan dihukum sebanyak *seamas emas*.

bagi kita melihat bahawa masyarakat Melanau adalah satu masyarakat yang mempercayai wujudnya kuasa ghaib di sekitaran mereka yang mempunyai pengaruh yang amat kuat di dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dalam Perayaan *kaul* ini akan diadakan pelbagai jenis pertunjukan, pameran dan permainan-permainan traditional Melanau dan salah satu yang paling diminati dan menarik perhatian orang ramai adalah permainan *tibow*.

3.3 PERMAINAN TIBOW

Tibow merupakan salah satu daripada permainan traditional Orang Melanau yang masih diamalkan di kalangan masyarakat ini terutama sekali di kawasan Oya dan Mukah. Permainan *tibow* ini sebenarnya tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Perayaan *kaul*. Namun oleh kerana kedua-duanya diadakan pada permulaan tahun bagi kalender Orang Melanau. Oleh itu, pada sekarang secara praktiknya ia akan diadakan pada waktu dan tapak yang sama. Permainan *tibow* ini merupakan satu permainan tradisi yang dapat melambangkan keunikan kehidupan masyarakat Melanau dan kehidupan serta kepercayaan Orang Melanau yang hidup bergantung kepada keadaan serta sumber-sumber yang terdapat dalam persekitaran mereka. Permainan ini dimainkan dengan disertakan dengan lagu-lagu tertentu yang membawa makna-makna tertentu dengan meminta kepada *ipok guun* agar semua hasilan dan tanaman mereka akan menjadi dan bertambah baik pada masa-masa hadapan.

Dalam permainan ini, satu ayun raksasa akan didirikan dengan dua batang kayu yang sama tingginya diikat pada hujungnya bersama dan membentuk huruf 'v' yang tersongsang. Sebagai penyangga di tepi satu alang

akan dipasang di antara dua batang kayu yang diikat bersama tadi untuk membentuk satu bentuk seperti huruf 'A'. Penyangga ini adalah berfungsi sebagai tempat untuk menggantungkan tali buaian⁷. Keempat-empat penjuru tiang itu akan diikat dari puncak tiang dan setiap rotan tadi akan diikat pada satu penyokong di permukaan tanah bagi memperkuatkan tiang itu tadi. Semasa tiang itu didirikan nyanyian lagu akan dilakukan bagi memudahkan kerja-kerja mendirikan dan memperkuatkan tiang itu. Selepas itu, tali buaian akan diikat pada kayu alang dan pada hujung tali itu dibuat satu gelung besar yang digunakan bagi membolehkan pemain-pemain berpaut padanya semasa membuat buaian. Hujung tali buaian yang hanya diperbuat daripada gelungan rotan adalah dikenali sebagai *tibow rotan* dan hujung buaian yang diikat dengan satu papan bulat pula dipanggil sebagai *tibow bulieng*. Di Kampung Petanak, jenis *tibow* yang didirikan adalah *tibow bulieng*. Selain daripada itu, satu rak tangga yang besar akan dibina dengan jaraknya 20-30 kaki dari jarak tiang *tibow* tadi dan jarak ini adalah bergantung kepada tingginya tiang *tibow* yang didirikan itu. Di hujung tiap-tiap tiang *tibow* dan juga rak tangga akan diikat dengan pelepas rumbia muda sebagai tanda perlindungan kepada pemain-pemain dan *tibow* itu daripada gangguan oleh *ipok-ipok* jahat.

Bilangan tangga pada rak tangga yang dibina adalah hanya boleh dalam bilangan yang ganjil nombornya iaitu 5,7,9,11,13 dan yang tertinggi adalah sebanyak 15 tangga. Jika bilangan tangga yang digunakan adalah dalam nombor yang genap maka adalah dipercayai bahawa ini akan mencederakan pemain-pemainnya. Di samping itu, dalam semua tahap mendirikan *tibow*

⁷ Tali buaian ini adalah digunakan untuk mengadakan ayunan oleh pemain-pemain yang biasanya terdiri daripada golongan pemuda dan tali buaian ini adalah diperbuat daripada rotan sega.

ini adalah tidak boleh menggunakan sebarang paku dan hanya rotan sega sahaja akan digunakan ini adalah bagi mengelakkan pemain-pemain daripada tercedera apabila berlakunya sebarang kemalangan.

3.4 PERAYAAN KAUL, TIBOW DAN MELANAU KINI

Seperti yang telah dikatakan bahawa Perayaan *Kaul* ini merupakan satu perayaan besar bagi masyarakat Melanau. Oleh yang demikian, ia merupakan satu perayaan yang amat diambil berat oleh Orang Melanau sendiri terutama sekali golongan tua yang masih mengamalkan sistem kepercayaan traditional. Mereka amat memandang berat tentang setiap upacara dan pantang larang yang perlu diikuti dalam perayaan ini. Walaupun Perayaan ini disertai oleh semua Orang Melanau tanpa mengira kepercayaan mereka, namun dari segi upacara dan pantang larang banyak yang kurang diikuti lagi. Ini terutama sekali bagi golongan Melanau Muslim. Ini adalah kerana penyembahan kepada sesuatu yang selain daripada Allah Yang Maha Berkuasa adalah dilarang sama sekali. Malah, kini motif diadakan Perayaan *kaul* *kaul* ini juga semakin berubah di kalangan sesetengah masyarakat Melanau yang beragama Kristian secara perlahan-lahan. Walaupun perubahan yang sedemikian dalam kalangan masyarakat Melanau yang beragama Kristian adalah tidak sejelas seperti di kalangan Orang Melanau yang beragama Islam. Pada hari ini, di kalangan mereka, perayaan yang berdasarkan kepada keagamaan seperti Hari Raya Puasa dan hari Krismas adalah lebih dipandang berat dan dirayakan dengan lebih meriah berbanding dengan Perayaan *kaul*. Keadaan ini dapat dilihat daripada segi penyertaan penduduk kampung dalam kedua-dua perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Krismas di mana penduduk yang telah pergi jauh untuk mencari

nafkah hidup akan balik ke kampung untuk meraikannya bersama dengan ahli keluarga berbanding dengan Perayaan *Kaul* yang kurang mendapat penyertaan daripada penduduk kampung itu sendiri⁸.

Walau bagaimanapun , Perayaan *kaul* dan permainan *tibow* itu sendiri telah merupakan suatu aktiviti keramaian yang telah dapat mengumpulkan kaum Melanau yang terdiri daripada pelbagai kepercayaan dan kumpulan etnik lain untuk sama-sama mengadakan dan meraikan tanpa mengira niat atau motif setiap individu dan kumpulan dalam menyertai aktiviti ini. Iaitu sama ada ia adalah bertujuan untuk menyembah *ipok kala* atau cuma menganggapnya sebagai satu acara sosial sahaja, mereka akan dapat berkumpul bersama dan meraikannya bersama. Melalui Perayaan *kaul* dan *tibow* telah membolehkan Kaum Melanau yang telah menganuti agama sama ada Islam atau Kristian untuk membuat satu penyesuaian di antara anutan agama mereka dengan amalan traditional yang berdasarkan kepada sistem kepercayaan lama. Selain daripada perayaan *kaul* dan *tibow* kita juga akan dapat melihat bagaimana sistem bangsa dalam masyarakat Melanau telah mengalami penyesuaian terhadap perubahan dalam persekitaran sosial dan agama dalam masyarakat ini terutama dari segi penilainan daripada pengaruh agama Islam dan Kristian.

3.4 ADAT BANGSA DAN REALITI MASA KINI

Dalam Masyarakat Melanau terdapatnya sistem susun lapis masyarakat yang dikenali sebagai *adat bangsa*. Setiap orang dalam komuniti ini

⁸ Terdapat di kalangan penduduk kampung yang tidak menyertai Perayaan *kaul* ini dengan berdasarkan alasan agama manakala yang lain pula terutama golongan pemuda-pemudi pula menyatakan kurangnya pelbagai acara dan permainan yang menarik yang dapat menarik penyertaan mereka.

digolongkan ke dalam sesuatu bangsa yang tertentu mengikut taraf kedudukan mereka dalam masyarakat. Dalam masyarakat Melanau traditional, susun lapis sosial ini banyak menentukan adat serta kepercayaan yang perlu diikuti dalam kehidupan seharian, upacara perkahwinan dan kematian. Adat bangsa yang diduduki oleh seseorang adalah ditentukan berdasarkan kepada warisan daripada pihak bapanya. Walaupun pada masa yang lampau sistem bangsa ini merupakan pemisahan untuk menunjukkan perbezaan kedudukan taraf dan status serta peranan seseorang dalam masyarakat. Namun, kini pada realitinya, pemisahan yang sedemikian rupa yang adalah tidak wujud lagi. Secara praktiknya sistem bangsa ini adalah tidak dapat disamakan dengan sistem kasta yang diamalkan oleh orang-orang India. Ini adalah kerana implementari peraturan-peraturan yang berkaitan dengan sistem bangsa ini adalah amat longgar dan seseorang itu mempunyai mobiliti menegak daripada segi sosial dan ekonomi yang amat bebas. Walaupun sistem bangsa ini jika dilihat secara kasar seolah-olah semacam segnegasi di kalangan masyarakat Melanau, namun pada praktiknya pada hari ini, ia hanya berfungsi sebagai identiti khas Orang Melanau dan ia adalah amat berbeza dengan sistem kasta dalam masyarakat India yang memecahkan masyarakat ini kepada beberapa kelas yang tertentu.

Kini sistem bangsa ini hanya dipakai dalam beberapa upacara tertentu sahaja seperti upacara perkahwin dan kematian. Dalam upacara-upacara ini pun tidak diamalkan upacara yang sepenuhnya mengikut sistem bangsa seseorang dan ada yang tidak mengamalkannya dan lebih suka mengikut upacara dalam tututan agama. Adat bangsa lebih merupakan lambang identiti Melanau yang mana seseorang Melanau dengan mengikuti amalan adat ini dapat melambang identiti mereka sebagai seorang Melanau. Walau

bagaimanapun, pada hari ini Orang Melanau adalah tidak begitu mementingkan kedudukan pangkat yang ada pada mereka. Ini adalah kerana dengan menduduki sebarang pangkat yang ada pada mereka pun, mereka tidak memiliki sebarang keistimewaan daripada segi ekonomi dan politik. Apa yang lebih dipandang berat pada hari ini oleh Orang Melanau adalah sama ada seseorang itu terutama mereka yang menduduki kedudukan pangkat atasan dapat benar-benar memanifestasikan tingkat pangkat mereka ke dalam realiti hidup sehari-hari mereka. Maksudnya mereka perlulah berkelakuan dan berperanan supaya ia bersesuaian dengan pangkat yang diduduki jika mereka ingin golongan lain menghormati mereka. Dalam realiti hanya orang yang benar-benar dapat bertindak laku dan menunjukkan teladan yang baik serta memahami adat resam dapat dianggap sebagai orang penting (*a-nyat*) dalam masyarakat Melanau.

Pada hari ini, terdapat lima pangkat dalam sistem susun lapis sosial dalam masyarakat Melanau iaitu Bangsa Pengeran, Bangsa Sembilan Pikul (*A-metahesi*), Bangsa Tujuk Pikul, Bangsa Tujuk Bertirih dan Dipen. Namun yang demikian, Bangsa Pengeran ini bukannya asal sistem susunlapis sosial dalam masyarakat Melanau. Ia wujud ekoran daripada pengaruh golongan bangsawan Brunei sewaktu Sarawak masih lagi merupakan sebahagian daripada Negara Brunei. Sistem bangsa ini wujud apabila terdapatnya perkahwinan campur di kalangan golongan bangsawan ini dengan gadis-gadis tempatan Melanau. Menerusi masa sistem bangsa pengeran ini telah diserapkan ke dalam masyarakat Melanau dan pada praktiknya ia telah telah dianggap sebagai sebahagian daripada sistem bangsa Melanau itu sendiri.

3.4.1 BANGSA PENTERAN

Pangkat pengeraian ini adalah pangkat yang tertinggi dalam organisasi sosial yang hanya wujud di kalangan Melanau Muslim yang berketurunan daripada golongan bangsawan Brunei. Sama seperti juga dalam pangkat-pangkat yang lain, setelah bangsa Pengeraian ini diserap masuk ke dalam sistem pangkat Melanau, ia telah mewujudkan norma serta kekuasaan dalam sistem pangkat ini. Dari ini kita akan dapat lihat pengaruh Brunei dalam rantau ini menerusi pengeraian-pengeraian yang dihantar ke kawasan ini yang mempunyai kesan yang amat mendalam di dalam komuniti ini sehingga mereka dapat mencapai satu tahap pangkat yang paling tinggi di dalam sistem pangkat Melanau dan secara praktik ia telah diserapkan ke dalam sistem susun lapis masyarakat Melanau. Kini, seperti juga dalam pangkat-pangkat yang kekuasaan pangkat ini hanya dapat ditonjolkan dalam upacara perkahwinan melalui menuntut jumlah hantaran kahwin dan upacara perkahwinan sahaja.

Mas kahwin (*pakan berian*) yang dapat ditutut oleh orang dalam pangkat ini adalah sebanyak 30 pikul⁹ bagi mereka yang kedua-dua pihak ibu bapa adalah daripada keturunan pangkat ini dan 15 pikul sahaja yang dapat ditutut jika hanya pihak bapa sahaja yang berasal daripada pangkat ini. Ciri khas yang ada pada orang yang berketurunan ini ialah pada nama mereka yang mana bagi lelaki mereka mempunyai gelaran *Awang* dan bagi perempuan ialah *Dayang*.

⁹ . Pada masa sekarang, di kalangan Orang Melanau satu pikul adalah sama nilainya dengan \$25.00.

3.4.2 BANGSA SEMBILAN PIKUL (A-METAHEI)

A-metahei ini merupakan golongan bangsawan yang menduduki kedudukan pangkat yang tertinggi dalam sistem adat bangsa Melanau traditional. Pada waktu dahulu, golongan ini merupakan golongan pemerintah dan juga yang menguasai dalam bidang ekonomi. Golongan *a-metahei* ini pernah mempunyai bilangan hamba bawahan yang ramai. Dengan demikian, mereka akan dapat menguasai dalam bidang ekonomi dan dengan kuasa ekonomi yang ada pada mereka, mereka akan dapat meperluaskan dan meperkuuhkan kuasa politik. Memandangkan golongan ini merupakan golongan atasan dalam sistem adat bangsa Melanau maka mas kahwin yang dapat ditutut oleh mereka adalah sebanyak 9 pikul. Oleh yang demikian mereka juga dikenali sebagai golongan bangsa sembilan pikul. Golongan ini pada masa sekarang lebih menekan kedudukan sosial mereka melalui upacara perkawinan kerana melalui upacara yang sedemikian mereka akan dapat mepertonjolkan kedudukan atasan mereka dalam masyarakat Melanau.

3.4.3 BANGSA TUJU' PIKUL (A-NYAT)

A-nyat ini merupakan golongan kelas pertengahan di dalam sistem adat bangsa Melanau. Golongan ini adalah lebih bebas di dalam segala urusan harian mereka jika dibandingkan dengan golongan tuju' bertirih dan golongan dipen. Kebebasan dalam bidang urusan ekonomi telah membolehkan golongan ini secara tidak langsung mempunyai peluang dalam memiliki dan memperkayakan harta mereka. Keadaan ini telah meletakkan mereka ke dalam golongan orang yang berada. Peluang dalam

menjalankan perniagaan juga telah membolehkan golongan ini memjalinkan persaudaraan dan persahabatan yang erat dengan golongan atasan dan ini telah membolehkan mereka menduduki satu kedudukan yang istimewa serta mendapat pelbagai layanan yang istimewa. *Brian* yang dapat ditutut oleh golongan ini adalah sebanyak 7 pikul.

3.4.4 BANGSA TUJU' BERTIRIH

Golongan ini merupakan golongan yang selalu diminta pertolongan oleh pihak golongan atasan terutamanya yang berkaitan dengan hal-hal menguruskan rombongan-rombongan perdagangan. Ini menyebabkan mereka selalu dihormati oleh golongan berada dan mereka mendapat peluang yang sama seperti golongan *tuju'* pikul. Namun yang demikian, mereka menerima sedikit sebanyak tekanan daripada golongan atasan berbandingan dengan golongan *tuju'* pikul. Pada asalnya, *brian* yang dapat ditutut oleh golongan ini adalah sebanyak 4 pikul 90 kati sahaja. Namun pada masa kini ia telah ditambahkan lagi 10 kati untuk mengenapkannya menjadi 5 pikul.

3.4.5 BANGSA DIPEN ATAU ULUN

Golongan ini kadang-kala juga dikenali dengan panggilan yang lebih halus iaitu *kulad benukan*. Dipen ini mendudukui pangkat yang terendah dalam sistem bangsa Melanau traditional. Golongan ini merupakan orang suruhan atau hamba abdi yang dimiliki oleh orang-orang atasan di dalam menjalankan segala urusan mereka. Mereka ini biasanya adalah tawanan perang atau orang yang terlalu miskin yang terpaksa bergantung kepada golongan atasan untuk meneruskan hidup mereka. Pada zaman

pemerintahan Brooke, sistem perhamaan ini telah dihapuskan. Hari ini golongan ini tidak ramai lagi terdapat memandangkan tidak ramai orang yang sanggup mengakui mereka adalah daripada keturunan golongan ini. Mobiliti sosial yang bebas dalam sistem bangsa ini juga telah membolehkan mereka mencapai status pangkat yang lebih tinggi.

3.5 SISTEM BANGSA MELANAU KINI - PADA PRAKTIKNYA

Sistem bangsa pada masa kini tidak lagi wujudnya perbezaan fungsi dan peranan mengikut kedudukan pangkat yang mereka duduki. Pengelibatan dalam bidang sosial, ekonomi dan politik adalah bebas dan terbuka tanpa terbatas kepada golongan yang menduduki sistem pangkat yang tertentu. Malah pandangan masyarakat terhadap seseorang dalam masyarakat adalah banyak bergantung kepada peranan, tanggungjawab serta perlakuan yang dimainkan olehnya dalam masyarakat Melanau untuk menentukan kedudukan stastus sosialnya. Apa yang dipentingkan terhadap seseorang yang meduduki sistem bangsa atasan adalah dijangkakan oleh anggota-anggota masyarakat agar berperanan dan berkelakuan serasi dengan pangkat yang diduduki oleh mereka. Dalam hal ini, sistem bangsa Melanau ini telah berubah fungsinya dengan beperanan sebagai penentu kelakuan sosial seseorang dalam masyarakat. Selain daripada itu, sistem bangsa ini juga dapat diperlihatkan penonjolannya dalam upacara perkahwinan dan upacara kematian.

3.6 ADAT PERKAHWINAN ORANG MELANAU

Fungsi Perkahwinan selain daripada dapat memenuhi keperluan kepuasan biologika manusia dan meneruskan zuriat untuk disosialisasikan

di dalam sesuatu masyarakat. Dalam masyarakat Melanau melalui perkahwinan juga, ia dapat membolehkan berlakunya mobiliti sosial walaupun untuk jangka waktu yang singkat sahaja. Menerusi perkahwinan seseorang lelaki dapat menuntut pangkat yang lebih tinggi dengan mengahwini perempuan Melanau yang lebih tinggi pangkat daripadanya. Namun ia adalah bersertakan dengan syarat bahawa lelaki itu haruslah mampu membayar mas kahwin yang ditutut menurut pangkat yang diduduki oleh pihak perempuan.

Kenaikan pangkat melalui cara ini adalah bercorak sementara dan hanya boleh ditutut sekali sahaja dalam seumur hidup dalam iaitu dalam masa perkahwinan sahaja. Selepas upacara perkahwinan tersebut, pihak lelaki itu akan kembali kepada kedudukan pangkatnya yang asal. Dariapada mobiliti sosial yang terdapat dalam sistem bangsa Melanau kita akan mendapati bahawa ia adalah amat berbeza dengan sistem kasta dalam masyarakat India. Dalam sistem bangsa ini tidak terdapatnya halangan terhadap perkahwinan di kalangan mereka yang terdiri daripada pangkat yang berlainan.

Dalam sistem warisan pangkat Orang Melanau, ia adalah mengikut kedudukan pangkat pihak bapa walaupun dalam hubungan kekeluargaan adalah berbentuk *bilateral* iaitu perhubungan yang sama-sama mementingkan hubungan dengan keluarga pihak sebelah bapa dan keluarga sebelah emak. Dalam menentukan hantaran, pihak keluarga pengantin perempuan boleh memilih pangkat pihak bapa atau pangkat pihak emak. Berdasarkan alasan bahawa kedudukan pangkat anak-anak adalah mewarisi pangkat pihak bapa maka dalam masyarakat Melanau adalah bercederongan

terdapatnya perkahwinan di kalangan mereka yang sama taraf pangkat dan seboleh-bolehnya daripada kalangan saudara mara¹⁰. Keadaan ini terutamanya berlaku dalam masyarakat yang berkedudukan pangkat atasan. Ini adalah supaya mereka mengekalkan kedudukan pangkat mereka dalam masyarakat dan ia adalah bertujuan untuk memastikan bahawa harta benda keluarga mereka tidak jatuh kepada tangan pihak keluarga lain dan ia akan dapat menjalinkan hubungan kekerabatan yang lebih erat dan kekal di kalangan mereka. Amalan yang sedemikian adalah amat berkaitan dengan sistem warisan harta dalam masyarakat Melanau yang mana dalam warisan harta, anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan akan mendapatkan pembahagian yang sama rata. Ini adalah amat berbeza dengan masyarakat Cina yang luar daripada Kampung Petanak dan masyarakat Cina yang telah berkahwin dengan gadis Melanau yang tinggal di Kampung Petanak yang mana dalam sistem pembahagian harta, ia adalah mementingkan pihak anak-anak laki-laki semata-mata.

Walaupun terdapatnya kecerenderongan untuk berkahwin di kalangan saudara mara, namun ia terdapat peraturan-peraturan tertentu yang patut diikuti. Perkahwinan di dalam lingkungan hubungan sepupu yang mana bapa kedua pihak adalah adik-beradik lelaki adalah dilarang sama sekali. Dalam masyarakat Melanau, sepupu yang bapa mereka adalah adik beradik lelaki adalah dikatakan masih merupakan keturunan dari seorang bapa yang

¹⁰ Perkahwinan di kalangan Orang Melanau pada masa dahulu dan sebahagian daripada mereka pada hari ini adalah diatur oleh orang tua mereka dan pada kebiasaan orang muda tidak akan membantah candaan orang tua ini supaya mereka tidak dikatakan sebagai mederhaka kepada orang tua mereka. Aturan oleh orang tua ini adalah biasanya di kalangan saudara mara yang saling kenal-mengenali antara satu sama lain yang mana pada waktu dahulu orang Melanau tidak begitu suka perkahwinan dengan orang yang mereka tidak kenali.

sama kerana dalam sistem keturunan Orang Melanau, keturunan sebelah bapa adalah dipentingkan walaupun dalam hubungan kekeluargaan kedua-dua pihak bapa dan emak adalah sama-sama diambil kira. Namun dalam perkahwinan sepupu yang mana kedua-dua ibu dan bapa mereka adalah masing-masing merupakan adik-beradik yang berlainan jantina atau kedua-duanya adalah adik beradik perempuan, maka perkahwinan di antara mereka adalah dibenarkan. Ini adalah memandangkan mengikut masyarakat Melanau, keturunan daripada pihak anak perempuan adalah dianggap daripada keluarga yang berlainan. Manakala keturunan daripada anak-anak lelaki adalah dianggap sebagai keturunan dalam keluarga sendiri. Barang siapa yang melanggar peraturan adat ini (*palei*), mereka akan dihukum. Risiko hukuman ini adalah sama ada akan ditanggung oleh sama ada anak-anak mereka, mereka sendiri atau ahli-ahli keluarga yang lainnya¹¹.

Dalam adat perkahwinan Orang Melanau, hantaran kahwin adalah banyak bergantung kepada kedudukan pangkat seseorang dalam sistem pangkat Orang Melanau dan hantaran ini adalah ditentukan oleh keluarga pihak pengantin perempuan. Untuk tujuan ini, pihak pengantin perempuan boleh memilih pangkat pihak bapa atau pangkat pihak emak dalam menentukan hantaran yang perlu dibuatkan oleh pihak lelaki.

Selain daripada hantaran kahwin yang ditentukan oleh kedudukan pangkat seseorang, dalam majlis perkahwinan di kalangan mereka yang berlainan pangkat juga akan ditandakan dengan simbol yang berlainan. Bagi

¹¹ Hukuman ini boleh berlaku dalam banyak bentuk seperti mengalami kemalangan, menjadi gila atau kurang siuman, kelahiran anak-anak yang cacat dan pelbagai jenis kecelakaan lain.

mereka yang berpangkat 9 pikul, semasa upacara perkahwinan, di depan rumah mereka akan ditandakan dengan 9 batang bendera dan 9 puncuk meriam iaitu masing-masing 5 di sebelah kanan dan 4 di sebelah kiri. Bagi mereka yang berpangkat 7 pikul, ia akan ditandakan dengan 7 batang bendera dan 7 puncuk meriam di hadapan rumah yang masing-masing 4 di sebelah kanan dan 3 di sebelah kiri. Di kalangan mereka yang berpangkat 7 bertirih pula, ia akan ditandakan dengan 5 batang bendera dan 5 puncuk meriam yang mana 3 ditandakan di sebelah kanan rumah dan 2 lagi di sebelah kiri hadapan rumah.

Bagi mereka yang berpangkat 9 pikul, 7 pikul atau pun 7 bertirih, majlis perkahwinan mereka selain ditandakan dengan bendera yang mengikut kedudukan pangkat masing-masing dan juga meriam, ia juga akan ditandakan dengan sebatang bendera Negeri Sarawak atau pun bendera Malaysia. Di kalangan mereka yang berketurun *dipen* pula majlis perkahwinan mereka hanya akan ditandakan dengan sebatang bendera Negeri sarawak atau bendera Malaysia sahaja bagi menandakan adanya majlis keramaian di rumah tersebut. Walau bagaimanapun pada hari ini majlis perkahwinan yang dijalankan di Kampung Petanak ianya tidak lagi ditandakan dengan sebarang bendera mengikut pangkat mahupun meriam dan ia hanya ditandakan dengan sebatang bendera Negeri Sarawak atau pun bendera Malaysia sahaja. Ini adalah memandangkan terdapatnya kesukaran di dalam mendapatkan jumlah meriam yang dikehendaki dan sukar diangkut serta dalam majlis perkahwinan hari ini kebanyakannya adalah tidak mengikuti adat perkahwinan trasidi yang asal iaitu mematuhi segala adat perkahwinan tardisi secara sepenuhnya. Walau bagaimanapun, majlis perkahwinan yang ditandakan dengan bendera dan meriam masih dapat

dilihat di Kampung Tellian, namun ia hanya dipraktikan di kalangan mereka yang berpangkat atasan sahaja terutama sekali meraka yang berpangkat 9 pikul. Itu pun tidak semua yang ingin mengamalkannya terutama bagi golongan muda. Di kalangan mereka yang masih mengamalkannya kebanyakannya adalah atas alasan kehendak orang tua mereka yang mana mereka sendiri adalah lebih rela mengadakan perkahwinan mereka dalam keadaan yang sederhana sahaja tanpa mengikuti pelbagai upacara dan juga Pantang larang yang agar banyak dan tidak begitu disukai oleh orang-orang muda ini.

Selain daripada perkahwinan yang berlaku di kalangan orang-orang Melanau sendiri, dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum tidak dapat dielakkan terdapatnya perkahwinan campur dengan kumpulan etnik lain. Menerusi kekayaan sumber ekonomi yang banyak di kawasan kediaman Orang Melanau terutama daridapa segi hasilan sagunya seperti di Kampung Petanak telah mendorong orang-orang Cina datang ke kawasan ini untuk menjalakan urusan perniagaan sagu. Mereka telah membina kilang-kilang yang berskil kecil untuk memproses sagu. Dalam masa mengerjakan kekayaan ekonomi yang terdapat ada di kalangan mereka yang telah berkahwin dengan gadis-gadis Melanau tempatan. Keadaan ini dapat dilihat daripada segi pengaruh dalam adat perkahwinan Orang Melanau apabila terdapatnya perkahwinan di antara mereka yang keturunan Cina dengan Orang-orang Melanau pada hari ini. Majlis perkahwinan Orang Melanau khasnya di Kampung Petanak adalah pada kebiasaanya dijalankan pada waktu hujung minggu cuti sekolah panjang. Ini adalah bagi memudahkan para jemputan untuk menghadiri majlis ini serta pada waktu cuti ini akan

dapat tenaga kerja yang cukup untuk membuat segala persiapan bagi sesuatu majlis perkahwinan.

3.7 ADAT PENGEBUMIAN

Pada lebih kurang satu abad yang lalu, Orang Melanau adalah mengamalkan *secondary buried* yang mana mayat-mayat mereka adalah diletakkan di dalam keranda bergantung. Pada peringkat awal, keranda bergantung adalah didirikan di kawasan tepi rumah kediaman asalnya. Ini adalah memandangkan bahawa di kalangan Orang Melanau, mereka adalah begitu mementingkan hubungan di kalangan ahli-ahli keluarga dan hubungan yang amat erat ini akan dapat dijalinkan melalui pembinaan keranda bergantung yang berdekatan dengan rumah kediaman keluarga mereka. Dengan keranda bergantung yang berdekatan dengan rumah maka ahli-ahli keluarga yang lain adalah senang dapat memanggil orang yang sudah meninggal tadi untuk menyertai sebarang kegiatan yang dijalankan di kalangan ahli keluarga yang masih hidup. Ini terutamanya pada waktu makan yang mana orang yang telah meninggal tadi akan dipanggil untuk makan bersama dengan ahli keluarga yang lain. Di kalangan Orang Melanau adalah dipercaya bahawa walaupun saudara mara telah meninggal dunia namun hubungan yang erat di kalangan mereka telah menyebabkan orang yang sudah meninggal tadi masih lagi hidup di dalam hati mereka.

Di kalangan golongan raja pula, mereka akan disemadikan di dalam *jerunei* yang mana ia diperbuat daripada sebatang kayu besar dengan pelbagai perhiasan yang menarik dan ditegakkan di tepi sungai. Walau bagaimanapun, Orang Melanau pada hari kebanyakkan daripada telah

menganuti agama. Oleh yang demikian, cara pengebumian ini telah tidak diamalkan lagi dan digantikan dengan cara pengebumian mengikut agama kepercayaan masing-masing yang mana mayat mereka tidak lagi diletakkan di dalam keranda bergantung tetapi adalah ditanam dalam tanah di kawasan perkuburan mengikut agama masing-masing.

3.8 PERUBATAN TRADITIONAL

Dalam masyarakat Melanau adalah dipercayai bahawa di dalam dunia ini wujudnya pelbagai mahluk halus dan ia adalah selalu terdedah di dalam setiap ruang di dunia ini. Mahluk-mahluk halus ini adalah seperti *amow*, *tow*, *ipok* dan *duhig*. Kepercayaan di kalangan mereka tentang wujudnya pelbagai mahluk halus ini telah dikaitkan dengan segala peristiwa yang berlaku di dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, timbulnya pelbagai penyakit di kalangan mereka juga dipercayai adalah disebabkan oleh sesetengah mahluk halus yang ganas ini. Adalah dipercayai jika seseorang itu dengan sengaja atau tidak sengaja telah mencerobohi tempat tinggal mahluk-mahluk halus ini, ia akan membangkitkan kemarahan di kalangan mahluk-mahluk halus ini dan seterusnya akan membawa pelbagai penyakit kepada orang tersebut. Yang paling ditakuti adalah keadaan yang mana apabila mahluk-mahluk halus ini telah masuk merasuk ke dalam badan orang yang tersebut. Dipercayai bahawa mahluk-mahluk halus ini tidak akan menganggu manusia jika tempat mereka tidak dicerobohi dan mereka dapat berada dalam keadaan yang selesa. Memandangkan bahawa penyakit-penyakit ini adalah disebabkan oleh mahluk-mahluk halus ini, oleh itu, timbul juga kepercayaan bahawa penyakit ini hanya akan dapat diubati

dengan memujuk kepada mahlik-mahluk yang telah membawa kepada penyakit yang tersebut.

Walaupun pada hari ini cara perubatan traditional masih dapat diperhatikan lagi dan terdapat juga di kalangan dukun(*a bayoh*) adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Namun bilangan mereka yang masih pergi kepada cara perubatan ini adalah semakin hari semakin berkurangan jumlahnya dari masa ke semasa. Ada di kalangan mereka yang berpegang kuat kepada kepercayaan mereka telah mula menilai semula amalan ini, malah terdapat juga di kalangan mereka ini yang mengutuk perbuatan ini kerana ia adalah dianggap adalah bertentangan dengan ajaran agama mereka.

Faktor pendidikan dan juga peranan kerajaan di dalam mewujudkan lebih banyak lagi kemudahan kesihatan moden di kalangan masyarakat ini telah menyebabkan mereka kurang berkeyakinan terhadap cara perubatan traditional ini yang tidak begitu masuk akal bagi orang sudah berpendidikan. Malah pada masa ini tidak terdapat lagi di kalangan Melanau generasi muda yang dapat memperolehi ilmu luar biasa untuk menjadai seorang *a bayoh*. Di kalangan *a bayoh* pula mereka mendakwa bahawa ini akibat daripada sikap generasi muda sekarang yang tidak percaya kepada wujudnya kekuatan yang ada pada cara perubatan traditional ini serta sering menggunakan ubat-ubatan moden telah menyebabkan mereka tidak akan dapat memperolehi kuasa-kuasa yang luar biasa ini.

Jika dilihat secara keseluruhannya adalah didapati bahawa di kalangan mereka yang masih pergi kepada perubatan cara ini terutama bagi mereka yang beragama sama ada Islam atau Kristian akan cuba sedaya untuk

mengelakkan daripada diperhatikan oleh orang lain apabila pergi kepada cara perubatan ini. Ini adalah timbul daripada perasaan sedar mereka tentang cara perubatan traditional ini adalah bertentang dengan ajaran agama mereka. Oleh itu jika perbuatan mereka ini diketahui oleh orang lain, mereka akan takut orang lain akan mempersoalkan kekuatan pegangan agama mereka. Walau bagaimanapun, di kalangan mereka yang masih lagi mengamalkan agama traditional juga telah pun semakin kurang yang ingin berkunjung kepada perubatan traditional ini berbanding dengan cara perubatan moden. Biasanya cara perubatan ini hanya akan digunakan pada masa di mana apabila mereka menghadapi pelbagai penyakit yang ganjil yang tidak dapat dikesan dan diubati dengan menggunakan cara perubatan moden.

3.9 PENUTUP

Dalam bab ini adalah dapat dilihat bahawa dalam sistem sosial dan budaya Orang Melanau yang banyak lagi dipengaruhi oleh kepercayaan Melanau traditional walaupun mereka telah sekian lama menganuti agama Kristian dan juga agama Islam. Penganutan agama dalam masyarakat ini telah tidak secara sepenuhnya mengubah pandang dunia dan juga kepercayaan Orang Melanau dalam kehidupan seharian mereka. Pelbagai pantang larang, kepercayaan dan juga upacara traditional masih diamalkan bagi menjamin kesejahteraan hidup dan juga menjamin murah rezeki mereka pada masa hadapan. Ini adalah amat berkaitan dengan kepercayaan Orang Melanau bahawa dalam alam wujudnya suatu kuasa ghaib (*ipok*) yang menentukan kesejahteraan hidup mahluk lain yang terdapat dalam alam ini. Bertolak dari itu, Kebanyakan Orang Melanau percaya bahawa demi untuk menjamin kehidupan mereka adalah dalam keadaan yang sejahtera maka

ipok-ipok ini adalah tidak seharusnya diganggu dan harus sentiasa diberikan makan dalam upacara-upacara yang tertentu dan mengikuti pantang larang yang tertentu juga. Walau bagaimanapun dengan kemasukan agama di dalam komuniti ini dan juga peningkatan kesedaran agama di kalangan mereka telah menyebabkan amalan-amalan yang sedemikian semakin hari semakin dilupakan terutama oleh generasi muda.

Selain itu, mereka juga sering terdedah dan juga dipengaruhi oleh adat dan budaya kumpulan etnik lain dalam keadaan masyarakat yang semakin terbuka di dalam interaksi antara kaum pada hari ini. Namun yang demikian melalui Seminar-seminar Budaya Melanau yang pernah dianjurkan, maka terdapatnya usaha-usaha di dalam meneruskan dan mengidupkan semula sesetengah upacara dan juga aktiviti tradisi Orang Melanau yang dianggap sesuai dengan keadaan semasa dan juga kepercayaan agama untuk mengekalkan identiti asal Orang Melanau ini. Dalam keadaan ini, kalau dibandingkan di antara penganut agama Islam dengan penganut agama Kristian adalah didapati bahawa di kalangan mereka yang beragama Kristian adalah lebih ramai dan lebih kerap yang masih berpegang dan mengamalkan pelbagai amalan dan upacara traditional jika dibandingkan dengan mereka yang menganuti agama Islam. Ini adalah berpunca daripada ajaran agama kristian tidak mempunyai larangan yang ketat dan diperkuatkuasakan oleh sesuatu pihak yang tertentu yang mana dalam banyak hal, ia masih lagi berpandukan kepada taksiran perseorangan individu yang tertentu. Oleh itu, dalam kita melihat perubahan dari segi sosial dan budaya di kalangan Orang Melanau adalah amat perlu bagi kita melihat kepada lanjutan kebudayaan asal Melanau itu sendiri yang hanya akan dapat dilihat secara jelas menerusi pemerhatian ke atas masyarakat ini dari segi perspektif sejarah.

Walaupun budaya adalah amat penting di dalam melihat identiti sesuatu kumpulan etnik yang mana melalui simbol-simbol budaya yang tertentu akan dapat mempertonjolkan satu sentimen kolektif di kalangan sesuatu kumpulan etnik, namun kebudayaan itu sendiri adalah tidak dapat melambangkan identiti etnik (Tan: 1988). Oleh yang demikian, adalah tidak lengkap di dalam melihat identiti etnik Orang Melanau ini tanpa melihat kepada aspek-aspek lain dalam masyarakat ini. Oleh itu, dalam bab yang seterusnya akan dilihat daripada kegiatan ekonomi Orang Melanau yang sering dikaitkan dengan sagu dan juga penangkapan ikan. Selain itu ia akan dilihat kebudayaan kebendaan di kalangan ahli masyarakat ini.

BAB IV

KEGIATAN EKONOMI

PENGENALAN

Dalam bab yang lepas adalah dikatakan bahawa sosial-budaya Orang Melanau selain daripada dipengaruhi faktor alam sekeliling tetapi ia juga adalah dipengaruhi oleh faktor sosial budaya sekeliling dari pada luar yang sentiasa berubah yang mana keadaan luar yang lebih besar ini juga selalu terdedah kepada pelbagai perubahan dan penyesuaian yang bersesuaian dengan aliran dan keadaan semasa. Faktor sosial-budaya luar ini telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan identiti Orang Melanau hari ini. Dalam bab ini akan dilihat corak dan jenis kegiatan ekonomi dan kebudayaan kebudayaan Orang Melanau yang dapat menonjolkan ciri-ciri istimewa orang-orang Melanau. Dalam melihat kegiatan ekonomi Orang Melanau terutama pada masa yang lampau adalah amat perlu bagi kita melihat faktor alam sekeliling seperti keadaan fizikal kawasan serta kekayaan alam yang sedia wujud. Pada masa kini pula, adalah amat perlu bagi kita memberikan perhatian yang lebih kepada peranan Politik terutama mengenai dasar-dasar dan projek-projek ekonomi dan sosial yang dijalankan oleh kerajaan dalam mempengaruhi corak, bentuk serta jenis ekonomi yang dilibatkan oleh Orang Melanau.

Kawasan kediaman Orang Melanau yang terletak di kawasan sekitar muara-muara sungai dan tepi pantai yang berlumpur dan sentiasa dinaiki air telah menyebabkan Orang Melanau ini sering kali dicirikan sebagai penanam sagu dan penangkap ikan. Selain itu, dengan kekayaan alam yang ada terutama sekali sagu telah memboleh Orang Melanau dapat mengadakan espidisi pelayaran ke negeri-negeri Tanah Melayu terutama sekali Johor dan

Trengganu untuk tujuan berniaga dan bertukarkan sagu dengan barang tembaga kuning dan meriam (Morris:1953:8). Daripada ini, dapatlah juga kita melihat bahawa Orang Melanau sejak dahulu lagi sudah terkenal sebagai seorang yang mahir di dalam pembinaan bot dan juga sebagai pelayar yang terkenal. Selain daripada itu, pada hari ini Orang Melanau seperti juga kumpulan etnik lain juga telah melibatkan diri dalam pelbagai bidang ekonomi yang lain. Namun tumpuan dalam kajian ini adalah terhadap kegiatan ekonomi sagu dan juga kegiatan penangkapan ikan memandangkan kedua-dua ekonomi ini mempunyai kepentingan dan pengaruh yang lebih signifikan di dalam kehidupan sehari-hari Orang Melanau. Sagu ini selain daripada digunakan sebagai barang dagangan dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, pada zaman pemerintahan Sultan Brunei, ia juga digunakan untuk dihantar sebagai ufti selain daripada emas ke Brunei.

4.2 KEGIATAN PENANGKAPAN IKAN

Selain daripada dikaitkan dengan kegiatan penanaman rumbia, Orang Melanau juga adalah dicirikan sebagai nelayan terutama di kalangan mereka yang tinggal di kawasan tepi pantai yang juga kebanyakannya mereka adalah beragama Islam. Di kampung Petanak, nelayan ini adalah juga terdiri daripada mereka yang menganuti agama lain. Nelayan di kampung Petanak pada umumnya dapat dikategorikan kepada 3 kumpulan yang utama iaitu nelayan yang mempunyai botnya yang sendiri, mereka yang menumpang dengan mereka yang menjadi pemilik bot dan mereka yang menangkap ikan di kawasan tepi pantai pada waktu lapang dan musim ikan sahaja. Bagi mereka yang menumpang dengan mereka yang memiliki bot, hasil tangkapan dan juga perbelanjaan adalah dibahagikan mengikut pembahagian

yang tertentu iaitu pembahagian di antara pemilik bot dengan orang yang menumpang dengannya adalah mengikut pembahagian mengikut nisbah 3:1. Ini bermakna bagi pemilik bot mereka akan dapat hasil serta bayar perbelanjaan sebagai 75% daripada keseluruhan jumlah hasil dan jumlah kos dan selebihnya adalah pembahagian bagi orang yang menumpang dengannya. Rakan yang biasa dicari oleh pemilik bot adalah berdasar hubungan kekeluargaan, pertalian perseorangan yang terjalin dan yang paling penting adalah keupayaan dan kebolehan serta kerajinan seseorang dalam usaha penangkapan ikan ini. Salah satu cara yang paling terkenal di kalangan nelayan Melanau adalah cara penangkapan *panau*. Cara penangkapan ikan ini adalah terutamanya bagi menagkap ikan jamah dan juga ikan duai. Cara penangkapan ikan secara *memanau* ini juga pernah dikaitkan dengan panggilan "Melanau".

4.2.1 PENANGKAPAN IKAN SECARA PANAU

Dalam cara penangkapan ikan ini, sejenis pukat yang dikenalai sebagai *idus* akan digunakan. Selain daripada itu, daun nipah adalah digunakan bagi menjadi daya tarikan bagi ikan supaya ikan akan berkumpul pada satu kawasan yang tertentu dan ini memudahkan nelayan menangkap ikan-ikan ini dengan lebih mudah dan banyak. Selain itu, umpan juga akan digunakan yang mana umpan-umpan ini akan dicampakkan ke dalam laut dan umpan-umpan ini akan dibiarkan untuk seketika bagi mengumpulkan ikan dengan lebih banyak. Apabila didapati bahawa ikan yang berkumpul itu adalah cukup banyak maka nelayan-nelayan ini akan menarik naik pukat yang dipasang di dalam laut bagi memerangkapkan ikan-ikan ini. Hasil-hasil ikan yang diperolehi melalui cara penangkapan ini adalah biasanya diangkut balik ke

pengkalan dan pasar basah pada sebelah petangnya iaitu kira-kira pada pukul 3.00 petang. Manakala bagi cara penangkatan ikan dengan menggunakan pukat tenggelam yang menggunakan bot nelayan yang kecil, biasanya hasil-hasil tangkapan ini akan dijual di depan pasar pada sebelah paginya iaitu bermula pada kira-kira pukul 9.00 pagi. Bagi bot-bot nelayan yang kecil dalam kes kampung Petanak, ia telah menjadi kebiasaan bot-bot ini dibina oleh nelayan-nelayan itu sendiri. Ini adalah kerana bot-bot nelayan yang dijual di luar adalah pada kebiasaanya adalah diperbuat daripada jenis papan yang tidak cukup kukuh dan keadaan serta saiz bot adalah tidak begitu sesuai dengan keadaan air di muara Sungai Petanak. Ini adalah kerana bot-bot nelayan yang dibuat sendiri akan dapat disesuaikan keadaan fizikal muara Sungai Petanak terutama pada waktu air surut yang membolehkan bot-bot ini dapat masuk ke dalam sungai ini untuk sampai kepada rumah mereka.

4.3 SAGU DAN MELANAU

Tepung sagu adalah dihasilkan daripada pokok rumbia (*balau*) yang tumbuh dengan banyaknya di kawasan yang berpaya dan kawasan yang salirannya tidak begitu baik terutamanya di kawasan daerah Mukah, Oya dan Dalat. Hubungan di antara sagu dengan Orang Melanau adalah tidak dapat dipisahkan seperti mana dalam laporan Morris (1953), yang mana beliau telah menggelarkan komuniti ini sebagai *the sago producing community*. Memang adalah benar di kalangan masyarakat Sarawak apabila disebutkan sahaja tentang sagu (*metroxylon sagus*), ia adalah dikaitkan dengan kegiatan ekonomi yang diamalkan oleh komuniti Melanau. Di kawasan lembah sungai yang didiami oleh Orang Melanau ada terdapatnya pokok rumbia. Namun yang demikian Morris (1991:185) sendiri telah menimbulkan satu

persoalan bahawa walaupun dari segi ekonomi Orang Melanau ini adalah tidak dapat dipisahkan dengan ekonomi sagu tetapi bagaimana ia dapat dibezakan dengan orang-orang Melayu di Bahagian Kedua, Sarawak yang juga mengusahakan sagu dan menangkap ikan dengan keadaan yang agak sama dan dalam persekitaran yang agak sama juga. Walaupun kedua-dua kegiatan ekonomi ini dapat membezakan masyarakat Melanau dengan masyarakat pribumi Sarawak lain yang tinggal di kawasan yang lebih ke pendalaman.

Namun, apa yang akan ditekankan oleh pengkaji dalam hal ini adalah yang berkaitan dengan kepentingan dan fungsi yang dimainkan oleh sagu dalam kehidupan seharian Orang Melanau bukan sahaja dari segi ekonomi semata-mata tetapi juga daripada aspek-aspek lain dalam kehidupan mereka seperti dalam upacara, adat istiadat, aktiviti-aktiviti agama, sebagai bahan makanan dan juga menghasilkan kraftangan. Komuniti Melanau juga sering dikaitkan dengan sebagai pengeluar sagu yang utama disebabkan oleh bilangan mereka yang terlibat dalam aktiviti ini adalah ramai serta mereka adalah satu kumpulan etnik yang begitu mahir dalam menghasilkan pelbagai jenis barang keperluan seperti makanan, kraftangan dan alat-alat keperluan seharian yang lain daripada pokok rumbia ini. Selain itu, komuniti Melanau adalah merupakan satu kumpulan etnik yang rela mengakui kepentingan sagu dan kedudukan sagu dalam kehidupan mereka yang dapat melambangkan identiti mereka sebagai *a likou* Melanau. Sagu ini bukan sahaja merupakan satu jenis bahan makanan yang penting di kalangan masyarakat Melanau tetapi ia juga merupakan satu sumber ekonomi yang amat penting di kalangan mereka sehingga mereka menggelar pokok rumbia ini sebagai pokok bertuah bagi mereka.

Perusahaan sagu di Sarawak mengikut tardisinya merupakan satu pekerjaan pengkhususan bagi Orang Melanau dan ekonomi tempatan telah sekian lama terutama pada abab ke-19 dan ke-20 telah bergantung kepada tamanan eskport ini yang mana pada sepanjang abab ke-19 sagu telah menjadi hasil pertanian pertama bagi Sarawak. Pada tahun-tahun 1870an dan 1880an pelbagai galakan telah diberikan terhadap penaman sagu ini memandangkan sagu pada waktu itu merupakan satu hasil pertanian yang amat menguntungkan dan banyak kaewasan baru telah dibuka yang mana Orang Melanau telah menjadi pengesport utama sagu dunia sejak 1840an (Jackson 1976:43).

Perusahaan sagu di Sarawak telah mencapai kemuncaknya pada akhir tahun 1880an. Permintaan dunia yang semakin meningkat terhadap sagu telah menyebabkan perubahan yang amat besar ke atas kehidupan sosial dan ekonomi Orang Melanau. Kebanyakkan mereka telah meninggalkan ekonomi sara diri dan telah mula tumpukan kepada ekonomi yang berasaskan pasaran dan eskport. Pada peringkat awal, sagu adalah dihasilkan oleh Orang Melanau itu sendiri, tetapi dengan perkembangan dalam permintaan ini telah menyebabkan mereka menjualkan batang-batang rumbia ini kepada pengilang-pengilang yang kebanyakannya mereka adalah Orang Cina. Keadaan ini telah memberikan kesan terhadap pembahagian kerja di antara kaum lelaki dengan kaum wanita di kalangan komuniti ini. Kini, kerja-kerja menanam, menebang dan mengangkut rumbia sama-sama dijalankan oleh kedua-dua pihak lelaki dan wanita yang mana pada waktu dahulu ia adalah dijalankan oleh kaum lelaki sahaja. Walau bagaimanapun, kerja-kerja menghasilkan dan memproses sagu dan *tabaloi* masih lagi dikerjakan oleh kaum wanita sehingga ke hari ini.

Kawasan pengeluaran utama sagu adalah di kawasan Matu, Oya, Dalat dan Mukah. Sebelum kawasan-kawasan ini menjadi sebahagian daripada kawasan jajahan Brooke hingga kira-kira 1850an, orang-orang Cina telah menubuhkan kilang-kilang sagu di Kuching (Jakson 1976:111). Namun ia dihalang operasinya apabila berlakunya kekacauan di kawasan ini pada tahun-tahun akhir 1850an. Akibat daripada kekacauan ini, telah memberikan peluang kepada pihak Brooke untuk campurtangan dan akhirnya kawasan-kawasan ini telah berjaya diserahkan oleh pihak Kerajaan Brunei kepada Pihak Kerajaan Brooke pada tahun 1861 (Jakson 1976:112). Di bawah pemerintahan Brooke, keamanan kawasan ini telah dapat dipulihkan semula dan ini telah mendorong berkembangnya kegiatan perniagaan sagu ini semula. Keadaan yang sedemikian telah mendorong orang-orang Melayu dan orang-orang Cina berhijrah masuk dan Syarikat Borneo telah menubuhkan sebuah kilang di Mukah pada 1874 (Rahman Haji Rahim & Jeniri Amir 1988:48). Selain itu, kilang memproses sagu juga telah dibina di Singapura dan Batavia.

Kekayaan ekonomi sagu di kawasan Orang Melanau bukan sahaja telah mendorong wujudnya kilang-kilang tetapi ia juga elah memendorong membolehkan Orang Melanau berhubung dengan orang luar. Hubungan dengan orang luar terutama pedagang-pedagang Melayu telah menyebabkan ramai daripada memasuki aagama Islam hasil daripada perkahwinan campur. Keadaan ini telah secara tidak langsung telah menyebabkan hasilan sagu telah berkurangan dan seterusnya wujudnya perubahan dari segi corak ekonomi mereka.

"... decreased cultivation of sago by the villages that have been converted to Islam is correlated with the change of

religion and consequent reluctance to kill pigs. What appears to have happened is that a process of economic change have been confused with a contemporaneous religious change (Morris:1953:5).

Pengurangan pembabitan Orang Melanau dalam kegiatan penamanan rumbia ini semenjak akhir-akhir ini adalah jelas. Ini adalah memandang kepada terbuka luasnya peluang pekerjaan lain yang lebih memuaskan daripada segi pendapatannya serta yang dipandang tinggi statusnya terutama di kalangan generasi muda berbanding dengan usaha penanaman sagu. Selain itu, tanah-tanah baru juga cendorong dibuka untuk tujuan tanaman lain. Misalnya, di Kampung Petanak, penduduknya adalah lebih cendorong untuk menanam buah-buahan terutama rambutan, mangga, durian dan kelapa. Selain itu, mereka juga menanam tanaman yang berjangka masa pendek seperti nenas, keladi, keledek, tomato dan sayur-sayuran yang lain untuk tujuan pasaran tempatan. Pertukaran di dalam penanaman jenis tanaman daripada rumbia kepada buah-buahan dan sayur-sayuran adalah berpunca daripada kemerosotan dalam harga rumbia serta kekurangan tenaga manusia terutama dalam menebang dan mengangkut batang-batang rumbia ini ke kawasan kampung¹. Keadaan ekonomi yang lebih tertutup pada waktu dahulu, ditambahkan lagi dengan kawasan kediaman mereka yang merupakan kawasan yang berpaya-hutan yang luas telah menyebabkan mereka terlibat dalam ekonomi penanaman sagu. Selain daripada itu, menjagaan kebun rumbia adalah amat rumit. Maka, jika terdapatnya peluang pekerjaan yang lebih baik mereka adalah lebih rela meninggalkan kerja di kebun rumbia mereka.

¹ . Kearatn-keratan rumbia ini akan diangkut dengan menggunakan sungai dan dikumpulkan di kawasan dengan kampung sebelum ia diangkut ke kilang memproses. Biasanya terdapat orang tengah yang yang terdiri daripada orang kampung sendiri dan juga orang luar yang membeli rumbia ini dari penduduk kampung dan menjualkannya kepada pihak pengilang.

Pada masa sekarang Orang Melanau adalah seperti juga dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain dengan terbuka luasnya peluang pekerjaan dan peningkatan taraf pendidikan telah menyebabkan mereka tidak hanya terikat kepada satu atau dua jenis pekerjaan sahaja. Sekarang terdapat ramai Orang Melanau yang telah melibatkan diri dalam sektor awam dan swasta. Pembukaan ladang rumbia PELITA (Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak) juga telah mendorong ramai daripada Orang Melanau terlibat dalam pekerjaan di dalam ladang rumbia ini. Dari sini terdapatnya peralihan dalam corak pekerjaan di kalangan Orang Melanau daripada bekerja di kebun sendiri kepada bekerja dengan makan gaji walaupun kedua-dua ini adalah melibatkan kerja-kerja penanaman rumbia. Apa yang jelas adalah bilangan Orang Melanau yang terlibat dalam penanaman rumbia ini telah semakin berkurangan dengan pembabitan mereka yang semakin ramai di dalam bidang ekonomi yang lain. Namun, pada keseluruhannya secara relatif jika dibandingkan kumpulan etnik yang lain adalah didapati bahawa bilangan Orang Melanau yang terlibat di dalam kedua-dua jenis pekerjaan penanaman rumbia dan juga penangkapan ikan adalah lebih ramai.

Pada peringkat awal pembabitan SEDC dalam pembukaan kilang biskut sagu ini, sememangnya dapat memanfaatkan pekebun-pekebun rumbia, iaitu dengan membeli rumbia-rumbia ini daripada pekebun-pekebun kecil rumbia ini. Namun dengan pembabitan PELITA di dalam melakukan penanaman rumbia secara besar-besaran telah menyebabkan bekalan rumbia untuk kilang-kilang sagu dapat mendapatkan bekalan bahan mentah dengan cukupnya tanpa memerlukan bekalan yang banyak daripada orang-orang

kampung. Kalau pembelian dilakukan dengan orang kampung pun, tawaran harga terhadap keratan rumbia adalah tidak berbeza dengan kilang-kilang sagu milik Orang Cina iaitu pada harga \$3.50 sekerat. Tawaran harga ini adalah dikatakan masih rendah memandang pokok rumbia memerlukan tempoh masa yang panjang untuk matang iaitu kira-kira 8-10 tahun. Walau bagaimanpun pengelibatan pihak SEDC dalam usaha pembuatan biskut sagu dan juga penanaman rumbia ini telah memberikan peluang pekerjaan yang banyak kepada orang-orang Melanau.

Pengurangan pembabitan jumlah Orang Melanau dalam usaha penanaman rumbia ini dan penggantian makanan utama mereka daripada sagu kepada nasi pada masa sekarang, tidaklah bermakna bahawa rumbia ini tidak lagi memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian Orang Melanau. Sejarah pembabitan dan penggunaan sagu yang lama telah memainkan satu peranan yang tidak dapat dileyapkan dalam masa yang begitu singkat sahaja. Hasil-hasil yang dikeluarkan daripada rumbia pada hari ini masih memainkan satu peranan yang amat penting di dalam aspek ekonomi, sosial dan kepercayaan selain daripada sebagai satu bahan makanan.

4.4 RUMBIA (BALAU) DAN AMALAN PERUBATAN TRADITIONAL SERTA AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

Pokok rumbia ini selain boleh digunakan untuk menghasilkan sagu dan juga biskut sagu (*tabaloi*), serta digunakan dalam upacara keagamaan yang lain. Batangnya yang lembut dan senang diukir telah menyebabkannya sering digunakan dalam untuk membuat *dakan*. *Dakan-dakaan* ini dibuat untuk digunakan dalam perubatan tradisional Orang Melanau. *Dakan-dakan* ini merupakan patung-patung yang berbentuk manusia dengan pelbagai aksi dan perlakuan yang tertentu dengan bergantung kepada jenis penyakit yang

dihadapi. Keupayaan mengukir *dakan* ini dan juga kebolehan untuk mengetahui jenis penyakit yang dihadapi hanyalah dapat diperolehi oleh sesetengah orang sahaja melalui mimpi secara ajaib. *Tow-tow* yang berlainan akan menyebabkan jenis penyakit yang berlainan dan *dakan-dakan* ini akan diukir menyerupai *tow-tow* yang menyebabkan penyakit tersebut. Antara jenis-jenis *dakan* yang diukir adalah seperti *dakan sa-ang*, *dakan ivi*, *dakan jakun*, *dakan sayung*, *dakan bawan*, *dakan gelap guun* dan *dakan putih anak*.

Dakan-dakan yang berlainan jenis dan bentuk adalah digunakan untuk mengubati jenis penyakit yang berbeza. *Dakan Jakun* adalah untuk mengubati mengubati sakit-sakit tertentu pada bahagian-bahagian badan. *Dakan sayung* pula digunakan untuk mrengubati kanak-kanak yang makan banyak tetapi badannya masih lagi kurus. *Dakan bawan* adalah untuk memulihkan deman dan batuk bagi kanak-kanak. Penyakit di mana ibu mengandung yang keluar terlalu banyak darah semasa bersalin dan ibu mengadung yang sembelit dapat dipulih dengan menggunakan *dakan ivi*. *Dakan sa-ang* pula adalah untuk mengubati penyakit yang agak tenat dan telah sakit untuk satu jangka masa yang agak panjang. *Dakan gelap guun* adalah untuk memulih penyakit tidak siuman selepas balik daripada laut. *Dakan putih anak* pula digunakan untuk menyembuhkan gejala di mana wanita mengandung yang darah keluar terlalu banyak dan mengubati penyakit lelaki yang gatal di seluruh badan. Manakala *dakan denggaya* digunakan untuk mengelakkan dirasuk mahluk halus semasa berjalan jauh dari rumah atau kampung.

Pada masa sekarang, *dakan* atau *bilum* ini juga telah diperbuat daripada jenis-jenis kayu yang lebih keras ternasuklah kayu belian. Namun, jenis *dakan* yang sedemikian adalah tidak digunakan di dalam sebarang

upacara perubatan traditional lagi tetapi ia adalah diperbuat dengan tujuan pasaran terutama sebagai barang kenangan dan juga perhiasan terutama di kalangan pelancong-pelancong luar negari.

4.4 MAKANAN-MAKANA TARDISI ORANG MELANAU

Berhubungan rapat dengan kegiatan ekonomi utama Orang Melanau yang merupakan penanam rumbia dan sebagai nelayan telah secara langsung menyebabkan mereka mewujudkan pelbagai jenis bahan makanan traditional mereka yang berasaskan kedua-dua bahan sagu dan ikan. Orang Melanau juga adalah amat handai di dalam menghasilkan bahan makanan yang bertahan lama terutama daripada ikan yang dapat disimpan untuk dimakan pada musim landas. Bahan-bahan makanan traditional ini seperti sagu (*sago pearl*), *tabaloi* dan ikan kering. Biasanya jika bahan-bahan ini terdapatnya lebihan akan ditukarkan dengan barang-barang makanan terutama beras dengan orang yang tinggal di kawasan yang lebih ke pendalamannya seperti Orang Iban. Malah dengan hasilan sagu ini, Orang Melanau telah pernah berlayar ke Tanah Melayu untuk berukarkan dengan barang-barang tembaga kuning dan bahan-bahan yang lain.

4.4.1 SAGU

Sagu merupakan makanan yang utama Orang Melanau pada suatu masa dahulu, malah dalam zaman pendudukan Jepun Orang Melanau juga telah bergantung ke atas bahan ini sebagai bahan makanan utama mereka yang mana beras adalah kurang kedapatan pada masa itu akibat daripada sukar hendak dibawa masuk ke kawasan ini. Sagu (*Sago pearl*) yang berbentuk bijian bulat ini adalah diperbuat daripada campuran tepung sagu,

serkam padi dan juga santan kelapa. Sagu ini biasanya adalah dimakan bersama-sama dengan bahan-bahan makanan yang lain seperti *Umai*, *bahiak*, *Beluh*, *Sepoh* dan banyak lagi jenis makanan yang diperbuat daripada ikan dan juga daging.

4.4.2 BISKUT SAGU (*TABALOI*)

Tebaloi merupakan sejenis biskut sagu yang berbentuk kepingan dan ada yang berbentuk batang bulat adalah diperbuat daripada campuran bahan-bahan seperti tepung sagu, serkam padi, gula, telur dan kelapa serta ada yang dicampurkan dengan daging ikan. Ia biasanya merupakan sejenis makanan ringan yang dihidangkan kepada tetamu terutama bagi tetamu yang terdiri daripada kumpulan etnik lain. Terdapat juga di kalangan Orang Melana yang menghasilkan *tabaloi* ini bagi tujuan untuk mempertukarkan dengan barang yang lain daripada orang lain terutama daripada Orang Iban yang tinggal di kawasan yang lebih ke pendalam. *Tabaloi* ini biasanya akan dipertukarkan dengan beras dan barang-barang makanan dan hasil kraftangan yang lain. *Tabaloi* ini adalah dibuat di dalam satu rumah yang khas yang dikenali sebagai *belanga*. *Belanga* yang digunakan untuk membuat *tebaloi* ini adalah agak berbeza daripada *belanga* yang digunakan di dalam membuat sagu. Dalam *belanga* yang digunakan untuk membuat *tebaloi*, ovennya adalah diperbuat daripada dawai di bahagian atasnya manakala bagi *belanga* yang digunakan untuk membuat sagu, ovennya adalah diperbuat daripada tanah liat.

Di kampung Petanak hanya terdapat sebuah sahaja *belanga* yang digunakan untuk membuat *tebaloi* yang mana ia adalah disediakan oleh pihak kerajaan negeri pada tahun 1992. Manakala terdapat juga sebuah *belanga* lain yang juga didirikan oleh pihak kerajaan pada tahun yang sama

untuk membuat sagu. Selain daripada itu, terdapat juga *belanga-belanga* lain yang digunakan untuk membuat sagu yang dimiliki oleh orang-perseorangan. Wujudnya *belanga-belanga* dalam menghasilkan sagu dan juga *tebaloi* ini merupakan satu daripada ciri penonjolan yang dapat dilihat di dalam perkampungan Orang Melanau terutama di Oya, Dalat dan Mukah.

Pada masa sekrang, di Mukah *tabaloi* ini telah dihasilkan dalam cara yang baru dengan menggunakan teknik-teknik pengeluaran yang baru. Ia adalah dikeluar secara kilang yang mana kilang ini telah didirikan oleh pihak SEDC.

4.4.3. SI'AT

Si'at merupakan sejenis ulat yang hidup di dalam pokok rumbia yang telah ditebang atau yang telah tumbang. *Si'at* ini hanya akan hidup dengan banyak di dalam batang rumbia yang baik dan terletak di dalam kawasan yang agak lembap dan tidak terdedah kepada pancaran matahari secara terus. *Si'at* ini telah menjadi salah sejenis makanan yang amat digemari oleh Orang Melanau. Ia boleh dimakan dalam pelbagai cara sama ada ia dimakan secara hidup, direbus atau pun digoreng. Selain daripada itu, minyak *si'at* juga boleh dijadikan sebagai minyak rambut yang dikatakan akan dapat menghitamkan serta melebatkan rambut bagi mereka yang menggunakaninya. Selain daripada makanan tradisi yang berdasarkan kepada sagu, makanan tradisi Orang Melanau juga terdiri daripada bahan-bahan makanan yang bersaskan kepada ikan. Ini adalah banyak berkaitan dengan kegiatan ekonomi orang Melanau yang juga merupakan golongan nelayan yang terkenal.

4.4.4 UMAI, SEPOH, BELUH DAN BAHI'AK

Selain daripada makanan traditional Orang Melanau yang berasaskan sagu, terdapat juga banyak makanan tradisi Orang Melanau yang bersaskan ikan, ini adalah sesuatu yang berkaitan rapat dengan kegiatan ekonomi Orang Melanau yang banyak dikaitkan sebagai nelayan. Antara makanan tradisi ini yang terkenal adalah seperti *umai*, *sepoh*, *beluh* dan *bahi'ak*. *Umai* sebenarnya merupakan ikan mentah yang dihiris nipis dan dimakan bersama dengan campuran sambal yang biasanya diperbuat daripada asam paya, garam, cili, bawang merah, limau nipis dan belacan bagi *umai* asam. Bagi *umai* yu pula daging ikan yang digunakan adalah ikan yu yang kecil dan dihiris dengan nipis. Ia juga adalah dimakan secara mentah dengan dicampurkan bersama dengan sampal yang diperbuat daripada campuran cili, halia, bawang putih, kacang tanah, limau nipis, garam dan juga sedikit gula. *Umai* selain daripada boleh dibuat daripada ikan segar, ia juga boleh diperbuat daripada udang kecil segar.

Sepoh atau *pejah* pula merupakan ikan bakar. Biasanya ikan yang dibakar adalah tidak dikeluarkan perutnya bagi menjaga rasa yang asli dan enak. *Beluh* pula merupakan ikan mentah yang yang dipotong kepada kepingan dan disapukan dengan lapisan garam pada semua bahagian ikan dan ia adalah digaram dalam satu jangka masa yang pendek sahaja. Ia juga adalah dimakan secara mentah dengan dicampurkan dengan cili dan limau nipis. Proses membuat *bahi'ak* adalah lebih kurang sama dengan proses membuat *beluh* yang berbeza cuma *bahi'ak* ini melalui tempoh penggaraman yang lebih lama. Ia juga adalah dimakan secara mentah dengan dicampurkan dengan cili dan limau nipis. Selain daripada itu, Orang Melanau juga amat

terkenal di dalam menghasilkan makanan yang tahan lama terutama makanan yang diperbuat daripada ikan yang mana ia dapat digunakan sebagai makanan dalam masa musim landas. Makanan yang tahan lama ini, jika terdapatnya lebihan, maka Orang Melanau ini juga akan bertukarkan barang-barang makanan ini dengan terutamanya beras dan bahan makanan yang lain dengan Orang Iban yang tinggal di kawasan yang lebih ke hilir dari kawasan pantai dan muara sungai.

Pada masa kini, di bawah pengelolaan KEMAS (Kemajuan Masyarakat), kaum-kaum wanita Melanau telah banyak diajar pelbagai teknik dan cara masakan dan jenis makanan daripada kaum lain terutama masakan Orang Melayu. Keadaan ini telah dapat memperkayakan corak dan jenis permakanan dalam masyarakat ini. Walaupun di kalangan mereka ini telah terdedah kepada pelbagai cara masakan baru dari luar, namun cara-cara dan jenis makanan tradisi Orang Melanau tidak ditinggalkan, malah mereka makanan-makanan ini sentiasa menjadi makanan yang amat digemari oleh mereka. Ini terutama sekali *umai* yang begitu terkenal bukan sahaja di kalangan Orang Melanau sahaja tetapi juga masyarakat lain di Sarawak. Dari itu, *Umai* juga telah dikomersialisasikan di kebanyakan tempat direstoran di Mukah dan juga di Sibu. Selain daripada jenis-jenis makanan ini terdapat banyak lagi makanan traditional Orang Melanau ini, namun dalam kajian ini hanya sebutkan beberapa jenis yang lebih kerap dimakan oleh penduduk Melanau di kampung Petanak pada masa kini.

4.5 KRAFTANGAN ORANG MELANAU

Di kalangan Orang Melanau selain daripada makanan-makanan tradisi mereka, kraftangan Orang Melanau juga adalah amat terkenal dan unik

sekali. Secara keseluruhannya, di kalangan masyarakat Sarawak, teredak (*Tapau*) yang diperbuat oleh Melanau Dalat adalah begitu terkenal sekali dan ia mendapat pasaran yang meluas dan digemari oleh Melanau dari kawasan lain dan juga oleh kumpulan etnik lain. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbezaan kawasan kediaman, teredak yang dihasilkan juga adalah berbeza daripada segi coraknya. Ini dapat dilihat bahawa teredak dari Dalat adalah lebih mementingkan coraknya yang berwarna-warni, teredak dari Matu pula lebih mementingkan perhiasanya yang banyak menggunakan manik manakala bagi teredak dari Mukah, ia tidak terdapatnya corak yang berwarna-warni ia adalah lebih mementingkan corak asalnya yang unik dan kadang-kadang ia kan dicat dengan cat warna putih untuk menjadikannya lebih tahan lama. *Teredak* yang bersaiz kecil juga banyak dihasilkan pada masa kini demi untuk memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat. *Teredak* seperti ini biasanya digunakan sebagai barang perhiasan rumah dan juga dijadikan sebagai barang kenangan memandangkan ia adalah begitu unik sekali. Oleh yang demikian, satu daripada cara yang baik sekali di dalam mengekalkan kebudayaan kebendaan di kalangan komuniti Melanau adalah dengan mengkomersialisasikan kebanyakannya hasil ini agak ia tidak akan lenyap melalui masa dan pada masa yang sama, melalui kebuyaannya kebendaan ini akan dapat memperkenalkan komuniti ini kepada masyarakat luar.

4.6 PENUTUP

Secara keseluruhannya, adalah didapati bahawa Orang Melanau ini walaupun merupakan satu kumpulan etnik yang masih banyak bergantung kepada ekonomi tradisi mereka yang melibatkan penanaman sagu dan juga sebagai nelayan. Ini dapat dilihat daripada bilangan Orang Melanau yang

terlibat di dalam kedua-dua jenis kegiatan ekonomi ini adalah masih ramai jika berbanding dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Malah Orang Melanau juga adalah merupakan satu kumpulan etnik yang amat terkenal dengan kemahiran mereka di dalam mempergunakan pelbagai bahagian daripada pokok rumbia ini untuk pelbagai jenis kegunaan seperti makanan dan juga untuk kegunaan sosial, adat, kepercayaan dan amalan-amalan tradisi mereka. Di samping itu, Orang Melanau juga amat terkenal dengan cara penangkapan mereka secara *panau* dan juga pelbagai makanan tradisi yang diperbuat daripada ikan.

Walaupun didapati bahawa pelbagai pembangunan dan kemajuan telah dicapai di kalangan Orang Melanau dan juga di kawasan pertempatan utama Orang Melanau, namun kedua-dua kegiatan ini penanaman rumbia dan juga penangkapan ikan masih giat diamalkan. Di Kampung Petanak, hampir semua penduduknya ada terlibat dengan kedua-dua kegiatan ini sama ada secara sepenuh masa ataupun secara sambilan sahaja. Selain itu, makanan-makanan yang berdasarkan kepada kedua-dua jenis hasil ini masih secara luas dimakan di kalangan mereka dan terdapat usaha untuk meperluaskannya secara komersial.

Selain itu, adalah didapati juga bahawa Orang Melanau ini juga adalah amat terkenal dengan pelbagai hasil kraftangan mereka yang begitu unik dan menarik sekali. Namun jika dilihat secara teliti adalah didapati bahawa, masyarakat Melanau adalah sama dengan kumpulan etnik yang lain juga terlibat di dalam pelbagai jenis kegiatan ekonomi lain terutama bagi golongan muda sekarang yang tidak begitu berminat di dalam kedua-kedua kegiatan ekonomi tradisi ini jika dibandingkan dengan jenis pekerjaan

makan gaji yang lain. Orang Melanau seperti juga kumpulan etnik yang lain tidak terikat kepada satu atau dua jenis perkerjaan sahaja yang mana pada masa kini Orang Melanau terutama di kalangan mereka yang berpendidikan juga melibatkan diri dalam kegiatan seperti menjadi guru, polis, pengawai kerajaan atau swasta, peruncit, pekebun dan peternak serta pelbagai bidang kegiatan ekonomi yang lain. Walau bagaimanapun setakat ini, bilangan mereka yang terlibat dalam kegiatan penanaman rumbia dan penangkapan ikan melibatkan bilangan orang yang teramai serta mereka masih lagi bergantung kepada kedua jenis hasil ini sebagai bahan makanan dan kraftangan. Selain itu, pelbagai amalan budaya seperti perayaan *kaul* dan permainan *tibow* ada hubungan langsung dengan kedua-dua kegiatan eokonomi ini.

Di dalam melihat identiti sesuatu kumpulan etnik adalah perlu bagi kita untuk melihat dari segi ciri-ciri subjektif selain dari ciri-ciri objektif. Ciri-ciri subjektif yang dimaksudkan di sini adalah bagaimana Orang Melanau itu sendiri mengidentifikasi diri di kalangan mereka memandangkan mereka adalah terdiri daripada tiga kumpulan yang menganuti agama yang berbeza. Ini dapat dilihat melalui pemerhatian ke atas bagaimana Orang Melanau sendiri dan juga kumpulan etnik lain di dalam melihat dan mengidentifikasi Orang Melanau itu sendiri dalam hubungan sehari-hari mereka.

BAB V

AGAMA, HUBUNGAN PERSAUDARAAN DAN HUBUNGAN ETNIK

PENGENALAN

Dalam bab ini akan dilihat daripada pelbagai aspek terhadap tanggapan masyarakat ini terhadap mereka sendiri dan juga tanggapan komuniti lain mereka terhadap mereka dalam hubungan dan interaksi sesama sendiri di kalangan mereka. Selain itu akan dilihat pengaruh agama di dalam hubungan sosial di kalangan komuniti ini dan juga dengan komuniti lain serta peranan agama di dalam mempengaruhi pelbagai amalan dan juga upacara tradisional.

5.2 "MASUK AGAMA" DAN TUKAR AGAMA

Gejala yang agak menarik pada masa kini adalah terdapatnya kecenderongan di kalangan masyarakat tua Orang Melanau *likou* yang turut mengikuti kepercayaan agama universal terutama Islam dan Kristian yang menjadi agama utama di kalangan Orang Melanau ini. Gegala yang sedemikian adalah banyak dipengaruhi oleh anak-anak mereka yang telah menganuti agama-agama ini. Selain daripada itu, ia juga adalah amat berkaitan dengan kecenderongan semasa yang mana pada masa kini kepercayaan terhadap agama moden ini seakan-akan sudah menjadi satu aliran semasa yang amat kuat mempengaruhi pemikiran masyarakat ini. Selain daripada itu, penganutan agama ini adalah juga merupakan satu

usaha di kalangan orang tua untuk menyesuaikan hidup mereka dengan ahli-ahli keluarga lain yang telah menganuti sesuatu agama yang tertentu.

Kecendorongan orang-orang Melanau ini di dalam menganuti agama ini telah menyebabkan semakin lenyapnya institusi-institusi traditional seperti cara perubatan traditional Orang Melanau. Di sebaliknya pula, ia akan menyebabkan semakin pentingnya institusi agama di dalam kehidupan Orang Melanau dan memainkan peranan yang semakin penting di dalam upacara-upacara yang tertentu. Kepercayaan dalam agama moden ini mempunyai kesan yang amat signifikan ke atas corak hidup Orang Melanau ini. Ini adalah terutama bagi mereka yang kuat memegang kepada kepercayaan agama. Mereka akan menganggap segala kepercayaan dan amalan traditional sebagai sesuatu yang karut sedangkan dalam masyarakat Melanau tradisi, kepercayaan traditional yang mempercayai kepada makhluk-makhluk halus mempunyai pengaruh yang kuat serta telah menjadi satu identiti khas bagi Orang Melanau ini. Namun yang demikian, masih terdapat ramai lagi Orang Melanau walaupun telah menganuti sesuatu agama, mereka masih lagi mengamalkan pelbagai amalan dan kepercayaan lama terutama sekali dalam perubatan tradisi. Malah ramai daripada *a-bayoh* pada hari ini adalah terdiri daripada mereka yang telah menganuti sesuatu agama yang tertentu terutama bagi mereka yang telah menganuti agama Islam. Penganutan dalam sesuatu agama di kalangan Orang Melanau juga mempunyai kesan yang mendalam terhadap hubungan sosial di kalangan Orang Melanau sendiri dan juga dengan kumpulan etnik yang lain.

Selain daripada itu, pertukaran dalam sesuatu sistem kepercayaan terutama sekali dari agama Kristian dan pagan kepada agama Islam adalah

banyak sekali berlaku melalui perkahwinan. Kadang-kadang pertukaran dalam sistem kepercayaan seseorang dalam sesuatu keluarga juga akan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap ahli-ahli keluarga lain. Kerap juga berlakunya kes di mana atas pengaruh yang sedemikian telah menyebabkan ahli keluarga lain juga menukarkan atau memasuki agama tersebut. Gejala menganuti sesuatu agama yang tertentu dalam masyarakat Melanau adalah sesuatu gejala yang biasa berlaku. Pertukaran sistem kepercayaan adalah dianggap sebagai sesuatu yang lumrah. Oleh yang demikian, penganutan agama yang tertentu tidak akan menjadi satu penghalang kepada hubungan di kalangan masyarakat Melanau itu sendiri.

5.3 AGAMA DAN HUBUNGAN SOSIAL SERTA HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Adalah diketahui bahawa masyarakat Melanau adalah terdiri daripada tiga kumpulan yang utama berdasarkan kepada sistem kepercayaan mereka iaitu mereka yang beragama Islam, Kristian dan mereka yang masih mengamalkan agama traditional mereka. Namun apabila kita melihat kepada hubungan sosial dan hubungan kekeluargaan di kalangan Orang Melanau adalah didapati bahawa ia adalah tidak banyak dipengaruhi oleh faktor agama ini. Pada waktu sekarang hubungan sosial di kalangan Orang Melanau adalah banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti hubungan kekeluargaan, faktor tempat asal, perhubungan yang terjalin daripada faktor ekonomi dan faktor sosial budaya dan politik. Malah, jika dilihat di kalangan masyarakat Melanau, hubungan kekeluargaan adalah sesuatu yang jalinan yang amat baik dan erat sekali.

Saudara mara ini merupakan orang yang paling dekat sekali yang dapat menyumbangkan daripada segi sokongan ekonomi, sosial, moral dan kadang-kadang daripada segi politik. Sokongan dan bantuan daripada saudara mara juga adalah amat diharapkan dan diperlukan pada waktu-waktu akan diadakan sesuatu majlis keramaian yang tertentu. Dengan wujudnya kesedaran tentang kepentingan di dalam hubungan kekerabatan ini, maka ini telah menyebabkan mereka akan cuba untuk menjalinkan hubungan yang mesra serta mengeratkan jalinan perhubungan yang telah sedia wujud. Ini termasuklah melalui cara perkahwinan di kalangan mereka. Selain daripada itu, Orang Melanau juga sentiasa menjalinkan perhubungan yang baik dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain dan ini telah telah menjadikan mereka sebagai satu kumpulan etnik yang dinamik yang selalu terdedah kepada dan terpengaruh kepada kebudayaan dan unsur-unsur luaran.

Dalam masyarakat Melanau traditional, hubungan sosial di kalangan mereka sendiri adalah amat dipengaruhi oleh kedudukan pangkat yang diduduki oleh seseorang dalam sistem bangsa traditional Melanau. Faktor agama juga memainkan peranan apabila terdapatnya pelbagai kegiatan dan upacara agama iaitu melalui hubungan saling ziarah-menziarahi antara satu sama lain pada pelbagai hari kebesaran agama terutama sekali pada Hari Raya Puasa dan Hari Krimas.

Di dalam hubungan seharian di kalangan Orang Melanau, tidak faktor agama adalah tidak dilihat sebagai sesuatu halangan di kalangan mereka yang berbeza daripada segi anutan kepercayaan agama. Apabila terdapatnya pelbagai majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, orang yang akan dijemput untuk menghadiri majlis ini selain daripada penduduk-penduduk

kampung yang sama, mereka juga akan menjemput saudara mara dan rakan-rakan karib yang tidak kira agama yang dianuti oleh mereka. walau bagaimanapun dalam majlis yang sedemikian, segala peralatan yang digunakan dan bahan makanan yang dihidangkan adalah patuh halal dari segi amalan ajaran agama Islam. Pemberian bahan-bahan makanan dan jemputan makan pada hari-hari biasa adalah tidak dilihat daripada segi perbezaan kepercayaan agama tetapi yang lebih dipentingkan adalah niat orang mereka yang menjemput. Jika mereka yang menjemput adalah berhati ikhlas, maka ia tidak akan timbul sebarang masalah dalam hal ini.

Hubungan dan pergaulan di kalangan lelaki (*Jemelai*) dengan gadis-gadis (*teluas*) yang berlainan agama adalah tidak menghadapi sebarang masalah besar dan tidak menghadapi tekanan yang kuat daripada ahli-ahli keluarga yang lain. Ini terutama bagi pergaulan di antara mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Pihak ibu bapa terutama bagi yang beragama kristian dan yang masih *likou* biasanya cuma akan menasihatkan anak-anak mereka apabila ingin berkahwin dengan mereka yang beragama Islam. Nasihat ini biasanya adalah yang berhubungan dengan masalah yang akan dihadapi terutama selepas kahwin daripada segi masalah makanan. Keadaan ini timbul terutama bagi mereka yang selepas berkahwin terpaksa tinggal dengan keluarga pihak yang bukan beragama Islam. Masalah juga akan timbul terutama pada hari-hari perayaan seperti Hari Krismas yang mana pada masa itu keseluruhan ahli keluarga akan berkumpul pada rumah bapa dan meraikan hari-hari kebesaran ini secara bersama. Dalam keadaan yang sedemikian akan timbulnya masalah dalam hal permakanan ini. Walau bagaimanapun, hubungan dan juga jalinan kekeluargaan yang sedia wujud tidak akan terjejas akibat daripada seseorang telah menganuti sesuatu agama

yang lain. Malah kepelbagaian kepercayaan Orang Melanau dan juga di kalangan ahli keluarga Melanau telah dianggap oleh masyarakat luar dan juga Orang Melanau sendiri sebagai sesuatu identiti khas mereka berbanding dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Ini adalah berbeza dengan keadaan masa di mana masyarakat ini masih belum lagi menganuti sebarang agama moden yang mana animism merupakan salah satu identiti khas bagi Orang Melanau dan juga bagi masyarakat pribumi lain di Sarawak.

Penganutan agama di kalangan mereka sama ada agama Kristian atau agama Islam, ia tidak mempunyai sebarang kesan ke atas taraf mereka sebagai *a likou* Melanau. Walaupun semasa kajian ini dijalankan, terdapat juga orang-orang Melanau *likou* dan Melanau Kristian apabila berhubung dengan pengkaji akan merujuk Melanau Muslim sebagai "Melayu". Namun apa yang mereka rujuk itu bukannya merujuk kepada Melanau Muslim sebagai Orang Melayu tetapi apa yang mereka ingin sampaikan adalah merujuk kepada kalangan mereka yang beragama Islam. Ini adalah jelas yang mana dalam masyarakat Melanau itu sendiri terdapatnya panggilan yang tertentu iaitu *a-salem* untuk merujuk kepada Orang Melanau yang beragama Islam. Dari sini adalah jelas menunjukkan bahawa kepercayaan seseorang tidak akan membawa kepada terkeluarnya seseorang Melanau itu sendiri daripada status mereka sebagai *a likou*.

Penganutan agama yang berlainan di kalangan Orang Melanau bukan sahaja bukan merupakan satu halangan di dalam wujudkan perpaduan dan menjalinkan perhubungan yang erat di kalangan mereka. Malah melalui pelbagai upacara yang dapat dihadiri oleh penganutan daripada agama lain termasuk perayaan-perayaan besar seperti Hari Raya Puasa dan Hari Krismas

telah menyediakan satu peluang interaksi di kalangan Orang Melanau dan juga dengan kumpulan etnik yang lain. Ini adalah memandang kepada ia telah menjadi satu tradisi di kalangan masyarakat Malaysia untuk mengadakan hari terbuka dan menjemput saudara mara dan juga rakan-rakan untuk mengunjungi rumah mereka pada hari-hari kebesaran ini.

Di Kampung Petanak, menjelangnya hari-hari kebesaran seperti ini akan terdapatnya pemberian kek dan kuih oleh mereka yang berlainan agama kepada saudara mara atau jiran terdekat yang meraikan hari-hari kebesaran keagamaan ini. Pemberian yang sedemikian bukan sahaja melambangkan jalinan perhubungan yang amat erat di kalangan mereka tetapi ia juga akan mempereratkan jalinan perhubungan yang sedia terjalin. Selain daripada itu, pada hari-hari kebesaran keagamaan ini juga akan menyediakan satu peluang kepada ahli-ahli keluarga lain yang bekerja atau pun yang berlajar di kawasan-kawasan lain untuk balik ke rumah untuk meraikan hari kebesaran tersebut secara bersama. Berlainan pula dengan hari kebesaran traditional Orang Melanau iaitu Perayaan *Kaul*, ia tidak akan menyebabkan orang kampung yang bekerja atau berlajar di kawasan lain balik ke kampung halaman untuk meraikan bersama-sama dengan ahli-ahli keluarga atau pun penduduk kampung. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga hari kebesaran ini iaitu, Hari Raya Puasa, Hari Krismas dan Perayaan *Kaul* telah dapat menyediakan satu peluang yang baik untuk mengadakan interaksi serta menjalankan jalinan perhubungan yang lebih erat di kalangan Orang Melanau sendiri dan juga dengan kumpulan etnik yang lain.

5.4. ANAK ANGKAT

Dalam masyarakat Melanau, hubungan yang erat dan rapat di kalangan ahli-ahli keluarga atau sanak-saudara dan Orang Cina yang lain telah sering mendorong berlakunya fenomena "anak angkat" ini. Bagi pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak atau mempunyai anak yang tidak ramai biasanya akan memohon kepada kenalan atau saudara-mara yang rapat dan mempunyai bilangan anak yang ramai untuk mengambil salah seorang daripada anak mereka sebagai anak angkat. Permintaan yang sedemikian daripada saudara-mara atau kenalan yang rapat adalah amat sukar untuk ditolak oleh keluarga yang mempunyai anak yang ramai tadi dengan jalinan perhubungan yang sedia wujud. Ini adalah dikatakan bahawa melalui anak angkat ini, ia akan dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua keluarga ini. Tentangan atau bantahan terhadap penyerahan anak kepada orang lain biasanya adalah daripada kaum ibu. Ini mungkin adalah berkaitan rapat dengan proses dan emosi yang terlibat dalam mengadungkan anak serta sifat semulajadi golongan ibu yang memiliki sifat keibuan yang kuat dan tidak ingin atau merelakan anak mereka berpisah daripada mereka.

Di kalangan Orang Melanau, jalinan dan hubungan di antara keluarga kandung dengan keluarga angkat adalah terjalin rapat dan perhubungan persempua yang mesra serta jemputan-jemputan sesama sendiri dari masa ke semasa adalah kerap berlaku. Ini adalah amat berbeza dengan keadaan hubungan di antara keluarga kandung dengan keluarga angkat di dalam masyarakat Cina. Di kalangan masyarakat Cina selepas penyerahan anak angkat, ia seakan-akan terputusnya hubungan di antara keluarga kandung dengan keluarga angkat. Keadaan yang sama juga berlaku apabila anak-anak Orang Cina yang dijadikan anak angkat oleh keluarga Melanau yang mana

keluarga kandung mereka biasanya tidak terdapat perhubungan dengan keluarga angkat lagi. Penyerahan anak untuk dijadikan anak angkat oleh keluarga Cina kepada keluarga Melanau terutamanya berlaku pada peringkat awal kedatangan Orang Cina yang mana pada masa itu mereks masih tersepit di dalam keadaan kemiskinan dan juga terkongkong dengan pemikiran kuno yang lebih memandang rendah terhadap anak-anak perempuan.

Di kalangan masyarakat Melanau, layanan yang amat baik malah sama baik atau lebih baik daripada anak-anak kandung sendiri yang diberikan kepada anak-anak angkat mereka. Ini adalah memandangkan Orang Melanau memang sudah terkenal sebagai satu kumpulan etnik yang amat menyayangi serta memanjakan anak-anak mereka. Selain daripada itu, keluarga angkat ini juga perlu menunjuk kepada keluarga kandung dan juga orang-orang kampung bahawa anak-anak angkat ini telah dilayan baik oleh mereka bagi mengelakkan sebarang kritikan dan celaan ke atas mereka. Menerusi anak angkat ini, ia bukan sahaja akan mempereratkan perhubungan di kalangan penduduk kampung yang sedia terjalin. Ia juga akan membolehkan berlaku penambahan di dalam bilangan sanak-saudara selain daripada yang terjalin melalui perkahwinan dan juga perhubungan darah.

5.5 AGAMA DAN HUBUNGAN ETNIK

Perbezaan agama dalam hubungan di kalangan Orang Melanau adalah tidak memainkan satu peranan yang begitu penting tetapi dalam hubungan di kalangan Orang Melanau dengan masyarakat luar setakat yang tertentu, ia memainkan satu peranan yang besar sekali. Agama ini mempunyai pengaruh yang kuat di dalam menentukan corak dan juga bentuk

perhubungan dengan kumpulan etnik yang lain. Penganutan agama Islam dan penyerapan nilai-nilai dan pemikiran Islam dan kebudayaan Melayu di kalangan Orang Melanau telah menyebabkan di kalangan kumpulan etnik ini telah berlakunya banyak kes perkahwinan campur dengan Orang Melayu berbanding kumpulan-kumpulan etnik yang lain di Sarawak. Ini adalah memandangkan faktor agama merupakan satu faktor yang amat penting yang perlu dinilai sebelum berlakunya perkahwinan campur ini di kalangan ahli-ahli mana-mana kumpulan etnik sekali pun. Pengamalan pelbagai cara hidup Islam di kalangan Melanau Muslim akan mengurangkan pelbagai halangan dan masalah yang akan timbul apabila berkahwin dengan Orang Melayu. Malah terdapat juga di kalangan Melanau Muslim yang berpendapat bahawa kelainan dalam kumpulan etnik adalah tidak penting sama sekali dalam membolehkan berlakunya perkahwinan campur. Ini adalah memandangkan di kalangan penganut agama Islam itu sendiri, ia telah merupakan satu keluarga yang besar.

Di kalangan Melanau kristian, hubungan adalah lebih erat dengan kumpulan etnik lain yang menganuti sistem kepercayaan yang sama terutama kumpulan-kumpual pribumi lain di Sarawak seperti Orang Iban, Bidayuh dan etnik-etnik lain yang kebanyakannya daripada mereka adalah beragama Kristian¹. Melalui pelbagai aktiviti keagamaan terutama di kalangan generasi muda yang telah berhijrah ke kawasan bandar, telah membolehkan tersedianya peluang interaksi yang terbuka di kalangan mereka. Hubungan antara etnik yang lebih luas ini seterusnya akan dan telah berlakunya perkahwinan campur dengan lebih giat dan kerap.

¹ . Keadaan yang sedemikian adalah lebih jelas dan nayta bagi golongan mereka yang telah berhijrah keluar dari kampung asal mereka dan menetap di kawasan bandar.

Walaupun yang demikian, hubungan antara etnik dalam kontek ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik adalah tidak dibatasi oleh kelainan dalam agama. Malah dalam satu jemputan untuk mengadakan sesuatu kegiatan ekonomi seperti penangkapan ikan serta kegiatan ekonomi lain dan majlis keramaian, kumpulan etnik yang menganuti pelbagai kepercayaan lain juga akan dijemput sama selain daripada jemputan di kalangan penduduk kampung dan juga di kalangan saudara mara. Jalinan perhubungan yang sedemikian, kebanyakannya adalah disebabkan hubungan di tempat kerja, hubungan sosial dan politik serta juga melalui perhubungan daripada segi jalinan daripada segi perkahwinan campur. Melalui hubungan yang sedemikian terutama sekali perkahwinan campur, akan terdapatnya perubahan dan penyesuaian di dalam budaya di antara kedua-dua pihak yang terlibat. Penyesuaian dan perubahan yang sedemikian yang akan memberikan kesan ke atas pembentukan identiti individu di dalam masyarakat Melanau.

Di Kampung terdapat juga keluarga-keluarga Cina yang mendiami kampung ini. Terdapat satu keluarga Cina ini yang mempertuturkan dialet *Hokkien* sebagai bahasa perhubungan mereka di dalam keluarga. Walau bagaimanapun terdapatnya satu persamaan di dalam semua keluarga ini iaitu mereka semua mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Orang Melanau dan dapat bertutur fasih dalam Bahasa Melanau. Di kalangan anak-anak mereka (Cilanau) yang tidak pandai bertutur dalam dialek *Hokkien* atau Bahasa Manderin mereka lebih rela mengidentitikan diri mereka sebagai Orang Melanau, walaupun dari segi nama dan perundangan mereka adalah Orang Cina. Ini adalah memandangkan sejak dari kecil mereka adalah diajar bertutur dalam Bahasa Melanau dan tidak didedahkan kepada dialek

Hokkien. Yang paling penting ialah mereka sejak dari kecil telah disosialisasikan dalam cara hidup dan cara berfikir bagi Orang Melanau.

Namun yang demikian, mereka masih lagi merayakan Tahun Baru Cina bersama dengan masyarakat Cina yang lain di samping merayakan perayaan yang berdasarkan agama mereka iaitu Hari Krismas. Walau bagaimanapun, dalam kampung ini tidak terdapat keluarga daripada kumpulan etnik lain seperti Iban, Melayu, Bidayuh, Kenyah dan kumpulan etnik lain walaupun terdapatnya perkahwinan campur antara Orang Melanau di kampung ini dengan kumpulan-kumpulan etnik ini. Perhubungan yang terhasil daripada perkahwinan campur berlaku dengan lebih giat lebih-lebih lagi dalam dua dekad yang lalu hasil daripada mobiliti sosial dan ekonomi di kalangan masyarakat ini ekoran peningkatan dalam taraf pendidikan yang telah membolehkan mereka pergi ke kawasan lain bagi melanjutkan pelajaran atau demi mencari rezeki.

5.6 PERKAHWINAN CAMPUR DENGAN ORANG CINA DAN PENGARUH BUDAYA

Dalam masyarakat Melanau terutama pada akhir-akhir ini dengan terdapatnya mobiliti sosial dan ekonomi yang bebas dan terbuka telah mendorong interaksi yang lebih kerap dan rapat antara Orang Melanau dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain dan seterusnya menyebabkan berlakunya perkahwinan campur. Mengikut adat dalam masyarakat Melanau, hantaran mas kahwin adalah ditentukan oleh keluarga pihak pengantin perempuan. Oleh yang demikian, jika terdapatnya kumpulan etnik lain yang ingin berkahwin dengan gadis-gadis Melanau ianya juga haruslah mengikuti adat Melanau dalam menghantar segala mas kahwin

yang telah ditetapkan mengikut kedudukan pangkat yang diduduki oleh perempuan tersebut. Pada hari ini, terdapat juga kes-kes di mana hantaran mas kahwin ini adalah tidak mengikuti kedudukan sistem pangkat Orang Melanau dan ini adalah banyak bergantung kepada kesukaan kedua-dua pihak keluarga pengantin tersebut. Di kampung Petanak, kes perkahwinan campur yang kerap sekali berlaku adalah perkawinan di antara Orang Melanau dengan *Cilanau* (Cina-Melanau). Namun disebabkan oleh kerana bapa kepada *Cilanau* ini masih merupakan Orang Cina sejati, maka dalam perkahwinan yang sedemikian sebahagian daripada adat-adat perkahwinan itu akan diambil sebahagiannya adat-adat perkahwinan Cina dalam upacara perkahwinan mereka. Keadaan ini adalah sama dengan Orang Melanau yang berkahwin dengan Orang Cina di luar daripada Kampung Petanak.

Unsur-unsur adat perkawinan Cina yang masih dapat diperhatikan pada hari ini adalah seperti semasa hantaran dibuat di mana hantaran-hantaran ini akan ditandakan dengan kertas merah dan tututan mas kahwin adalah dalam bentuk wang tunai. Pada hari perkawinan dilangsungkan pula akan dapat diperhatikan terdapatnya kain merah yang digantung pada atas pintu besar pihak pengatin *Cilanau* tersebut.

Dalam upacara pertunangan, jika ia adalah mengikut adat Orang Melanau, maka dalam majlis perkahwinan ia adalah seharusnya mengikut adat Orang Cina. Dalam mana jika majlis perkahwinan adalah mengikut adat Orang Cina maka pasangan pengatin ini adalah perlu tinggal bersama keluarga pihak lelaki selepas berkahwin. Manakala jika majlis perkahwinan adalah mengikut adat Orang Melanau maka pasangan pengantin ini adalah

dikehendaki tinggal bersama keluarga pihak perempuan untuk sesuatu waktu yang tertentu dan biasanya adalah selama tiga hari.

Dalam keluarga yang terdapatnya perkahwinan campur di antara Orang Cina dengan Orang Melanau. Terdapat juga perubahan terhadap panggilan kepada saudara mara yang mengikut panggilan *Hokkien* terhadap saudara mara daripada pihak keluarga Cina. Jika saudara mara ini adalah daripada pihak bapa, maka panggilan untuk datuk adalah *kong*. Manakala bagi nenek ialah *ama*. Panggilan untuk saudara perempuan bapa adalah *ah koh* dan untuk saudara lelaki bapa yang lebih muda daripada bapa adalah *ah cek*. dan saudara lelaki bapa yang lebih tua daripada bapa dipanggil sebagai *ah pek*. Panggilan bagi saudara ini akan berbeza pula jika pihak emak adalah daripada keturunan kelurga Cina, yang mana panggilan bagi datuk dan nenek masih lagi sama iaitu *kong* dan *ama*. Panggilan bagi saudara perempuan ibu pula adalah *ah e* dan panggilan bagi saudara lelaki ibu adalah *ah ku*. panggilan kepada *ah ku* dan *ah e* biasanya adalah adalah disertakan dengan nama panggilannya dalam keluarga. Misalnya *Ku Sui* bagi bapa saudara yang nama panggilan dalam keluarganya adalah *Ah Sui* dan begitu juga dengan panggilan bagi *ah e* yang akan diserta dengan nama panggilan dalam keluarganya. Walau bagaimanapun panggilan bapa banyak dipengaruhi oleh panggilan dari barat iaitu panggil bapa sebagai *daddy* manakala panggilan bagi emak pula adalah *mak*.

Dalam hal ini kita akan dapat lihat bahawa dalam keluarga campuran Melanau-Cina di kampung Petanak akan terdapatnya perbezaan di dalam panggilan terhadap saudara mara bagi pihak bapa dan juga bagi pihak emak. Di dalam masyarakat Melanau pula, ia adalah mengamalkan *bilateral* yang

mana dalam hubungan kekeluargaan ia adalah sama-sama mementingkan hubungan dengan keluarga pihak bapa dan juga hubungan dengan pihak keluarga emak. Malah jika dinyatakan bapa saudara dalam masyarakat Melanau, kita terpaksa bertanya lanjut tentang sama ada ia adalah bapa saudara daripada pihak bapa atau bapa saudara daripada pihak emak. Malah dalam sistem pembahagian harta warisan, dalam masyarakat Melanau ia adalah sama-sama mementingkan pembahagian di antara anak-anak lelaki dan juga anak-anak perempuan. Namun, dalam Kampung Petanak yang mana bapa adalah daripada keturunan Cina maka dalam pembahagian harta ia hanya adalah mementingkan pembahagian bagi anak-anak lelaki sahaja. Melalui perkahwinan campur ini dan perkahwinan di kalangan Orang Melanau sendiri, ia akan menyebabkan bertambahnya bilangan ahli kerabat di kalangan mereka. Ini akan mewujugkan pelbagai norma dan pantang larang di dalam menentukan jenis perhubungan di kalangan mereka. Misalnya perkahwinan adalah dilarang keras di kalangan ahli-ahli kerabat tadi yang tertentu.

5.7 FONOMENA "MASUK MELANAU"

Pengelibatan Orang Cina di Kampung Petanak dalam kegiatan ekonomi pada peringkat awal yang berkaitan dengan ekonomi sagu telah menyebabkan terdapat di kalangan mereka yang berkahwin dengan gadis-gadis tempatan dan menetap terus di kawasan ini. Ekoran daripada itu, anak-anak mereka adalah disosialisasikan atau dibesarkan mengikut cara Orang Melanau dan hidup dalam satu keadaan budaya Orang Melanau, maka mereka adalah lebih rela diidentifikasi dan mengenali diri mereka sebagai Orang Melanau daripada Orang Cina walaupun bapa mereka adalah Orang

Cina dan sudah semestinya mereka mempunyai nama seperti Orang Cina yang lain. Faktor utama yang mendorong mereka bertindak yang sedemikian adalah kerana ketidakupayaan dan ketidakcekapan mereka di dalam bertutur dan juga memahami dialek *Hokkien* atau Bahasa Manderin. Malah ada di kalangan mereka yang dapat bertutur di dalam dialek *Hokkien* pun lebih rela mengenali diri mereka sebagai Orang Melanau walaupun semasa membeli belah di kedai Orang Cina mereka bertutur dalam dialek *Hokkien*. Ini telah menunjukkan bahawa bahasa dan budaya memainkan satu peranan yang penting kuat sekali di dalam pengidentifikasi seseorang mengikut sesuatu kumpulan etnik.

Di dalam Kampung Petanak terdapatnya satu kes yang mana terdapat sebuah keluarga yang telah memohon dan berjaya mendapatkan kelulusan secara sah daripada mahkamah untuk menukar taraf keenikan mereka daripada Orang Cina kepada Orang Melanau. Penukaran taraf keenikan yang sedemikian adalah tidak secara sebarang dan ia perlulah memenuhi beberapa syarat-syarat yang tertentu. Syarat asasi adalah emak mereka seharusnya adalah Orang Melanau dan mereka perlulah fasih bertutur dalam Bahasa Melanau serta memahami adat, kebudayaan dan juga cara hidup Orang Melanau. Selain daripada itu, mereka juga haruslah membuktikan bahawa mereka tidak tahu serta tidak mengamalkan sebarang cara hidup mengikut Orang Cina. Penukara taraf keenikan yang sedemikian adalah memerlukan persetujuan penukaran daripada keseluruhan ahli keluarga yang lain jika tidak, permohonan yang sedemikian adalah dianggap sebagai tidak layak atau tidak memenuhi syarat.

Penukaran taraf keenikan yang sedemikian pada umumnya adalah dapat diterima oleh masyarakat Melanau. Ini adalah memandang pada masa sebelum pertukaran ini, mereka telah pun diperakui sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat Melanau. Pertukaran taraf keenikan yang sedemikian akan dapat mengurangkan masalah yang akan timbul daripada perhubungan mereka dengan masyarakat luar terutamanya masyarakat Cina. Di kalangna masyarakat Cina adalah agak sukar bagi mereka untuk menerima seorang yang berbangsa Cina tetapi tidak tahu menahu tentang sebarang dialek Cina, adat serta kebuyaan Orang Cina. Pertukaran taraf keenikan ini juga bermakna mereka telah menduduki taraf sebagai seorang bumiputera yang akan dapat menikmati pelbagai keistimewaan sama ada dari segi ekonomi, sosial atau politik seperti golongan bumiputera yang lain. Pertukaran taraf keenikan yang sedemikian di dalam keluarga Orang Cina bolehlah dikatakan bahawa mereka telah diassimilasikan sepenuh oleh budaya Orang Melanau berbanding dengan Orang Cina lain di Kampung Petanak yang sekurang-kurangnya dapat dikenalpasti lagi sebagai Orang Cina daripada segi nama mereka walaupun daripada segi kebudayaan mereka telah diassimilasikan secara sepenuhnya oleh budaya Orang Melanau.

5.8 PENUTUP

Secara kesuluruhannya, adalah didapati bahawa di dalam masyarakat Melanau, sistem kepercayaan yang berlainan di kalangan mereka tidak merupakan satu halangan yang besar di dalam menjalinkan perhubungan yang erat di kalangan Orang Melanau itu sendiri atau pun dengan kumpulan etnik yang lain. Malah melalui agama juga telah dapat mempercepatkan proses perkahwinan campur terutama sekali di antara mereka yang beragama

Islam dengan Orang Melayu dan juga di kalangan mereka yang beragama Kristian dengan kumpulan pribumi lain dan juga dengan Orang Cina. Selain itu, melalui pelbagai jenis perayaan yang berdasarkan agama ini juga telah dapat menyediakan satu peluang dan keadaan yang membolehkan di kalangan Orang Melanau yang berlainan agama serta kumpulan etnik yang lain dalam menjalankan pertalian dan perhubungan yang lebih erat melalui hari terbuka yang diadakan pada hari-hari tersebut.

Pengaruh agama dan kebudayaan dari luar adalah tidak begitu nyata di dalam mempengaruhi identiti yang bersifat subjektif berbanding dengan yang bercorak objektif. Namun perubahan di dalam ciri-ciri identiti yang bersifat objektif di kalangan Orang Melanau tidak akan melenyapkan identiti asal Orang Melanau itu sendiri. Ini adalah kerana perubahan secara perlahan-lahan dalam bentuk transformasi dan tidak secara revolusi akan menyebabkan masih terdapat unsur-unsur traditional penting Orang Melanau yang masih dapat dikenalkan dalam suatu struktur yang tertentu. Transformasi yang berdasarkan suatu struktur tertentu inilah yang membolehkan identiti Melanau ini dapat diperkekalkan.

Pada masa kini perkahwinan di kalangan mereka yang berlainan pangkat dalam sistem bangsa adalah sesuatu gejala yang biasa. Melalui mobiliti sosial dan ekonomi yang wujud, perkahwinan di kalangan Orang Melanau dari kampung dan kawasan yang lain juga adalah kerap walaupun pada masa dahulu terdapatnya kecenderongan untuk berkahwin di kalangan mereka yang dari sekampung dan sebaik-baiknya mempunyai hubungan persaudaraan yang mana mereka adalah kenal mengenali antara satu sama lain sejak dari kecil lagi.

Di kalangan Orang Melanau, mereka telah menganggap kepelbagaiannya kepercayaan agama dalam masyarakat mereka merupakan sesuatu yang lumrah bagi mereka dan keadaan yang sedemikian yang telah wujud untuk sekian lama telah menjadi sebahagian daripada kehidupan yang mana ia telah sebatи di dalam jiwa mereka. Malah mereka adalah amat berbangga sebagai satu kumpulan etnik yang berbilang agama namun masih dapat hidup dalam keadaan yang mesra dan aman. Perbezaan agama di kalangan mereka adalah bukannya satu alasan bagi masyarakat Melanau untuk membezakan antara satu sama lain. Bantuan dan pertolongan yang diberikan kepada seseorang yang memerlukan adalah tidak dibatasi dengan perbezaan dalam sistem kepercayaan. Malah di kalangan Melanau yang begitu rapat hubungan mereka melalui hubungan darah dan juga melalui perkahwinan telah membentuk satu persaudaraan yang amat kuat di kalangan mereka yang dapat mengatasi benteng perbezaan di dalam kepercayaan agama. Oleh itu adalah didapati di kalangan penduduk sekampung, hampir kesemua mereka mempunyai hubungan persaudaraan di antara satu sama lain.

BAB VI

KESIMPULAN

Jika merujuk kepada kajian-kajian yang lepas seperti yang dibuat oleh penulis dari kalangan Melanau sendiri iaitu Yasir Abdul Rahman (1985) telah membayangkan identiti Orang Melanau yang berbentuk objektif seperti tempat kediaman, sistem kepercayaan, kegiatan ekonomi, bahasa, kebudayaan kebendaan dan ciri-ciri fizikal serta unsur-unsur sosial-budaya. Selain daripada itu, dalam melihat identiti Orang Melanau ini juga adalah amat penting dalam melihat juga ciri-ciri yang bersifat subjektif. Identiti orang Melanau yang berdasarkan tempat kediaman pada hari ini masih lagi bertapak teguh di mana kebanyakannya perkampungan Melanau masih lagi terdapat di kawasan tepi pantai dan tepi sungai terutama di kawasan muara-muara sungai. Walau bagaimanapun, akibat daripada faktor-faktor ekonomi dan juga pendidikan, ramai Orang Melanau telah berhijrah ke kawasan bandar terutamanya Bandar Miri.

Dari segi sistem kepercayaan, pada umumnya Orang Melanau telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu mereka yang beragama Islam, Kristian dan mereka yang masih mengamalkan sistem kepercayaan traditional. Walau bagaimanapun, orang-orang Melanau dapat dipadukan melalui perhubungan persaudaraan, faktor tempat asal, bahasa serta semangat *a likou*. Semangat "keMelanauan" sebagai *a likou* merupakan satu sentimen bersama yang amat penting dalam menyatukan Orang Melanau. Kepentingan semangat ini menjadi amat menonjol sekali memandangkan di peringkat kebangsaan malah peringkat global, faktor perbezaan dalam sistem kepercayaan serta pertematan ini telah banyak membawa pepecahan

walaupun dalam satu kumpulan etnik yang sama. Kecenderongan di kalangan mereka yang masih lagi mengamalkan sistem kepercayaan lama untuk menganuti agama Islam dan agama Kristian adalah akibat daripada faktor perkahwinan, dorongan oleh ahli-ahli keluarga dan sanak saudara serta faktor penarikan ajaran agama itu sendiri. Keadaan yang sedemikian, melalui proses masa pasti akan menyebabkan masyarakat Melanau menjadi satu kumpulan etnik yang cuma menganuti dua jenis sistem kepercayaan utama.

Dilihat dari segi bahasa, tidak terdapatnya satu bahasa yang standard di kalangan mereka walaupun mereka terdiri daripada satu kumpulan etnik yang sama. Adalah jelas bahawa Bahasa Melanau adalah sama dengan bahasa yang lain seperti Bahasa Cina dan Bahasa Melayu di mana wujudnya dialek-dialek yang tertentu mengikut kawasan kediaman masing-masing. Namun demikian, di kalangan dialek-dialek ini akan wujudnya persamaan-persamaan yang tertentu di samping wujudnya perbezaan-perbezaan setakat yang tertentu. Berdasarkan persamaan-persamaan yang sedia wujud adalah tidak sukar dan tidak timbul sebarang kekeliruan bagi sesuatu kumpulan etnik yang lain untuk mengenalpasti sesuatu dialek Melanau daan seterusnya dan menggolongkannya ke dalam kaategoris Bahasa Melanau.

Kebudayaan Orang Melanau pula sering dikaitkan dengan pelbagai upacara dan amalan yang berhubung dengan kegiatan ekonomi yang mana melalui upacara dan amalan yang sedemikian adalah diharapkan mereka akan mendapat hasil yang lebih baik pada masa akan datang. Segala upacara dan amalan-amalan ini adalah berkaitan rapat dengan kepercayaan traditional Orang Melanau yang mempercayai wujudnya pelbagai jenis

makhluk halus yang menguasi segala aspek kehidupan mereka termasuklah aspek ekonomi. Oleh yang demikian, upacara-upacara seperti Perayaan *Kaul* dan permainan *tibow* adalah bertujuan menjamu sebaliknya mententeramkan makhluk-makhluk halus ini agar makhluk-makhluk halus ini tidak akan menganggu mereka serta akan menolong memperbaiki keadaan kehidupan mereka pada masa-masa hadapan. Berdasarkan kepada kepercayaan ini juga, mereka mempercayai bahawa segala penyakit yang dihidapi oleh penduduk kampung itu juga adalah berpunca daripada makhluk-makhluk halus ini yang hidup tidak tenteram atau diganggu akibat daripada pelbagai faktor seperti seseorang itu mengingkari sesetengah pantang larang atau taboo. Oleh sebab yang demikian, Orang Melanau mempercayai bahawa untuk mengubati pelbagai jenis penyakit ini perlu digunakan pelbagai jenis cara perubatan traditional yang juga melibatkan penggunaan pelbagai jenis kuasa daripada makhluk-makhluk halus ini perlu digunakan.

Orang Melanau secara keseluruhannya bolehlah dianggap sebagai satu kumpulan etnik yang amat dinamik sifatnya. Ini adalah dibantu dengan lokasi tempat pertematan mereka yang berdekatan dengan kawasan pantai yang telah mendedahkan mereka kepada pelbagai jenis kemajuan dan juga pengaruh luar. Namun yang demikian, masih terdapat juga di kalangan mereka yang masih berpegang kepada pelbagai norma dan nilai berkaitan dengan amalan dan kepercayaan traditional di dalam jiwa mereka sama ada secara sedar atau tidak sedar. Kemasukkan agama Islam dan agama Kristian ke dalam masyarakat ini telah menyebabkan masyarakat ini menganuti agama yang lain daripada agama traditional dan ciri-ciri yang sedemikian

telah diserapkan ke dalam masyarakat ini sehingga ia menjadi sebahagian daripada identiti mereka.

Walaupun pada keseluruhannya, Orang Melanau berbangga dengan bahasa dan budaya mereka yang unik yang dapat dibezakan dengan kumpulan etnik yang lain, namun ia tidak terdapatnya satu set bahasa atau budaya yang seragam. Iaitu dalam satu budaya yang dikenali sebagai kebudayaan Melanau akan wujudnya sub-sub budaya Melanau yang lebih kecil yang berdasarkan kepada lokasi pertematan Melanau yang tertentu. Namun, seperti juga kumpulan etnik lain yang juga terdapat perbezaan di kalangan mereka walaupun dari satu kumpulan etnik yang sama akan terdapatnya perbezaan mengikut kawasan kediaman yang berbeza yang masing-masing terdedah kepada alam sosial-budaya serta fizikal yang berbeza. Dari itu, akan wujudnya identiti di kalangan mereka yang berlainan dari satu pertematan kepada satu pertematan Melanau yang lain. Misalnya, di kalangan Melanau Bintulu mereka diidentifikasi sebagai golongan Melanau Muslim manakala di kalangan Melanau Mukah pula ia akan diidentifikasi sebagai golongan Melanau yang terdiri daripada tiga kelompok yang utama iaitu yang beragama Islam, Kristian dan *Likou*. Berdasarkan kepada perbezaan dan persamaan yang wujud di kalangan mereka telah membolehkan masyarakat luar dapat mengenalpasti mereka sebagai satu kumpulan etnik yang tersendiri. Kumpulan etnik Melanau secara keseluruhan pula, telah dipadukan melalui semangat *a likou* yang menjadi sentimen bersama di kalangan mereka. Iaitu wujudnya kesatuan di dalam kepelbagaiannya (*Unity in diversity*) di dalam komuniti ini yang mana wujudnya sentimen *primordial* dalam masyarakat yang pelbagai ini di Sarawak. Sentimen *primordial* ini boleh jadi yang berdasarkan kep[ada

perhubungan kekeluargaan, agama, budaya, tempat tinggal dan keturunan yang menjadikan seseorang itu lebih setia kepada komunitinya di dalam satu masyarakat majmuk.

Kemasukkan kumpulan etnik lain ke dalam kawasan pertempatan Orang Melanau dan wujudnya interaksi di kalangan mereka, peningkatan di dalam taraf pendidikan dan ekonomi, perubahan-perubahan dalam dasar-dasar kerajaan serta perubahan serta pengaruh luaran dan dalaman yang lain telah memainkan satu peranan penting kepada perubahan dan pembentukan identiti kumpulan etnik ini dari masa ke semasa. Di dalam adat pengebumian Orang Melanau pada masa dahulu mereka adalah mengamalkan cara pengebumian di dalam *jerunei* bagi gologan diraja dan bagi kalangan rakyat biasa pula ia biasanya adalah dikebumikan di dalam keranda bergantung. Cara pengebumian yang sedemikian pada masa dahulu ia adalah dapat melambangkan identiti khas Orang Melanau. Namun akibat daripada peralihan kuasa pemerintahan dari Kerajaan Brunei kepada Kerajaan British telah menyebabkan cara pengebumian tersebut telah dihapuskan dengan alasan demi menjaga kepentingan kesihatan umum.

Cara pengebumian yang sedemikian rupa telah digantikan dengan cara pengebumian mengikut cara-cara yang ditutut mengikut agama anutan masing-masing. Bagi mereka yang masih menganuti kepercayaan traditional, cara pengebumian mereka juga adalah dengan menanamkan mayat di dalam tanah dan tidak lagi diletakkan ke dalam keranda bergantung. Namun terdapat juga segolongan penganut agama Kristian yang masih mengamalkan sebahagian daripada upacara-upacara pengebumian traditional seperti

upacara *piup* yang diadakan pada beberapa hari selepas berlakunya sesuatu kematian.

Fenomena ini jelas memperlihatkan bahawa identiti etnik Melanau ini sentiasa berubah dari masa ke semasa seiringan dengan perkembangan dalam proses urbanisasi, modernisasi , pengaruh pelbagai polisi dan dasar kerajaan serta perhubungan mereka yang semakin meluas dengan dunia luar. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa sempadan identiti etnik bagi sesuatu kumpulan etnik akan sentiasa berubah mengikut perubahan semasa. Namun dalam menentukan sempadan identiti etnik ini juga, ia adalah amat dipengaruhi faktor-faktor dan juga kepentingan-kepentingan daripada segi politik. Oleh itu, adalah tidak menghairankan dalam arena politik Sarawak, Orang Melanau ini sering tidak dibezakan dengan Orang Melayu. Keadaan yang sedemikian adalah amat mengelirukan kerana Orang Melanau dan Orang Melayu adalah jelas merupakan dua kumpulan etnik yang tersendiri.

Perubahan daripada segi identiti di kalangan Orang Melanau adalah begitu ketara sekali ekoran daripada kemasukan pelbagai faktor luaran dan seterusnya interaksi dan pengaruh dengan kumpulan-kumpulan luar dan juga di kalangan Orang Melanau itu sendiri. Akulturasi terhadap budaya kumpulan etnik lain setakat yang tertentu yang dianggap sesuai dengan keadaan semasa sesuatu masyarakat adalah sentiasa berlaku khasnya masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Perubahan yang terdapat di kalangan masyarakat Melanau pada peringkat awal adalah dikaitkan dengan hubungan masyarakat ini dengan masyarakat luar. Manakala perubahan pada masa kini pula adalah banyak dikaitkan

dengan dasar pendidikan dan dasar kerajaan tempatan selain daripada hubungan dengan masyarakat lain. Perubahan yang sedemikian adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam sebuah masyarakat majmuk yang mana masyarakat manusia itu sendiri adalah dinamik yang sentiasa melakukan perubahan dan penyesuaian berdasarkan keadaan alam dan situasi sosial semasa.

Oleh yang demikian, di dalam melihat identiti Orang Melanau ini adalah amat penting bagi kita melihat dari persepektif sejarah memandangkan peristiwa-peristiwa yang lepas akan mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam terhadap keadaan Orang Melanau pada masa kini dan pada masa akan datang. Walaupun melalui proses sejarah kita dapat melihat bahawa terdapatnya perubahan-perubahan ke atas sesetengah adat, amalan, atau upacara yang tertentu, namun perubahan yang sedemikian adalah tidak secara mutlak dalam melenyapkan identiti Orang Melanau ini. Dalam masa terdapatnya pengaruh luar yang mendorong kepada sesuatu perubahan, terdapat juga unsur-unsur traditional asal mereka yang masih kekal di dalam budaya dan amalan sehari-hari mereka. Unsur-unsur traditional ini telah diubah daripada segi corak atau cara dalam amalan atau upacara-upacara ini atau pun ia masih dikekalkan dalam bentuk yang asalnya. Iaitu dalam masa terdapatnya pengaruh luar yang membawa kepada perubahan pada masa yang sama akan terdapat kesinambungan terhadap unsur-unsur budaya traditional mereka.

Dalam masyarakat Melanau ini, pelbagai penyesuaian dalam amalan tradisi telah dibuat melalui penilaian semula terhadap semua amalan-amalan dan kepercayaan tradisional ini terhadap agama Islam atau pun

Kristian. Tindakan di dalam melakukan sebarang penyesuaian dan perubahan di kalangan mereka yang menganuti agama Islam terutamanya terhadap nilai-nilai agama Islam telah sering menyebabkan mereka disalahanggap sebagai Melayu atau yang kerap diistilahkan sebagai "masuk Melayu". Dalam hal ini adalah tidak benar bagi Orang Melanau yang sebagai satu kumpulan etnik yang tersendiri telah disalahanggap sebagai Orang Melayu walaupun ia telah mengalami akulterasi oleh sebahagian budaya Melayu melalui penganutan agama Islam. Namun ini tidaklah bermakna bahawa mereka ini akan kehilangan identiti asal mereka, ini adalah memandangkan bahawa sesuatu kumpulan etnik yang masih belum mengalami proses assimilasi oleh kumpulan yang lain. Oleh yang demikian, adalah didapati bahawa kita masih akan dapat mengenalpastikan keunikan kumpulan etnik ini walaupun terdapatnya penyerapan budaya lain ke dalam budaya masyarakat ini.

Keadaan yang sedemikian wujud memandangkan budaya itu sendiri adalah terbuka sifatnya dan tidak secara tertutup yang dapat memberarkan penyerapan masuk budaya lain ke dalamnya. Iaitu budaya itu adalah tidak bersifat statik (kaku) tetapi ia adalah selalu melakukan penyesuaian terhadap perubahan perkitaran yang baru dari masa ke semasa. Dalam hal ini, peningkatan di dalam tahap pendidikan di kalangan mereka telah menjadikan mereka lebih berupaya menyesuaikan diri dengan peluang-peluang yang terdapat di dalam persekitaran mereka dan juga di kawasan lain. Keadaan ini telah memudahkan dan memperbanyak peluang interaksi di kalangan mereka dengan masyarakat luar. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya penyerapan masuk budaya luar ke dalam masyarakat ini. Dalam pada itu, budaya adalah sesuatu elemen dalam

masyarakat yang dapat diperturunkan dari satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Dalam proses penurunan ini, budaya itu akan mengalami perubahan. Perubahan daripada segi penyesuaian terhadap budaya itu sendiri dan penyerapan masuk budaya luar serta meninggalkan amalan lama. Ini adalah kerana budaya itu adalah terbuka sifatnya yang selalu terdedah kepada pelbagai perubahan dan penyesuaian. Darjah keupayaan penyerapan masuk budaya lain adalah berbeza dari satu budaya kepada budaya yang lain.

Dalam kontek budaya Melanau yang didorong oleh lokasi pertempatan mereka yang terletak di kawasan berhampiran dengan pantai telah memudahkan mereka terdedah kepada unsur-unsur luar. Penyerapan masuk budaya lain ke dalam budaya Melanau telah menyebabkan berlakunya perubahan dan penyesuaian ke atas budaya Melanau itu sendiri. Namun perubahan yang sedemikian adalah tiadak secara total yang mana perubahan tersebut adalah melalui satu siri perubahan dan penyesuaian ke dalam budaya Melanau melalui satu tempoh masa lama. Perubahan yang sedemikian pada peringkat awal ke atas budaya Melanau telah menyebabkan budaya tersebut adalah tidak asli. Namun, melalui masa budaya yang diserapkan masuk itu juga akan dianggap sebagai budaya Melanau itu sendiri dan tidak dianggap sebagai sesuatu budaya yang dipinjam dari luar. Kadang-kadang juga adalah amat sukar untuk membezakan di antara budaya yang diserapkan masuk dan juga dengan budaya Melanau itu sendiri. Ini adalah memandangkan kepada budaya yang diserapkan masuk ini melalui proses masa yang lama, ia telah menjadi sebatи di dalam jiwa masyarakat Melanau sendiri dan tanpa disedari budaya-budaya iri akan diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan Melanau itu sendiri. Walau bagaimanapun, sesuatu budaya yang diserapkan masuk ke dalam budaya

Melanau itu, akan dapat menambahkan lagi unsur-unsur keistimewaan bagi masyarakat Melanau seperti kepelbagaian agama yang dianuti oleh mereka setelah mereka menerima masuk agama Kristian dan juga agama Islam. Malah kepelbagaian kepercayaan di kalangan masyarakat Melanau itu sendiri telah dianggap sebagai satu daripada identiti khas bagi mereka.

Dengan menganggap kepelbagaian agama sebagai satu identiti, maka secara tidak langsung telah menyebabkan agama itu sendiri tidak merupakan satu halangan terhadap hubungan di kalangan mereka. Tetapi sebaliknya, ia juga telah menjadi satu faktor yang dapat memperbanyak peluang interaksi di kalangan mereka sendiri dan juga dengan kumpulan etnik lain yang juga terdiri daripada pelbagai agama. Melalui hubungan yang sedemikian, telah menyebabkan di kalangan Melanau sendiri telah begitu berbangga sebagai satu kumpulan etnik yang amat unik dan dinamik berbanding dengan kumpulan-kumpulan etnik lain di Sarawak.



Gambar 1: Pemandangan kampung Melanau



Gambar 2: Perayaan *kaul* di Kampung Judan.



Gambar 3: *Serahang*.



Gambar 4: Bot yang digunakan untuk menghantar *Serahang*.



Gambar 5: Permainan *tibow*.



Gambar 6: Keranda bergantung.




Gambar 7: *Jerunai*.



Gambar 8: Menangkap ikan menggunakan keadah *ancau*.




Gambar 9: Membuang bahagian luar kulit rumbia sebelum ia dipotong menjadi keratan.



Gambar 10: Proses menyediakan sagu.



Gambar 11: Menginjak ripo.



Gambar 12: Mengeringkan sagu.



Gambar 13: Menangkap *si'at*.



Gambar 14: Teredak Dalat, Mukah dan Matu.



Gambar 15: Tanda bendera dan meriam pada majlis perkahwinan Melanau dari bangsa 9 pikul.



Gambar 16: Pengaruh budaya Cina-kain merah digantung pada pintu depan sewaktu majlis perkahwinan.



Gambar 17: Sepasang pengatin Melanau dengan pakaian traditional pengatin.



Gambar 18: Interaksi-Jual beli ikan di pasar terbuka.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahman Al-Ahmadi

1989 'Identiti Etnik dan Aspirasi', *Sarawak Museum Journal*. Volume XL. Disember. hlm. 27-33.

Aikman R.G.

1958 The People of Sarawak "Melanau", *The Sarawak Gezzete*, Disember. Vol. LXXXIV, No. 1210. hlm 237-239.

Aloysius Dris

1989 Oral Tradition; A Discussion On Some Areas of Melanau Oral Tradition, *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XL. Desember. hlm. 339-356.

Amra Abdullah

1993 *Adat Resam*. Petaling Jaya: Prima.

Babcock, T.G.

1974 "Indigenous Ethnicity in Sarawak", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XXII (n.s.) No. 43. hlm.191-202.

Banks, E.

1940 "The Natives of Sarawak", *Journal of The Royal Asiatic Society. Malaysian Branch*, Vol. 18(12). hlm. 49-54.

Barth, Fredrick ed.

1969 *Ethnic Groups and Boundaries: The Social Organization of Culture Difference*. London: George Allen & Unwin.

Basham, Richard

1989 "Race, ethnicity and social Harmony: a comparative Perspective", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL, (New Series) No. 4 Part I, Desember.

Beccar, Odoardo

1904 *Wandering in The Great Forests of Borneo* . London: Dicetak semula oleh Oxford University Press, 1986.

Bedui Une

1989 "Kebudayaan Kebendaan etnik Melanau, Penerokaan Pengeksplotasian Ke arah Pewujudan Aktiviti Ekonomi dan Pengekalan Tardisi Benda", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL, Disember. hlm. 225-229.

- Brooke, Charles
1866 *Ten Years In Sarawak*. Oxford: Dicetak semula oleh Oxford University Press, 1990.
- Buck W.S.B.
1933 "Notes On Oya Milanos" *Sarawak Muzeum Journal*. Vol. IV No. 13. hlm. 157-174.
- Buyong Adil
1981 *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Charles Tenggoi Aseng
1989 "History and Relationship of Melanau to Other ethnic Groups", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL, Part II, Desember. hlm. 187-197.
- Clayre, Ian
1970 "The Spelling of Melanau", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol.XVIII, No 36-37 (New Series), Disember.
1971a "Mile the Melanau", *The Sarawak Gazette*. 30hb. Sept. hlm.145-146.
1971b Imitative Magis Among The Melanau", *The Sarawak Gazette*, Vol. XCVII. No.1361. 31hb. Julai. hlm.101-102.
1971c "A Milano Is A Name by Any Other Name", *The Sarawak Gazette*. April. hlm. 54-55.
1971d "Magis Oil among The Melanaus", *The Sarawak Gazette*. 31hb. Mac. hlm. 42- 43.
1971fe "The Melanau Kaul in Medong", *The Sarawak Gazette*. Vol. XCVII. No.1355. Mac. hlm.1-2.
1972a "Punan Ba', Melanau Link with The Ulu Rejang", *The Sarawak Gazette*. Vol. XCVIII. No. 1368. Februari. hlm.23-25.
1972b "Kinah Kulum, Two Melanaus Ghost Stories", *The Sarawak Gazette*. Vol. XCVIII. No. 1370. April. hlm.67-69.
- Cooper,A.M.
1968 *Men of Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dzufawati Bt. Hj. Hassan,
1992 "Dua cerita dari daerah Mukah", *The Sarawak Gazette*. Vol.CXIX, July. him. 22-27.

- Edmud Kurui dan Tuton Kaboy
- 1989 "Melanau etno-arts and handicraft", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol. XL. Desember. hlm. 251-261.
- Hang Tuah Merawin
- 1989 "Pesta dan Permainan Masa Lapang Orang Melanau", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol. XL, Desember. hlm.259-337.
- Hashim Awang
- 1979 *Komuniti Melanau (Islam) di Bintulu, Satu kajian Sosial budaya*.Tesis Master, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 1985 "Supernatural elements in the traditional concept of illness; a preliminary observation", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol. XXXIV,Desember.
- Hepburn, J.
- 1949 *The Handbook of Sarawak, Comprinsing Historical, Statical and General Ioncerning The Colonyobtained from Official and Other Reliable Records*. Singapore: Malaya Publising House.
- Ho, Ah Chon
- 1992 *Sarawak Hitorical Events 1946-1960*. Kuching: Ho Ah Choon.
- Horrison,Tom
- 1959 *Peoples of Sarawak*. kuching: Sarawak Muzeum.
- Hose, Charles
- 1894-1895 " The Natives of Borneo", *Sarawak Gezette*. No. 24 & 25
- Hulman.Sinaga
- 1989 "Ethnicity in a multi-culture society; a Sarawak Showcase", *Sarawak Muzeum Journal*. Vol.XL No. 61, Desenber. hlm. 9-20.
- Ismail Mat
- 1989 *Islam di Brunei, Sarawak dan Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit Asiana.
- Jabatan Perangkaan Malaysia/Sarawak
- 1992 *Perangkaan Penting Sarawak 1991*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia/Sarawak
- 1991 *Siaran Perangkaan Penting Sarawaak 1991*. Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia/Sarawak.

- Jackson J.G.
- 1976 *Sarawak, Satu kajian Ilmu Alam Tentang Negeri Yang Sedang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Karya asal, Sarawak: a geography Survey of a Developing State, 1968
- Jamuh, George
- 1973 *Some Melanau Customs And Taboos*. kuching: Borneo Literature Bureau.
- 1951 "Somes Melanau Pastimes", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol. V. November. hlm. 446-456.
- Jiniri Amir
- 1989 "Adat Resam Melanau", *The Sarawak Muzeum Journal*, Vol. XL Desember. hlm. 209-222.
- 1988 "Komuniti Melanau" dalam *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching: Kerajaan Negeri Sarawak. hlm. 173-214.
- Joseph K.T. Hock
- 1982 "Analysing Census Data on Religion in Sarawak 1947-1986", *Sararawak Gezzete*. April.
- 1987 "Minor Indigenous Group in Sarawak", *Sarawak Gezzete*. Disember. Jones, L.w.
- 1960 *Sarawak Report on The Census of Population*. Kuching: Percetakan Kerajaan.
- Keppel, Henry
- 1846 *Expedition To Sarawak*. London: Chapman & Hall.
- King, Victor T.
- 1978 *Essays On Borneo Societies, Hull Monographs on South-East Asia*. Oxford: Oxford University Press for the University Of Hull.
- 1974 *Ethnic Classification And Ethnic Relation: A Case Study*. Oxford: Center For South-East Asia Study, University Of Hull.
- 1989 "What's in a Name? Ethnicity and The Problems it Poses for Antropologist", *The Sarawak Meseum Journal*. Vol. XL, (New series), No. 4 Part I, Desember. hlm. 235-245.
- King, T.Victor el. at.
- 1982 "Ethnicity in Borneo: An Anthropological Problem, Dalam ethnicity in South East Asia ", *South East Asian Journal of Social Science*. 10(1).

- Lawrence & Hewith
- 1908 "Some Aspects of Spirit-Worship Among The Milanos of Sarawak", *The Journal Of Royal Anthropology*. London : Institute of Great Britain and Ireland. Vol. 38..
- Leach, E. *Research*
- 1950 *The Social Science in Sarawak*. London: Colonial Office.
- Lee, Yong Leng
- 1981 *Penduduk Dan Pertempatan Di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Karya asal, *Popolation and Settlement in Sarawak*, 1970.
- Leigh, M.
- 1975 "Ethnicity and Development", *Sarawak Muzeum Journal*. No.44 (n.s.) Vol. XXIII.
- Lo, Ming
- 1966 *Sarawakian Civilization & Social Struktur*. Kuching: Lo Ming.
- Low, Hugh
- 1848 *Sarawak; Its Inhabitants & Production; Being Notes during a Residence in That Country with His Excellency*. New Impression, 1968. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Malaysia
- 1983 Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Moerman, Micheal
- 1965 "Ethnic idendification in a complex civilization: who are the Lue?", *American Anthropologist*, 76(5): 1215-1230.
- Mohd. Yaakud haji Johari
- 1989 "Issues In The identification And Classification of Indigenous Ethnic Group in Sabab And Sarawak", *The arawak Muzeum Journal*. Vol.XL, Desember. hlm. 209-218.
- Morris H.S.
- 1953 *Report On The Melanau Sago Producing Community in Sarawak*. London: Kolonial Office.
- 1965 "Melanau Funeral Rites" dalam *A Sarawak Anthology*. University of London Press Ltd. hlm 82-84.
- 1991 *The Oya Melanau*, Kuching: Malaysia Historical Society (Sarawak Branch).

- 1981 "The Melanau View of Their Environment", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XXIX, Desember. hlm. 27-57.
- 1989 "The Melanaus, an Anthropological Overview", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL, Desember.
- Morrison H.
- 1957 "The Melanaus" dalam *Sarawak*. Kuala Lumpur: Federal Publications. hlm. 120-127
- Noakes, J.L.
- 1950 *Sarawak and Brunei; A Report on The 1947 Population Census*. Kuching: Government Printer.
- Nagata, Judith
- 1974 "What is a Malay? Situational Selection of Ethnic Identity in a Plural Society", *American Ethnologist* 1(2). hlm. 331-348.
- Rahman Haji Rahim & Jeniri Amir
- 1988 "Mukah Berubah Wajah", *Jurnal Persatuan sejarah Malaysia Cawangan Sarawak*, Kuching.
- Richard, C. Fidler
- 1989 "Ethnic Identity in Multi-ethnic Societies", *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XL, (n.s.) No. 4 Part I, Desember. hlm. 21-25.
- Rooney, John
- 1981 *Khabar Gembira; (The Good News) A History of The Catholic Church In East Malaysia and Brunei, (1880-1976)*. London-Kota Kinabalu: Barns & Oates.
- Roth, Henry Ling
- 1896 *The Natives of Sarawak And British North Borneo*. Volume II. Kuala Lumpur: Dicetak semula oleh University Of Malaya Press, 1968.
- Rousseau, Jerome
- 1990 *Central Borneo: Ethnicity Identity and Social Life in a Stratified Society*. Oxford: Clarendon Press.
- Sabihah Osman
- 1991 "Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada abad ke 9" dalam *Masyarakat Melayu Abad Ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- 1990 *Perkembangan Pelajaaraan Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sanib Said
1985 *Malay Politic In Sarawak , 1946-1966, The Search for Unity and Politic Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Tan, Chee Beng
1988 *The Baba of Melaka; Culture And Identity of A Chinese Peranakan Community Of Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- 1993 Pendahuluan dalam *The Migration Of Kenyah Badeng*, Oleh Vom Roy, ed. oleh Tan Chee Beng hlm. xiii-Li. Kuala Lumpur: Institusi Pengajian Tinggi, Universiti Malaya.
- Toyad, M.
1989 "Adat Pertunangan dan Perkahwinan Suku Kaum Melanau Liko (pagan) di Mukah dan Dalat", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol. XL Desember. hlm. 255-362.
- Yasir Abdul Rahman
1985 *Melanau Mukah; Satu kajian Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Satem J.
1970 "The Changing of Sarawak's Export Trade form 1884 to the Present", *Sarawak Gezzete*. July.
- Sarawak Imformation Servis
1960 *Imformation on Sarawak*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Vinson H. Sutline
1989 "Ethnic identity and Aspiration", *The Sarawak Muzeum Journal*, Vol. XL, Desember. hlm. 35-49.
- Winzeler, Robert
1985 *Ethnic Relation In Kelantan; A Study Of The Chinese And Thai An Ethnic Minorities In A Malay State*. Singapore: Oxford University Press.
- Zaini Ozea
1989 "Bahasa Melanau; Suatu Tanggapan Awal", *The Sarawak Muzeum Journal*. Vol. XL, Desember. hlm. 231-243.

Kertas Kerja Semasa Seminar Budaya Melanau II, 1993

Aloysius Dris

"An Overview- The Cultural future Of The Melanau Community".

Abdul Rahmah Adullah

"Social-Cultural Change in the Melanau Community".

Edmund Kurui

"Material Culture- Sago-based Artifacts & implements".

Hang Tuah Merawin

"Pandangan Dunia Melanau Traditinal".

Hat Hoklai

"Material Culture: Melanau Traditional Food".

Micheal Toyad

"Codification Of Melanau Adat".

Zaini Ozea

"Bahasa Melanau dalam kontek Perubahan Budaya".